

ANALISIS KOHESI DALAM RUANGAN POJOK

TENGKU SHAHROLNIZAM BIN TENGKU YAHYA

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

ANALISIS KOHESI DALAM RUANGAN POJOK

TENGKU SHAHROLNIZAM BIN TENGKU YAHYA

**DISERTASI INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**JABATAN BAHASA MELAYU
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Tengku Shahrolnizam Bin Tengku Yahya

No. Pendaftaran/Matrik: JGA150006

Nama Ijazah: Sarjana Pengajian Melayu

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Bidang Penyelidikan: Bahasa Melayu

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan

ABSTRAK

Kajian berkaitan aspek kohesi terangkum dalam bidang analisis wacana. Aspek kohesi berfungsi untuk menghubungkan satu idea dengan idea yang lain dengan teratur, selanjutnya menjadikan teks bertaut dengan baik dan difahami dengan mudah oleh pembaca. Oleh itu, aspek kohesi sangat penting terutamanya dalam akhbar yang merupakan medium penyampai maklumat kepada masyarakat. Penyampaian idea yang jelas dan teratur dalam akhbar khususnya ruangan pojok sangat penting kerana idea yang teratur berupaya menyampaikan mesej kepada pembaca dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, kajian kohesi ini memanfaatkan sepuluh artikel ruangan pojok Awang Selamat yang disiarkan dalam akhbar Mingguan Malaysia bermula 18 September 2016 hingga 13 November 2016. Kajian aspek kohesi ini mengaplikasikan teori yang dimajukan oleh Halliday dan Hasan (1976), iaitu merangkumi komponen tekstual melalui ‘alatan nahuan’ (*grammatical device*) dan sebahagian lagi melalui ‘alatan leksikal’ (*vocabulary device*) dan kedua-duanya dari segi teori dinamakan kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek kohesi dalam ruangan pojok, mengkategorikan jenis kohesi dalam ruangan pojok dan menganalisis fungsi kohesi dalam ruangan pojok. Hasil kajian mendapat wujud empat aspek kohesi nahuan dalam data, iaitu rujukan, penggantian, penghilangan dan penghubung. Keempat-empat aspek kohesi nahuan tersebut berfungsi untuk mempertaut idea dalam teks supaya dapat difahami oleh pembaca. Sementara itu, dua aspek kohesi leksikal yang melibatkan pernyataan semula leksikal dan leksikal berkolokasi turut wujud dalam teks dan memainkan peranan penting dalam membentuk jalinan makna yang bersepadau dan berstruktur dalam data. Keupayaan pengarang ruangan pojok memanfaatkan kedua-dua aspek kohesi ini menjadikan artikel Awang Selamat mudah difahami dan sangat menarik untuk dibaca. Kajian aspek kohesi ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pengkaji bahasa yang lain untuk memahami aspek kohesi

dengan lebih mendalam. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menambahkan kajian sedia ada berkaitan aspek kohesi dan seterusnya dapat menyumbang dalam perkembangan bidang wacana bahasa Melayu.

University Of Malaya

ABSTRACT

The research is related to the cohesion aspects consisted in discourse analysis field. The function of the cohesion aspect is to connect an idea with another idea properly, making the text cohesive and easily understood by readers. Hence, the cohesion aspect is essential in the newspaper which is a medium of mass communication. An effective delivery of a message, especially in the editor's view column, is essential to get the intended message across to the viewers. This research applies the theory that was forwarded by Halliday and Hasan (1976) which encompasses the textual component through grammatical device and vocabulary device. This research analyses 10 articles of the editor's view by Awang Selamat published in Mingguan Malaysia from 18th September until 13th November 2016. The main objectives of this research are to identify the aspect of cohesion in the editor's view column, to categorise the types of cohesion in the editor's view column and to analyse the function of cohesion in the editor's view column. The result of this research showed four aspects of grammatical cohesion in the data which are reference, substitution, ellipsis and conjunction. These aspects function to link the idea in the text to create meaningful phrases which can be understood by the readers. Meanwhile, two aspects of lexical cohesion which involve reiteration and collocation lexical exist to play an important role in creating significant meaning and structured data. The ability of the writer of the editor's view column to apply both cohesion aspects makes Awang Selamat's articles easily understandable and interesting to read. Hopefully, the research of cohesion aspects can be a guideline to language researchers to understand the aspect of cohesion in depth. In addition, it is hoped that this research can enrich prior researchers related to the cohesion aspects, thus contributing to the development of the Malay discourse field.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pertama sekali saya ingin memanjang syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmat-Nya saya dapat menyiapkan disertasi ini. Sesungguhnya dengan izin Tuhan semesta alam, maka disertasi ini dapat disiapkan setelah melalui pelbagai onak dan cabaran.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya titipkan buat Dr. Rohaidah Binti Haron yang menjadi penyelia saya dan seterusnya telah menyelia disertasi ini dengan jayanya. Segala teguran, nasihat, pandangan, komen dan buah fikiran yang telah diberikan kepada saya sepanjang proses menyiapkan disertasi ini amat saya hargai. Sesungguhnya setiap teguran dan pandangan yang bernalas itu telah menjadi pemangkin dan semangat untuk saya menyiapkan disertasi ini. Terima kasih sekali lagi saya ucapan kepada Dr. Rohaidah Binti Haron atas tugas cemerlang beliau sepanjang proses saya menyiapkan kajian ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya hulurkan kepada Dr. Muhammad Saiful Haq Hussin, selaku Ketua Jabatan Bahasa Melayu Akademi Pengajian Melayu yang banyak memberi pandangan semasa pembentangan proposal dan pembentangan *Candidature Defence*. Tidak dilupakan ucapan terima kasih juga dihulurkan buat Profesor Madya Dr. Ab. Razak Bin Ab. Karim dan Profesor Madya Dr. Indirawati Binti Zahid yang telah banyak memberi pandangan dan nasihat semasa pembentangan proposal dan juga *Candidature Defence*.

Seterusnya, saya ingin menghulurkan ucapan terima kasih dan kasih sayang yang tidak terhingga buat isteri tersayang, Nor Akmaliah Binti Lukman serta anak-anak yang telah banyak memberi dorongan dan perangsang kepada saya untuk menyambung pelajaran dan seterusnya menyiapkan disertasi ini. Tanpa sokongan daripada isteri dan anak-anak, tidak mungkin saya akan menamatkan pengajian sarjana ini.

Tidak ketinggalan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penaja pengajian saya, iaitu majikan saya Majlis Amanah Rakyat yang telah banyak memberi bantuan dalam bentuk kewangan dan cuti sepanjang saya menuntut di Universiti Malaya. Ucapan terima kasih juga dihulurkan buat saudara Fauzi Bin Hasan, iaitu sahabat saya yang juga banyak memberi perangsang untuk saya menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali, kajian analisis wacana terhadap ruangan pojok ini sememangnya merupakan kajian yang amat menarik dan telah membuka mata saya untuk mendalamai dan memahami bidang analisis wacana.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SIMBOL DAN SINGKATAN	xv
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Sorotan Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Bidang Kajian	11
1.6 Bahan Kajian	14
1.7 Batasan Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Konsep Wacana dan Analisis Wacana	19
1.10 Definisi Operasional	25
1.10.1 Kohesi (<i>cohesion</i>)	25
1.10.2 Eksofora (<i>Exophora</i>)	27
1.10.3 Endofora (<i>Endophora</i>)	27
1.10.4 Anafora (<i>Anaphora</i>)	28
1.10.5 Katafora (<i>Cataphora</i>)	30
1.10.6 Teks	31
1.10.7 Rujukan (<i>Reference</i>)	31
1.10.8 Penggantian (<i>Substitution</i>)	32
1.10.9 Penggantian Namaan	33
1.10.10 Penggantian Kerjaan	34

1.10.11 Penggantian Klaus	34
1.10.12 Penggantian Bahasa Kiasan	35
1.10.13 Penggantian Bahasa Figuratif	35
1.10.14 Penghilangan (<i>Ellipsis</i>)	36
1.10.15 Penghilangan Namaan	37
1.10.16 Penghilangan Kerjaan	38
1.10.17 Penghubung (<i>Conjunction</i>)	38
1.10.18 Kata Penghubung Gabungan	39
1.10.19 Kata Penghubung Waktu	39
1.10.20 Kata Penghubung Pancangan Keterangan	40
1.10.21 Kata Penghubung Sebab dan Akibat	40
1.10.22 Kata Penghubung Syarat dan Pengandaian	40
1.10.23 Pengulangan kata Sama atau Hampir Sama	41
1.10.24 Pernyataan Semula Secara Sinonim atau Hampir Sinonim	41
1.10.25 Superordinat (<i>Hyponymy</i>)	42
1.10.26 Hiponimi	43
1.10.27 Meronim (<i>Meronymy</i>)	44
1.10.28 Meronim Wajib	45
1.10.29 Meronim Pilihan	46
1.10.30 Kolokasi (<i>Collocation</i>)	46
1.10.31 Kolokasi Kata Berkaitan	47
1.10.32 Kolokasi Kata Berlawanan	48
1.10.33 Pojok	48
1.11 Rumusan	48
BAB 2 : METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORITIS	50
2.1 Pendahuluan	50
2.2 Metodologi Kajian	50
2.2.1 Reka Bentuk Kajian	50
2.2.1.1 Kaedah Kajian Kepustakaan	51
2.2.1.2 Kaedah Kajian Teks	51
2.3 Kaedah Pengumpulan Data	52

2.3.1	Pemilihan Ruangan	52
2.3.2	Pengumpulan Data	53
2.3.3	Pembacaan terhadap Teks Kajian	53
2.3.4	Proses Analisis Data	54
2.4	Teori Kohesi	56
2.5	Kerangka Konsepsi	70
2.6	Rumusan	72
BAB 3 : KOHESI NAHUAN DALAM TEKS AWANG SELAMAT		73
3.1	Pendahuluan	73
3.1.1	Rujukan	73
3.1.2	Penggantian	96
3.1.3	Penghilangan	106
3.1.4	Penghubung	110
3.2	Rumusan	122
BAB 4 : KOHESI LEKSIKAL DALAM TEKS AWANG SELAMAT		125
4.1	Pendahuluan	125
4.2	Pernyataan Semula Leksikal	125
4.2.1	Pengulangan Kata yang Sama atau Kata yang Hampir Sama	126
4.2.1.1	Pengulangan Kata yang Sama	127
4.2.1.2	Pengulangan Kata atau Frasa yang Hampir Sama	134
4.2.2	Pernyataan Semula Secara Sinonim atau yang Hampir Sinonim	136
4.2.3	Pernyataan Semula Melalui Kata Superordinat (Hiponim)	144
4.2.4	Pernyataan Semula Melalui Meronim	151
4.3	Leksikal berkolokasi	156
4.3.1	Kolokasi Kata Berkaitan	157
4.3.2	Kolokasi Kata Berlawanan	162
4.4	Rumusan	167
BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN		170
5.1	Pendahuluan	170

5.2	Rumusan Kohesi Nahuan	170
5.3	Rumusan Kohesi Leksikal	176
5.4	Cadangan Kajian	183
BIBLIOGRAFI		186

SENARAI LAMPIRAN	192
LAMPIRAN T1	192
LAMPIRAN T2	194
LAMPIRAN T3	196
LAMPIRAN T4	198
LAMPIRAN T5	200
LAMPIRAN T6	202
LAMPIRAN T7	204
LAMPIRAN T8	206
LAMPIRAN T9	208
LAMPIRAN T10	210

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Senarai tajuk ruangan pojok Awang Selamat	15
Jadual 2.1	Tajuk teks kajian aspek kohesi ruangan pojok Awang Selamat	54
Jadual 3.1	Jumlah kata ganti nama diri dalam ruangan pojok Awang Selamat	74
Jadual 3.2	Kata ganti nama diri pertama dan kedua sebagai anafora	77
Jadual 3.3	Kata ganti nama diri ketiga sebagai anafora	79
Jadual 3.4	Kata ganti nama diri orang ketiga (bahasa istana) sebagai anafora	81
Jadual 3.5	Kata ganti nama diri ketiga sebagai katafora	84
Jadual 3.6	Kata ganti nama tunjuk ini sebagai penerang masa kini	87
Jadual 3.7	Kata ganti nama tunjuk ini sebagai dekat dengan pembicara	89
Jadual 3.8	Kata ganti nama tunjuk ini sebagai rujukan secara anafora	90
Jadual 3.9	Kata ganti nama tunjuk ini sebagai rujukan secara katafora	91
Jadual 3.10	Kata ganti nama tunjuk itu sebagai rujukan secara anafora	93
Jadual 3.11	Kata ganti nama tunjuk itu sebagai rujukan secara katafora	95
Jadual 3.12	Penggantian namaan dalam ruangan pojok Awang Selamat	97
Jadual 3.13	Penggantian kerjaan dalam ruangan pojok Awang Selamat	99
Jadual 3.14	Penggantian bahasa kiasan dalam ruangan pojok Awang Selamat	101
Jadual 3.15	Penggantian bahasa figuratif dalam ruangan pojok Awang Selamat	104
Jadual 3.16	Penghilangan namaan dalam ruangan pojok Awang Selamat	108
Jadual 3.17	Penghilangan kerjaan dalam ruangan pojok Awang Selamat	109
Jadual 3.18	Kata penghubung gabungan dalam ruangan pojok Awang Selamat	111
Jadual 3.19	Kata penghubung waktu dalam ruangan pojok Awang Selamat	114
Jadual 3.20	Kata penghubung pancangan keterangan dalam ruangan pojok Awang Selamat	116
Jadual 3.21	Kata penghubung sebab dan akibat dalam ruangan pojok Awang Selamat	119
Jadual 3.22	Kata penghubung syarat atau pengandaian dalam ruangan pojok	121
Jadual 4.1	Pengulangan kata nama khas yang sama	127
Jadual 4.2	Pengulangan kata ganti nama	131
Jadual 4.3	Pengulangan kata/frasa hampir sama	134
Jadual 4.4	Pernyataan semula secara sinonim dan hampir sinonim	137
Jadual 4.5	Meronim wajib dalam ruangan pojok Awang Selamat	152
Jadual 4.6	Meronim pilihan dalam ruangan pojok Awang Selamat	154
Jadual 4.7	Pernyataan semula melalui kolokasi kata berkaitan	157

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Unsur wacana (Ismail, 2016, p.349)	21
Rajah 1.2	Hakikat wacana (Henry, 1995, p.35)	22
Rajah 1.3	Kategori bahasa kiasan (Abdullah dan Ainon, 1993, p.v)	35
Rajah 2.1	Kohesi wacana (Halliday dan Hasan, 1976, p.29)	58
Rajah 2.2	<i>Reference</i> (Halliday dan Hasan, 1976, p.33)	59
Rajah 2.3	Kata ganti nama diri (Nik Safiah et.al, 2010, p.86)	59
Rajah 2.4	Kata ganti nama diri (Asmah, 2015, p.88)	60
Rajah 2.5	Rujukan secara demonstratif (Halliday dan Hasan, 1976, p.57)	61
Rajah 2.6	Kata ganti nama tunjuk (Nik Safiah et.al, 2010, p.102)	62
Rajah 2.7	Hiponim (Abdul Chaer, 2007, p.135)	68
Rajah 2.8	Meronim (Cruse, 1986 dalam Dedi, p.187)	69
Rajah 2.9	Kerangka Konsepsi	71
Rajah 4.1	Hiperonim istana	145
Rajah 4.2	Hiperonim pemimpin	146
Rajah 4.3	Hiperonim Pakatan Harapan	146
Rajah 4.4	Hiperonim sistem demokrasi	147
Rajah 4.5	Hiperonim Bersih 5.0	148
Rajah 4.6	Hiperonim pembangkang	149
Rajah 4.7	Hiperonim Jabatan Perdana Menteri	149
Rajah 4.8	Hiperonim George Soros	150
Rajah 4.9	Meronim Tun Dr. Mahathir	155

SIMBOL DAN SINGKATAN

SIMBOL

Rujukan anafora dan katafora →

Gatra penghilangan Ø

Meronim kepada > <

SINGKATAN

T Teks

P Perenggan

A Ayat

KGND Kata ganti nama diri

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Wacana merupakan bidang yang amat menarik untuk dikaji terutama dari aspek kohesi atau *cohesion*. Kohesi berkait dengan unsur pemaut dan penyatu serta mempunyai fungsi yang amat penting dalam binaan wacana. Andai kata tiada kohesi dalam teks, maka sesuatu teks atau wacana tidak akan bertaut dengan baik kerana tiada jalinan idea yang dapat mempertaut teks menjadi suatu kalimat yang bermakna. Pengkaji seperti Halliday dan Hasan (1976), Sato (1997) serta Idris (2010) menggunakan istilah tetenunan untuk merujuk aspek kohesi, namun terdapat juga pengkaji bahasa menggunakan istilah-istilah lain yang merujuk kohesi seperti istilah tautan (Sanat, 2002) dan kesinambungan topik (Wong Khek Seng, 1995). Walaupun istilah kohesi yang digunakan oleh penahu berbeza-beza, namun aspek kohesi tetap mempunyai fungsi yang tersendiri dalam binaan sesbuah teks secara keseluruhannya.

Aspek kohesi sangat penting dalam wacana kerana aspek ini dapat menjadikan teks bertaut dengan baik di samping berfungsi untuk menghubungkan satu idea dengan idea yang lain dengan teratur. Idea yang teratur berupaya menyampaikan mesej kepada pembaca dengan berkesan. Sebagai kesannya, pembaca akan tertarik kepada sesuatu teks atau wacana jika pengarang berupaya menzahirkan ideanya dengan sempurna melalui kohesi nahanan mahupun kohesi leksikal. Oleh itu, pemanfaatan fungsi kohesi dalam wacana penting agar mesej yang ingin disampaikan dalam sesuatu teks dapat difahami oleh pendengar mahupun pembaca.

Aspek kohesi yang telah dimajukan oleh Halliday dan Hasan (1976) merangkumi dua elemen utama, iaitu komponen tekstual melalui ‘alatan nahanan’ (*grammatical device*)

dan sebahagian lagi melalui ‘alatan leksikal’ (*vocabulary device*) dan kedua-duanya dari segi teori dinamakan kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Lazimnya, makna yang lebih umum diterangkan melalui kohesi nahuan, manakala makna yang lebih khusus diterangkan melalui kohesi leksikal. Menurut Halliday dan Hasan (1976), komponen tekstual bagi fungsi bukan struktural lebih tertumpu pada unsur *cohesion* yang merujuk hubungan makna yang wujud dalam wacana atau teks.

Idris (2010) menyatakan bahawa teks atau wacana dibentuk secara utama oleh unsur-unsur ‘pemaut’ dan ‘penyatu’. Unsur pemaut ditandai oleh alat-alat ‘tetenanun’ atau kohesi (*cohesion*), manakala unsur penyatu dicirikan oleh ‘kesatuan idea’ atau *coherence* dalam wacana. Menurut Eriyanto (2001), kohesi ialah pertalian atau jalinan antara kata atau kalimat dalam teks. Dua kalimat yang menggambarkan fakta yang berbeza dapat dihubungkan sehingga menjadi koheren hatta fakta yang tidak berhubungan sekalipun akan menjadi berhubungan ketika seseorang menghubungkannya. Sebagai contoh “*demonstrasi mahasiswa*” dan kalimat “*nilai mata wang rupiah rendah*” ialah dua fakta yang berbeza sama sekali. Dua kalimat tersebut bertaut dalam aspek kohesi apabila kedua-duanya dihubungkan dengan kata hubung ‘mengakibatkan’ sehingga menjadi kalimat yang bermakna, iaitu “*demonstrasi mahasiswa mengakibatkan nilai mata wang rupiah rendah*” (Eriyanto, 2001).

Menyedari kepentingan aspek kohesi dalam sesebuah wacana, maka kajian ini amat penting untuk dilaksanakan terutama sekali bagi menambahkan kajian kohesi lebih-lebih lagi kajian berkaitan rencana pengarang daripada perspektif kohesi di negara kita amat kurang dijalankan. Dalam masa yang sama, kajian ini penting terutama bagi menguji teori yang akan diaplikasikan. Teori kohesi yang dimajukan oleh Halliday dan Hassan (1976) dilihat berupaya untuk mengungkap permasalahan kajian ini. Selain itu, kajian ini juga penting sebagai suatu usaha bagi memahami dan menghuraikan cara wacana berfungsi dan digembleng dalam ruangan pojok selain dapat membuka ruang kepada

pengkaji untuk melihat aspek kohesi dengan lebih mendalam serta menambahkan kajian kohesi berdasarkan perspektif analisis wacana.

Pemilihan ruangan pojok Awang Selamat sebagai bahan kajian dilakukan memandangkan akhbar berfungsi sebagai alat penyebaran maklumat, pengetahuan dan pembentukan pemikiran masyarakat. Menurut Siti Rodziyah (2009), akhbar memikul tanggungjawab sosial sebagai pengkritik ketidakadilan ekonomi dan sosial, memperbaiki cara bekerja dan kaedah perjuangan serta meningkatkan kesedaran politik. Bertitik tolak daripada senario inilah, maka kajian kohesi wajar untuk diberi perhatian.

1.2 Sorotan Kajian

Dalam bahagian ini akan dibincangkan kajian-kajian lepas berkaitan aspek kohesi yang melibatkan pengkaji dari dalam maupun luar negara. Pelbagai pendekatan telah digunakan oleh para pengkaji untuk mengkaji aspek kohesi termasuklah pengaplikasian teori dan data yang berbeza. Kajian-kajian yang telah dilakukan sedikit sebanyak dapat dijadikan panduan dan secara tidak langsung menambahkan lagi kajian dalam bidang analisis wacana di negara kita.

Almeida (1984) dalam tesis doktor falsafahnya telah mengkaji aspek kohesi yang bertajuk *The interplay of cohesion and coherence in native and non-native written academic discourse*. Dengan menggunakan teori kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hassan (1976), kajian ini memberi fokus terhadap penutur asli bahasa Portugis sebagai bahasa pertama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa aspek kohesi leksikal seperti penggantian dan penghilangan memainkan peranan yang penting dalam pertuturan bahasa ibunda dan bahasa kedua, manakala aspek kohesi nahuan juga diaplikasikan dalam pertuturan.

Smith (1985) telah melakukan kajian tentang kohesi yang bertajuk *Semantics aspects of cohesion in text and their relationship to recall* dengan memberi tumpuan terhadap pembaca, penulis dan teks serta hubungan konteks dalam mengingat semula teks yang dibaca. Dengan menggunakan pendekatan teori yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hassan (1976), kajian ini memberi tumpuan terhadap pelajar sekolah rendah tinggi (*upper-primary school*) dan tertumpu pada dua aspek kohesi yang penting, iaitu kohesi nahanan dan kohesi leksikal. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa aspek kohesi dalam teks merupakan faktor terpenting dalam struktur teks terutama dalam mengaitkannya dengan teori pembacaan dan amalan membaca.

Okurowski (1986) dalam kajiannya yang bertajuk *Textual cohesion in modern standard Chinese* telah mengkaji aspek kohesi dalam Bahasa Cina Moden Standard (MSC). Kajian ini memberi tumpuan terhadap teks penyiaran berita radio di tanah besar China dengan perhatian tertumpu terhadap berita politik, ekonomi dan sosial. Dengan menggunakan kerangka teori yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976), kajian ini telah memberi fokus terhadap tiga jenis hubungan berpusat dalam teks MSC, iaitu hubungan dalam kumpulan yang sama, hubungan struktur dan hubungan persamaan. Dapatkan kajian ini menunjukkan aspek kohesi wujud dalam MSC khususnya dalam teks berita penyiaran radio.

Tan Joo Seng (1994) dalam kajiannya tentang *Wacana Berita Sukan Dalam Akhbar Bahasa Melayu* telah meneliti dan mengkaji struktur semantik global wacana sukan dalam akhbar bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan teori makrostruktur semantik Van Dijk. Bahan kajian ialah 200 teks akhbar berita sukan terpilih yang disiarkan dalam akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia dari bulan Mac hingga Mei 1993. Tumpuan kajian berdasarkan berita sukan bertujuan untuk menguatkan lagi asas empiris bagi teori makrostruktur Van Dijk. Kajian ini mendapati wacana berita sukan terdiri daripada dua bahagian yang saling berkaitan, iaitu bahagian ringkasan dan

bahagian pengembangan. Hasil kajian ini memungkinkan aspek koheren semantik global ditafsir semula agar pengertiannya lebih jelas. Dapatkan aspek koheren semantik global dibahagikan kepada empat jenis, iaitu koheren bersyarat, koheren fungsional, koheren inti dan koheren lanjutan.

Setianna (1994) dalam kajiannya bertajuk *Cohesion in Toba-Batak* telah menganalisis aspek kohesi dalam kalangan penutur jati bahasa Toba-Batak di Sumatera, Indonesia. Kajian ini menggunakan pendekatan teori yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976) dengan tumpuan diberi terhadap kohesi nahu dan kohesi leksikal. Dapatkan kajian ini menunjukkan aspek kohesi nahu telah diaplikasikan oleh penutur bahasa Toba-Batak dalam perbualan mereka seperti aspek rujukan (*reference*), penggantian (*substitution*), penghilangan (*ellipsis*) dan penghubung (*conjunction*). Bagi kohesi leksikal pula, kajian ini mendapat aspek pernyataan semula (*reiteration*) dan kolokasi (*collocation*) turut wujud dalam penutur asli bahasa Toba-Batak.

Wong Khek Seng (1995) dalam kajiannya bertajuk *Kesinambungan Topik Dalam Bahasa Melayu* telah memerihalkan konsep topik dan kesinambungannya berlandaskan analisis wacana. Kajian ini dianggap penting kerana menghuraikan topik secara fungsional yang kurang mendapat perhatian daripada para pengkaji khususnya dalam linguistik Melayu. Kajian ini memperkenalkan secara khusus konsep baharu dalam nahu bahasa Melayu, iaitu kesinambungan topik berdasarkan data sastera. Analisis dilakukan berdasarkan pendekatan paradigmatis atau wacana yang diperkenalkan oleh Givon. Dengan memperkenalkan konsep Kesinambungan Topik melalui pendekatan sintagmatis-paradigmatis dalam nahu bahasa Melayu secara tidak langsung dapat memanfaatkan linguistik Melayu dalam bidang linguistik terapan. Kajian ini mempunyai implikasi besar terhadap pedagogi bahasa, penterjemahan dan retorika.

Sato (1997) menerusi kajian yang bertajuk *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah* turut mengkaji aspek kohesi dalam

kajiannya. Beliau menggunakan Teori Nahu Fungsian yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan dalam kajiannya. Dalam kajian ini, Sato menganalisis bentuk nahanan dan penyebaran ayat dalam wacana yang terdapat dalam karya klasik Hang Tuah. Kajian ini membincangkan bentuk ayat dan distribusinya dalam wacana berdasarkan rangka nahu wacana. Tumpuan diberikan kepada analisis kohesi yang didapati antara ayat yang membentuk wacana, berhubung dengan kombinasi susunan maklumat dan susunan ayat yang bersifat logik. Antara yang dibincangkan dalam kajian ini ialah permasalahan nahu ayat, tujuan dan ruang lingkup wacana, dan teori perkaedahan. Selain itu, dihuraikan bentuk nahanan ayat yang digunakan dalam wacana serta analisis tentang sudut pandangan pembicara mempengaruhi pemilihan judul dalam ayat kompleks setara. Kesimpulan kajian ini menekankan bahawa bentuk nahanan ayat perlu dikaji berdasarkan susunan maklumat dan susunan ayat yang lojik khususnya dalam konteks wacana.

Sanat (2002) menerusi kajian yang bertajuk *Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar* telah menghuraikan tiga tujuan utama kajiannya, iaitu untuk menghuraikan tautan yang digunakan dalam rencana pengarang yang mewakili wacana bahasa Melayu akhbar, membandingkan tautan yang dikaji dari segi jenis dan subjenis dan menguji model yang dikemukakan dalam kajian. Bahan kajian beliau ialah 15 buah rencana pengarang diambil daripada akhbar Utusan Zaman sejak tahun 1957 hingga tahun 1961. Dalam kajiannya, Sanat mengemukakan dua hipotesis, iaitu sesuatu teks dengan kepanjangan teks yang dikaji perlu mempunyai tautan perulangan, kolokasi dan penghubung ayat sebagai pembentuk teks dan model tautan pindaan lebih berupaya untuk menangani data teks daripada Model Tautan Halliday dan Hasan 1976.

Asma (2003) dalam disertasi sarjananya telah membuat kajian bertajuk *Berita Politik Dalam Akhbar Bahasa Melayu: Analisis Struktur Dan Kohesi*. Kajian ini menerapkan pendekatan genre yang diperkenalkan oleh Swales (1981) serta teori kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976). Korpus kajian terdiri daripada 200

wacana berita politik yang dipetik daripada dua akhbar utama berbahasa Melayu, iaitu Utusan Malaysia dan Berita Harian dari bulan Januari hingga Mei 2001. Hasil analisis mendapati kedua-dua kohesif rujukan dan kata hubung memainkan peranan penting bagi mewujudkan tautan wacana berita. Dapatan kajian ini menyokong sepenuhnya teori kohesi Halliday dan Hasan (1976), iaitu wacana berita politik merupakan sebuah teks berdasarkan wujudnya hubungan kohesif di antara kedua-dua alat yang diselidik dalam kajian ini dan alat-alat tersebut mewujudkan tekstur dalam teks.

Ana Nadhya Abrar (2010) telah menghasilkan kajian bertajuk *Hubungan Dewan Perwakilan Rakyat Dengan Pemerintah Pada Masa Pentadbiran Megawati Soekarnoputri: Analisis Wacana Surat Khabar Indonesia*. Kajian ini dilakukan terhadap berita utama tentang hubungan DPR dengan pemerintah yang disiarkan dalam akhbar Kompas, Media Indonesia dan Rakyat Merdeka pada masa pentadbiran Presiden Megawati Soekarnoputri. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis wacana terhadap 33 berita utama tentang hubungan DPR dengan pemerintah yang disiarkan dalam akhbar Kompas, Media Indonesia dan Rakyat Merdeka dalam tempoh 23 Julai 2001 hingga 22 Januari 2002 dan 20 April 2002 hingga 20 Oktober 2004. Data kajian dianalisis dengan menggunakan sudut pandangan kebudayaan. Kajian ini mendapati bahawa ketiga-tiga akhbar tersebut berpihak kepada khalayak dalam menyiaran berita tentang hubungan DPR dengan pemerintah. Akhbar Kompas didapati telah melakukan fungsi sosial dengan menyiaran berita yang mengutamakan kepentingan khalayak. Sementara akhbar Media Indonesia meletakkan khalayak sebagai pembaca yang kritis dan akhbar Suara Merdeka pula menganggap khalayak sebagai pembaca yang reaksioner.

Santhy (2011) telah membuat kajian analisis wacana yang bertajuk *Kohesi Dalam Rencana Pengarang Akhbar Tamil*. Kajian ini telah dilakukan bagi menganalisis penggunaan kohesi nahan dan kohesi leksikal dalam rencana pengarang akhbar-akhbar Tamil tempatan. Aspek yang dikaji meliputi jenis-jenis kohesi dan kekerapan penggunaan

kohesi dalam rencana pengarang yang baik, sederhana dan lemah keutuhannya. Analisis dilakukan mengikut model yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976). Sebanyak 104 rencana pengarang daripada tiga buah akhbar Tamil di Malaysia, iaitu Malaysia Nanban, Tamil Nesan dan Makkal Osai dijadikan data kajian. Kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal didapati berbeza mengikut setiap rencana pengarang. Kohesi nahuan yang telah dikenal pasti penggunaannya ialah kohesi nahuan rujukan, konjungsi dan penggantian serta kohesi leksikal yang terdiri daripada reiterasi dan kolokasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kohesi nahuan dan leksikal memainkan peranan penting dalam mewujudkan jalinan idea dan fakta dalam wacana rencana pengarang. Penulis juga menganalisis keutuhan wacana berdasarkan Panduan Penilaian Rujukan Kriteria seperti yang diusulkan oleh Harimurti Kridalaksana yang terdiri daripada aspek semantik, leksikal dan gramatikal.

Chang Yee Piyan (2014) dalam disertasi sarjananya telah membuat kajian yang bertajuk *Struktur Dan Makna Pariwara: Analisis Wacana Dalam Akhbar Bahasa Cina Di Malaysia*. Kajian ini berkaitan pariwara, iaitu sejenis iklan yang terbentuk daripada gabungan iklan dan rencana dalam akhbar berbahasa Cina di Malaysia. Kajian analisis wacana ini menggunakan kerangka konsep daripada gabungan Teori Linguistik Sistemik-Fungsional dan Teori Genre. Sebanyak 32 pariwara daripada empat akhbar berbahasa Cina antara 1 Oktober 2012 hingga 31 Januari 2013 telah dipilih sebagai sampel kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pariwara terdiri daripada genre campuran yang kebanyakannya ialah campuran genre penerangan dan genre iklan. Makna pariwara didirikan berdasarkan sikap yang jelas, penghubung yang terdiri daripada kata-kata atau frasa-frasa tertentu dan identifikasi yang menggunakan kenamaan. Kajian ini memberikan sumbangan kepada kedua-dua bidang linguistik dan pengiklanan.

Noor Suraya et.al (2016) dalam kajian yang bertajuk *Kata Lewah dalam Hikayat Hang Tuah* turut menyentuh aspek kohesi. Dengan mengaplikasikan teori kohesi yang

dimajukan oleh Halliday dan Hassan (1976), kajian ini memberi fokus terhadap kata lewah dalam Hikayat Hang Tuah yang mempunyai kaitan dengan aspek kohesi, khususnya kohesi leksikal. Antara kohesi leksikal yang disentuh dalam kajian ini ialah pernyataan semula leksikal (*reiteration*) dan leksikal berkolokasi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kata lewah yang terdapat dalam Hikayat Hang Tuah bukannya sesuatu yang negatif tetapi harus dipuji kerana menggambarkan kehebatan dan ketinggian akal budi serta pemikiran Melayu. Dalam masa yang sama, kajian ini turut menerbitkan kata-kata yang telah hilang daripada penutur asli bahasa Melayu yang secara tidak langsung mendedahkan semula kata-kata tersebut kepada generasi muda pada hari ini.

Berdasarkan sorotan kajian, terdapat lapan orang pengkaji termasuk dari luar negara yang telah mengaplikasikan teori kehesi dalam kajian mereka. Pengkaji seperti Almeida (1984), Smith (1985), Okurowski (1986), Setianna (1994), Sato (1995), Asma (2013), Santhy (2011) dan Noor Suraya et.al (2016) telah mengaplikasikan teori kohesi yang dimajukan oleh Halliday dan Hassan (1976), manakala Tan Joo Seng (1994) menggunakan teori makrostruktur semantik Van Dijk. Wong Khek Seng (1995) menggunakan pendekatan paradigmatis yang diperkenalkan oleh Givon untuk kajiannya, manakala Sanat (2002) mengaplikasikan model tautan pindaan dalam kajiannya. Bagi Ana Nadhya Abrar (2010), beliau menggunakan pendekatan sudut pandangan kebudayaan bagi menjelaskan kajiannya dan Chang Yee Piyan (2014) menggunakan kerangka konsep daripada gabungan Teori Linguistik Sistemik-Fungsional untuk menjelaskan kajiannya.

Dari aspek bahan kajian pula, kebanyakan data kohesi yang digunakan oleh pengkaji adalah daripada akhbar harian yang popular seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, Utusan Zaman, Kompas, Media Indonesia, Rakyat Merdeka, Tamil Nesan dan Makkal Osai. Pemilihan data daripada akhbar-akhbar harian tersebut menunjukkan bahawa wacana daripada media cetak sangat menarik untuk dikaji. Sementara itu, kajian

yang dilakukan oleh Tan Joo Seng (1994) lebih menjurus kepada struktur semantik dalam wacana, manakala Ana Nadhya Abrar (201) dan Chang Yee Piyan (2014) memberi fokus tentang fungsi sosial dalam wacana akhbar dan aspek pengiklanan dalam akhbar.

Secara kesimpulannya sorotan kajian tersebut membuktikan kajian terhadap wacana sangat penting untuk dijayakan memandangkan wacana merupakan unit terbesar dalam bahasa. Dalam masa yang sama kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji sedikit sebanyak dapat memberi gambaran dan panduan untuk menjayakan kajian ini khususnya berkaitan aspek kohesi dalam ruangan pojok Awang Selamat.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian tentang rencana pengarang telah bermula sejak tahun 1964 apabila Mohd Taib (1964) menghasilkan latihan ilmiah Pengajian Melayu yang bertajuk *Bahasa Renchana Pengarang Akhbar-akhbar Melayu Hingga ka-tahun 1941*. Tiga puluh lapan tahun kemudian, Sanat telah mempelopori kajian bertajuk *Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar* yang merupakan kajian terulung tentang rencana pengarang yang pernah dihasilkan oleh pengkaji bahasa di negara kita. Dalam kajian tersebut, Sanat menggabungjalinkan antara pendekatan kualitatif dengan kuantitatif bagi memperoleh dapatan tentang tautan rencana pengarang dalam akhbar Utusan Zaman. Walau bagaimanapun, sejak Sanat menghasilkan kajiannya pada tahun 2002 didapati kajian tentang ruangan pojok khususnya dari aspek kohesi masih kurang di negara kita. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, maka inisiatif untuk melakukan kajian terhadap aspek kohesi ruangan pojok Awang Selamat dilakukan memandangkan ruangan ini masih belum pernah dikaji oleh mana-mana pengkaji di negara kita.

Dalam pada itu, aspek kohesi dipilih sebagai fokus utama kajian ini kerana aspek ini amat penting terutama dalam wacana. Umum mengetahui bahawa akhbar merupakan

media penyampaian maklumat yang sangat signifikan. Oleh itu, berita atau maklumat yang disiarkan melalui akhbar perlu jelas, tepat dan jauh lebih penting perlu difahami oleh pembaca. Menurut Chamil (2008), berita yang dipersembahkan dalam akhbar tidak semata-mata bergantung pada fakta kecuali fakta itu mesti menarik minat untuk khalayak membacanya. Oleh sebab ruangan pojok Awang Selamat kaya dengan kritikan dan komen yang pedas, maka adalah wajar aspek ini diberi perhatian kerana idea yang dikemukakan oleh pengarang adalah sangat penting untuk dijalin dalam teks yang mempunyai tautan antara satu sama lain. Tautan idea yang disusun oleh pengarang perlu memperlihatkan kesinambungan idea antara satu sama lain dengan menggunakan kohesi nahan dan kohesi leksikal yang secara tidak langsung menjadikan sesuatu teks itu menarik untuk dibaca.

1.4 Objektif Kajian

Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu

- (1) mengenal pasti aspek kohesi dalam wacana akhbar, iaitu ruangan pojok Awang Selamat,
- (2) mengkategorikan jenis kohesi dalam ruangan pojok Awang Selamat dan
- (3) menganalisis fungsi kohesi dalam ruangan pojok Awang Selamat.

1.5 Bidang Kajian

Bidang analisis wacana mula mendapat perhatian di negara kita sejak kebelakangan ini. Sungguhpun bidang kajian wacana mempunyai sumber sejarah yang panjang, iaitu telah wujud sejak era tradisi peradaban Hindu, namun kajian wacana bahasa Melayu menurut Aida (2004) masih dianggap baru. Di Malaysia, tokoh bahasa seperti Muhammad Yunus

Maris merupakan perintis yang memperkenalkan kaedah analisis wacana dalam bahasa Melayu pada tahun 1966 (Wong, 1995)

Bidang wacana atau *discourse* sangat berkait rapat dengan makna sama ada makna yang dibawa oleh ayat, perenggan ataupun keseluruhan teks. Sebagai unit bahasa yang melebihi batas ayat, wacana merupakan kesatuan bahasa yang lengkap serta mempunyai makna. Menurut Nik Safiah et.al (2010), wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, dialog, bab, buku, siri buku dan sebagainya yang memperlihatkan hubungan dan perkembangan fikiran yang berurutan dan lengkap. Menurut Philips dan Hardy (2002), wacana ialah perkara yang boleh dikaitkan dengan bertutur dan menulis atau dalam erti kata yang sebenar wacana mempunyai hubungan dalam teks yang mempunyai kaitan dengan realiti.

Dengan mengambil kira wacana sebagai unsur yang terbesar dalam teks, maka adalah wajar bidang wacana diberi perhatian utama kerana wacana itu sendiri berkait rapat dengan makna sama ada makna yang dibawa oleh ayat, perenggan atau keseluruhan teks. Menurut Mohd Zaini (2004), bidang wacana dapat dianggap sebagai penggunaan bahasa dalam konteks yang membawa makna. Hal ini bermaksud bahawa jika dalam konteks karangan, wacana wujud apabila berlaku interaksi komunikasi antara teks dengan pembaca. Menurut Halliday (2014), bagi memastikan makna yang dibawa oleh teks itu sejajar dengan makna yang difahami pembaca, maka pengarang atau penulis perlulah memaparkan ideanya dengan lojik dan realistik. Sekiranya keadaan sebaliknya berlaku, maka tidak wujudlah wacana dalam teks tersebut. Hal yang demikian menyebabkan pembaca mengalami kesukaran untuk memahami maksud yang disampaikan oleh penulis atau dalam erti kata yang sebenar pembaca tidak dapat berkomunikasi dengan teks yang dibacanya.

Selaras dengan kepentingan bidang wacana, maka bidang ini sering disentuh dengan tiga cara, iaitu secara analisis tekstual, secara analisis wacana dan secara analisis

sosiobudaya. Menurut Rohaidah (2016), bidang analisis wacana di negara kita khususnya berkaitan penerokaan identiti daripada dimensi linguistik masih kurang diusahakan dan perlu digiatkan walaupun bahasa (wacana) merupakan antara wadah terbaik mentafsir proses identiti. Menurut Idris dan Kamila (2016), bidang analisis wacana ialah usaha untuk penafsiran sifat pemprosesan wacana yang antara lain meliputi cara penghasilan, penggunaan, penyebaran, struktur generik, daya ujaran dan semiotik. Bidang analisis wacana secara tidak langsung akan menjawab pelbagai persoalan tentang apa-apa yang berlaku dalam lakuan bahasa yang lebih besar (wacana) berbanding dengan kata atau frasa serta memberi sinar tentang fungsi tautan dalam teks misalnya melalui aspek kohesi. Menurut Idris dan Kamila (2016), bidang analisis wacana turut menerangkan sebab manusia bercerita, berbual dan bagaimana manusia menyesuaikan bahasa mengikut keadaan, seperti di dalam bilik darjah, di majlis rasmi, ketika fisioterapi serta menerangkan fungsi pemujukan dan bagaimana pemujukan berfungsi. Pendek kata, bidang analisis wacana sangat berguna bagi menjawab pelbagai persoalan dalam pelbagai disiplin yang berhubung kehidupan manusia dan komunikasi, seperti antropologi, kajian budaya, psikologi, komunikasi, sosiologi, geografi, taman dan rekreatif, perubatan, perundangan, dasar awam dan perniagaan. Secara kesimpulannya, sesiapa yang ingin memahami manusia perlu memahami wacananya. Dengan demikian, potensi bidang analisis wacana tidak terbatas.

Bidang kajian berkaitan analisis wacana khususnya tentang aspek kohesi pernah mendapat perhatian daripada beberapa orang pengkaji. Wong Khek Seng (1995) mengkaji aspek kohesi dengan menggunakan istilah kesinambungan topik dalam kajiannya yang bertajuk *Kesinambungan Topik Dalam Bahasa Melayu*. Sato (1997) turut mengupas aspek kohesi dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Sanat (2002) menerusi kajiannya bertajuk *Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar* menggunakan istilah tautan, iaitu merujuk

kohesi. Aspek kohesi turut dikaji oleh Noor Suraya et.al (2016), iaitu bertajuk *Kata Lewah Dalam Hikayat Hang Tuah*.

Secara hakikatnya, bidang wacana merupakan bidang yang benar-benar digunakan dalam kehidupan seharian manusia. Menurut Idris dan Kamila (2016), bidang ini merupakan manifestasi cara bahasa beroperasi serta dioperasikan oleh manusia dalam urusan kehidupan seharian serta menjadi gambaran tentang cara manusia bertindak dan seterusnya membina identiti. Sehubungan dengan itu, bidang wacana ialah manifestasi kehidupan sosial serta rohani manusia yang rencam dan pelbagai.

1.6 Bahan Kajian

Kajian aspek kohesi memanfaatkan teks ruangan pojok Awang Selamat sebagai bahan kajian. Ruangan pojok Awang Selamat merupakan catatan, pandangan dan kritikan sepintas lalu yang ringan tetapi tidaklah dapat dinafikan ruangan ini telah memainkan peranan yang sangat penting dan menarik perhatian pembaca terhadap isu-isu politik, sosial dan agama yang timbul dari semasa ke semasa sama ada di dalam maupun di luar negeri. Menurut Zam (1994), ruangan pojok Awang Selamat telah memberi sumbangan besar ke arah mempengaruhi pendapat umum dan juga membentuk pemikiran rakyat menerusi perbincangan yang menggunakan logik yang mudah dan penonjolan realiti sebenar yang meyakinkan.

Bahan untuk kajian ini terdiri daripada 10 teks Awang Selamat yang diterbitkan dalam akhbar Mingguan Malaysia bermula 18 September 2016 hingga 27 November 2016. 10 teks Awang Selamat tersebut mewakili 2 tema utama, iaitu tema Tun Dr. Mahathir dan Bersih. Jadual 1.1 memaparkan tajuk ruangan pojok Awang Selamat berdasarkan dua tema utama serta tarikh penerbitan artikel.

Jadual 1.1 : Senarai tajuk ruangan pojok Awang Selamat

Tema	No Teks	Tajuk Teks	Tarikh
1. Tun Dr. Mahathir	Teks 1 (T1)	<i>Liabiliti ?,</i>	18/9/2016
	Teks 2 (T2)	<i>Dr. M dan Mesej</i>	25/9/2016
	Teks 3 (T3)	<i>Musuh Dr.M,</i>	2/10/2016
	Teks 4 (T4)	<i>Siapa Sebenarnya Anda</i>	20/11/2016
	Teks 5 (T5)	<i>Dap Khianati Dr.M?</i>	27/11/2016
2. Bersih	Teks 6 (T6)	<i>Dap, Bersih 5.0</i>	16/10/2016
	Teks 7 (T7)	<i>Bersih Diperkasa?</i>	23/10/2016
	Teks 8 (T8)	<i>Rahman ‘ajar’ Bersih</i>	30/10/2016
	Teks 9 (T9)	<i>Soros-Bersih</i>	6/11/2016
	Teks 10 (T10)	<i>Marina-Soros</i>	13/11/2016

Justifikasi pemilihan tema Tun Dr. Mahathir dilakukan memandangkan tema ini sangat popular dan berita berkaitan mantan Perdana Menteri ini sentiasa menghiasi dada akhbar surat khabar Utusan Malaysia serta Mingguan Malaysia. Umum mengetahui bahawa akhbar Utusan Malaysia merupakan akhbar arus perdana yang sangat berpengaruh di negara kita (Mohd Asron, 2016). Akhbar ini memaparkan pelbagai berita politik dalam penebitannya pada setiap hari, malah menurut Datuk Seri Najib Razak akhbar Utusan merupakan suara lidah keramat Melayu yang menjadi lambang kejayaan orang Melayu (Mohd Farhan, 2007). Oleh sebab Tun Dr. Mahathir telah keluar dari UMNO dan menu buhkan parti baharu yang dinamakan Parti Pribumi Bersatu Malaysia, iaitu beliau sendiri bertindak sebagai pengurus parti tersebut, beliau sering mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyerang kerajaan. Kelantangan beliau yang sering mengkritik kerajaan sedia ada menyebabkan berita berkaitan negarawan ini boleh dikatakan setiap hari disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia.

Bertitik tolak daripada senario inilah, maka tema berkaitan Tun Dr. Mahatahir dipilih sebagai satu daripada bahan kajian ini.

Sementara itu, justifikasi pemilihan tema Bersih dilakukan memandangkan tema ini turut menjadi berita utama dalam akhbar Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia dalam tempoh tiga bulan terakhir pada tahun 2016. Berita Bersih sentiasa mendapat tempat dalam akhbar ini menjelang perhimpunan mega pada 14 September 2016 yang dianggap perhimpunan haram kerana tidak mendapat permit daripada pihak berkuasa. Pascaperhimpunan Bersih 5.0 terus menjadi berita pilihan dalam akhbar Mingguan Malaysia termasuk menjadi teks utama dalam ruangan pojok Awang Selamat untuk tempoh dua bulan berikutnya selepas perhimpunan itu berlangsung. Menurut Awang (2016), perhimpunan Bersih yang didominasi oleh parti DAP dikatakan satu usaha untuk menjatuhkan kerajaan di luar proses undang-undang dan demokrasi negara.

Kedua-dua tema tersebut telah mengisi ruangan pojok Awang Selamat dalam akhbar Mingguan Malaysia. Walaupun penulis ruangan pojok Awang Selamat silih berganti sejak tahun 1967, namun matlamat asalnya tidak pernah berubah sehingga hari ini, malah ada kalanya sesuatu isu yang dibicarakan dalam ruangan Awang Selamat itu menimbulkan rasa kurang senang kepada pembaca (Zam, 1994). Menurut Zam (1994) apabila Mazlan Nordin mengambil alih jawatan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu daripada Melan Abdullah pada tahun 1973, beliau telah mengekalkan Awang Selamat sebagai nama penulis pojok Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia. Nama Awang Selamat telah diberikan oleh Melan bagi menggantikan nama Awang Bungsu yang digunakannya di Utusan Malaysia sejak diterbitkan pada 1 September 1967. Zainudin Maidin telah mengekalkan nama ini apabila beliau mengambil alih jawatan Ketua Pengarang Utusan Melayu pada tahun 1983 daripada Mazlan Nordin. Tulisan Awang Selamat dari tahun 1987 hingga 1992 terutama sekali dalam Mingguan Malaysia banyak menimbulkan kontroversi terutama sekali daripada aspek agama dan sosial yang

menampakkan sikapnya yang pragmatik, liberal dan tidak ada toleransi terhadap dogmatisme agama, komunis, kekoltan dan kekarutan (Zam, 1994).

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan aspek kohesi dalam ruangan pojok Awang Selamat. Aspek kohesi yang mendasari kajian ini akan melibatkan kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Kedua-dua alatan kohesi ini mempunyai fungsi yang sangat penting dalam membentuk tautan dalam teks terutama dalam membawa maklumat atau idea dalam wacana.

Data yang diambil adalah daripada akhbar Mingguan Malaysia yang diterbitkan pada hari Ahad. Pengkaji memilih ruangan pojok Awang Selamat sahaja. Kajian akan dibataskan pada data yang diperoleh daripada ruangan pojok Awang Selamat tentang dua tema utama popular yang mendasari sepanjang bulan September, Oktober dan November 2016. Dua tema tersebut ialah tema Tun Dr. Mahathir dan tema Bersih.

Ruangan pojok Awang Selamat merupakan catatan, pandangan dan kritikan yang ringan walaupun ada ketikanya bersifat tajam dan pedas serta mengundang kontroversi. Menurut Zam (1994) ruangan pojok Awang Selamat telah memberi sumbangan yang besar ke arah mempengaruhi pendapat umum dan juga membentuk pemahaman rakyat menerusi perbincangan yang menggunakan bahasa yang mudah difahami dan penonjolan realiti yang meyakinkan.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian tentang aspek kohesi dalam akhbar amat penting untuk dijalankan terutama sekali bagi menambahkan kajian kohesi. Kajian berkaitan rencana pengarang atau ruangan pojok daripada perspektif kohesi di negara kita setakat ini amat kurang dijalankan. Seperti

yang telah dinyatakan dalam permasalahan kajian, kajian tentang ruangan pojok yang telah dilakukan oleh Mohd Taib (1964) dan Sanat (2002) perlu diberi kesinambungan yang berterusan agar bidang kajian ini terus mendapat tempat di negara kita. Oleh yang demikian, kajian kohesi dalam teks akhbar ini wajar dilakukan bagi menambahkan kajian kohesi berdasarkan perspektif analisis wacana. Pendekatan analisis wacana merupakan pendekatan yang melebihi batas ayat dan memainkan peranan yang sangat penting dalam membawa kesatuan idea wacana. Hasil penyelidikan ini diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap bidang kajian analisis wacana bahasa Melayu di negara kita.

Kajian tentang aspek kohesi juga amat penting terutama sekali bagi menguji teori yang akan digunakan sama ada bertepatan dengan analisis yang akan dijalankan atau tidak. Umum mengetahui bahawa kajian ilmiah amat memerlukan teori bagi menyokong analisis yang akan dilakukan serta meletakkan sesuatu perkara yang dikaji pada tempatnya yang sebenar. Tanpa teori yang sesuai dan tepat, maka sesuatu kajian itu tidak akan sempurna kerana tiada sebarang teori yang akan digunakan bagi menyokong analisis. Sememangnya banyak teori yang boleh diaplikasikan oleh pengkaji untuk menguji sesuatu fenomena, namun teori yang benar-benar tepat ialah teori yang dapat menjawab objektif kajian. Teori kohesi yang dimajukan oleh Halliday dan Hasan (1976) dilihat berupaya untuk menjawab objektif kajian ini memandangkan teori ini menerapkan dua aspek kohesi yang penting, iaitu kohesi nahan dan kohesi leksikal. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kepentingan kajian ini berdasarkan teori yang ingin diuji. Oleh yang demikian, kajian tentang aspek kohesi ini sangat penting untuk dilakukan bagi membuktikan teori yang dipilih adalah tepat. Kajian tentang aspek kohesi ruangan pojok Awang Selamat ini akan mengaplikasikan teori kohesi yang telah dibangunkan oleh Halliday dan Hasan (1976). Kajian ini akan menganalisis data berdasarkan alatan nahan dan leksikal yang terkandung dalam teori kohesi. Hal ini secara tidak langsung akan membuktikan teori yang dipilih adalah tepat dan bersesuaian.

Kajian tentang aspek kohesi juga penting sebagai suatu usaha bagi memahami dan menghuraikan cara wacana berfungsi dan digembleng khususnya dalam penyampaian mesej atau idea secara berkesan. Oleh sebab wacana melebihi batas ayat, maka setiap ayat yang membentuk perenggan sudah tentu mempunyai kaedah tertentu yang dapat mempertaut teks menjadi bermakna. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa aspek kohesi dapat mempertaut teks menjadi unit bahasa yang menarik untuk dibaca dan seterusnya memberi kesan kepada pembaca. Aspek kohesi tidak boleh diketepikan dalam kajian analisis wacana dan sekiranya aspek ini diketepikan, maka sesuatu teks tidak akan berfungsi sebagai sebuah wacana yang bermakna apatah lagi untuk dihayati oleh pembaca.

Kajian ini penting bagi mendedahkan kepentingan fungsi kohesi dalam teks. Kajian ini diharap dapat membuka ruang kepada para pengkaji bagi melihat aspek kohesi dengan lebih mendalam terutama daripada aspek kohesi nahan dan kohesi leksikal. Dalam masa yang sama, kajian ini akan memberi garis panduan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji wacana selain daripada aspek kohesi kerana bidang wacana itu sendiri amat luas untuk dikaji.

1.9 Konsep Wacana dan Analisis Wacana

Bahagian ini akan memfokuskan definisi wacana dan analisis wacana dari sudut perkamus dan juga beberapa pandangan daripada para penahu yang menekuni bidang wacana sama ada dalam negara atau luar negara.

1.9.1 Wacana

Menurut Dictionary of Language and Linguistics (1973), *discourse is text which forms a fairly complete unit. It is usually restricted to the successive utterances of a single speaker*


conveying a message. Sementara itu, menurut Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014) *wacana* dapat ditakrifkan sebagai,

Any coherent succession of sentences, spoken or (in most usage) written. Thus this entry in the dictionary is an example of discourse; likewise a novel; likewise a speech by a politician or a lecturer to students; likewise an interview or any other series of speech events in which successive sentences or utterances hang together.

Menurut Sato (1997), konsep wacana (*discourse*) digunakan untuk menyatakan satu fikiran yang sesuai dengan dengan fikiran yang dimaksudkan oleh penyampai. Ungkapan yang digunakan dalam wacana dipilih berdasarkan faktor-faktor lain daripada nahu yang membentuk satu-satu ayat. Oleh yang demikian, sesuatu ayat yang digunakan dalam wacana tidak boleh dipisahkan daripada unsur seperti konteks situasi ujaran. Hal ini bermaksud untuk menyatakan sesuatu fikiran dalam wacana, pihak penyampai maklumat dikehendaki menggunakan fungsi penyampaian maklumat dengan seberkesan mungkin supaya pihak penerima dapat memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penyampai. Dengan ini dapat dikatakan bahawa konteks situasi ujaran merupakan satu daripada unsur wacana.

Asmah (2015) mentakrifkan wacana sebagai ayat-ayat yang mempunyai unsur kesatuan. Secara hakikatnya, apabila kita bercakap dan menulis, kita tidaklah mengeluarkan satu-satu ayat secara terpisah-pisah. Ayat-ayat yang kita ungkapkan itu mempunyai perkaitan satu sama lain dalam satu jalinan yang menggunakan fikiran kita. Ayat-ayat yang memperlihatkan kesatuan seperti itu dinamakan teks dan teks merupakan pewujudan wacana. Jadi pewujudan bahasa sepanjang masa adalah dalam bentuk wacana, dan wacana itu sendiri terdiri daripada teks. Menurut Ismail (2016), wacana ialah persepaduan antara pemikiran dengan bahasa yang dizahirkan dalam ujaran atau teks yang bertalian (*coherence*), iaitu butir-butir idea itu terikat antara satu sama lain,

manakala kohesi (*cohesion*) ialah jalinan antara unsur dalam ayat, ayat dengan ayat, perenggan dengan perenggan dan seterusnya. Unsur yang memadukan bahasa dengan pemikiran dinamakan unsur wacana yang dapat dilihat dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Unsur wacana (Ismail, 2016, p.349)

Azhar (1993) menjelaskan wacana sebagai sintaksis-wacana. Sintaksis wacana ialah kajian tentang ayat-ayat yang digunakan dalam wacana tertentu. Hal ini berkaitan kajian terhadap ayat yang digunakan oleh orang atau penutur, iaitu kajian ayat dalam konteksnya. Dengan erti kata lain, sintaksis-wacana mengendalikan ayat-ayat tersahih dan bukan ayat-ayat yang berbunyi pelik dan bikinan sendiri-sendiri. Sintaksis-wacana bukanlah seni paling baharu dalam penulisan nahu bahasa Melayu. Menurut Azhar (1993) lagi, kaedah sintaksis-wacana telah digunakan dari semasa ke semasa dalam nahu-nahu tertentu, misalnya nahu R.O. Winstedt dan nahu Asmah Haji Omar, iaitu dengan maksud nahu-nahu ini telah menggunakan ayat-ayat wacana sebagai asas membina pendapat terhadap unsur-unsur kenahuan bahasa Melayu.

Mills (2004) telah mengkaji wacana berdasarkan idea yang telah dikemukakan oleh Michel Foucault. Menurut Mills (2004), Foucault telah mengemukakan ideanya tentang wacana dalam dua buah buku yang dikarangnya bertajuk *The Archaeology of knowledge* yang diterbitkan pada tahun 1972 dan *The Order of Discourse* yang diterbitkan

pada 1981. Berdasarkan sudut pandangan Mills tentang idea Foucault, beliau mengaitkan wacana dengan semua perkara yang diungkap dan mempunyai maksud serta tujuan tertentu. Dalam hal ini, setiap perkara yang terkandung dalam wacana perlu mempunyai tiga perkara yang perlu diberi perhatian khususnya dalam ujaran seperti bermakna, mempunyai tujuan serta bersifat sistematik. Menurut Mohd Zaini (2004) wacana dapat dianggap sebagai penggunaan bahasa dalam konteks yang membawa makna. Hal ini bermaksud bahawa jika dalam konteks karangan, wacana wujud apabila berlaku interaksi komunikasi antara teks dengan pembaca. Menurut Henry (1995) wacana ialah satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi atau terbesar di atas kalimat atau klausa dengan koherensi dan kohesi yang tinggi berkesinambungan yang mempunyai awal dan akhir serta disampaikan secara kiasan atau tertulis. Unsur penting wacana dapat dilihat melalui Rajah 1.2 yang disebut Hakikat Wacana.



Rajah 1.2 : Hakikat wacana (Henry,1995, p.35)

1.9.2 Analisis Wacana

Wacana dan analisis wacana merupakan dua frasa yang sangat penting bagi kajian aspek kohesi. Istilah analisis wacana lazimnya digunakan oleh penyelidik bahasa bagi mengkaji teks yang mempunyai pautan (kohesi) dan mempunyai unsur kepaduan (koherensi)

Menurut Sobur (2001), analisis wacana digunakan untuk menggambarkan sebuah struktur yang luas melebihi batasan-batasan kalimat. Bagi teks bertulis, analisis wacana digunakan untuk mengeksplisitkan norma-norma dan aturan-aturan bahasa yang implisit selain digunakan untuk menemukan unit-unit hierarkis yang membentuk suatu struktur diskursif. Menurut Sobur (2001), analisis wacana merupakan alternatif dalam menganalisis teks media. Hal ini demikian kerana melalui analisis wacana kita bukan sahaja mengetahui isi teks berita, malahan dapat mengetahui pesanan disampaikan dan seterusnya melihat makna yang tersembunyi dalam sesuatu teks. Menurut Idris (2010) analisis wacana ialah metodologi yang boleh digunakan dalam mencerakinkan dan menjawab pelbagai bentuk persoalan, bukan sahaja persoalan linguistik, malah persoalan disiplin lain seperti struktur linguistik, perubahan bahasa, tentang makna, pemerolehan bahasa, peranan dan hubungan sosial, komunikasi, identiti, ekonomi, kuasa, ideologi dan sebagainya. Dalam perkataan lain, analisis wacana boleh menghuraikan dan menjelaskan ‘dunia bahasa’ serta ‘dunia nyata’. Menurut Idris dan Kamila (2016), analisis wacana ialah usaha penafsiran sifat pemprosesan yang meliputi cara penghasilan, penggunaan, penyebaran, struktur generik, daya ujaran dan semiotik.

Kerangka analisis wacana yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976) memberi tumpuan khusus terhadap tiga metafungsi utama dalam melahirkan ayat dalam komponen makna fungsian, iaitu komponen *ideational* (alamiah), *interpersonal* (hubungan antara perseorangan) dan *textual* (tekstual). Ketiga-tiga komponen ini tidak boleh dipisahkan dan perlu dibincangkan serentak jika kajian analisis wacana ingin dilakukan. Komponen *ideational* dan komponen *interpersonal* digunakan untuk menerangkan tujuan wujudnya sesuatu wacana, manakala komponen *textual* digunakan untuk menerangkan proses struktur wacana itu diwujudkan. Bagi memastikan makna yang dibawa oleh teks itu sejajar dengan makna yang difahami pembaca, maka pengarang atau penulis perlulah memaparkan ideanya dengan logik dan realistik. Sekiranya keadaan

sebaliknya berlaku, maka tidak wujudlah wacana dalam teks tersebut. Hal yang demikian menyebabkan pembaca mengalami kesukaran untuk memahami maksud yang disampaikan oleh penulis atau dalam erti kata yang sebenar pembaca tidak dapat berkomunikasi dengan teks yang dibacanya.

Menurut Eriyanto (2001) analisis wacana berkaitan bahasa atau pemakaian bahasa berdasarkan tiga pandangan mengenai bahasa dalam analisis wacana seperti yang dinyatakan oleh A.S. Hikam. Pandangan pertama diwakili oleh golongan *positivisme-empiris*. Aliran ini berpendapat bahawa bahasa sebagai jambatan antara manusia dengan objek di luar dirinya. Pengalaman yang dialami oleh manusia secara tidak langsung diekspresikan melalui penggunaan bahasa yang dikaitkan dengan lojik, sintaksis serta hubungan dengan pengalaman empiris. Pendapat aliran ini dilihat mempunyai persamaan dengan pendapat Halliday (2014) tentang komponen *ideational* yang dikaitkan dengan pengalaman manusia. Pandangan kedua disebut *konstruktivisme* yang banyak dipengaruhi oleh pemikiran fenomenologi. Menurut pandangan ini, bahasa tidak hanya berfungsi sebagai alat untuk memahami realiti semata-mata, sebaliknya bahasa difahami dalam paradigma yang diatur dan dihidupkan oleh pernyataan-pernyataan yang mempunyai tujuan yang pada dasarnya adalah tindakan penciptaan makna. Pandangan ketiga tentang analisis wacana disebut sebagai pandangan kritis, iaitu analisis wacana tidak dipusatkan kepada kebenaran atau ketidakbenaran struktur nahu sebaliknya analisis wacana dalam paradigma ini menekankan pada konstelasi kekuatan yang terjadi pada proses produksi dan reproduksi makna. Menurut Brown dan Yule (1996), analisis wacana lebih menjurus kepada fungsi bahasa dan tidak terikat pada tujuan atau fungsi yang dirancang, sebaliknya menganalisis tujuan bahasa digunakan. Fungsi bahasa dibahagikan kepada fungsi transaksional dan fungsi interaksional. Fungsi transaksional berkaitan penyampaian informasi yang lebih ‘berorientasikan pesan’, manakala fungsi

interaksional berkaitan penggunaan bahasa untuk menyampaikan informasi (Brown dan Yule, 1996).

Secara kesimpulannya, konsep wacana dan analisis wacana mempunyai perkaitan yang sangat rapat antara satu sama lain. Pendefinisian kedua-dua konsep tersebut dari sudut perkamusian telah membuka ruang yang sangat jelas kepada pengkaji dalam memahami kedua-dua konsep tersebut, apatah lagi pendefinisian tersebut diperkuuh lagi dengan beberapa pendapat penahu tentang konsep wacana dan analisis wacana.

1.10 Definisi Operasional

Bahagian ini membincangkan definisi operasional tentang beberapa istilah yang akan digunakan dalam kajian ini. Definisi diambil daripada para penahu, Dictionary of Language and Linguistics (1973), Kamus Linguistik (1983), Kamus Lingusitik DBP (1997), A Dictionary of Linguistics and Phonetics (1997), Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002) Kamus Dewan (2005) dan Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014).

1.10.1 Kohesi (*Cohesion*)

Kohesi menurut Sato (1997, p.29), unsur-unsur yang didapati pada bentuk lahir wacana yang dikaitkan secara nahan atau leksikal antara ayat. Perkaitan kebahasaan ini menunjukkan bahawa ayat yang membentuk wacana bukan berdiri sendiri dari segi struktur tetapi saling bergantung antara satu sama lain yang membentuk kesatuan struktur. Menurut Idris (2010, p.53) kohesi atau tetenunan ialah teks atau wacana yang mempunyai ‘tekstur’ yang boleh disamakan dengan ‘anyaman’ atau ‘tenunan’ dalam bahasa Melayu yang berfungsi sebagai penyumbang kepada pembentukan idea atau makna

keseluruhannya. Kohesi menurut Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002, p.86) ditakrifkan sebagai,

Cohesion is grammatical and/or lexical relationships between the different elements of a text. This may be the relationships between different sentences or between different parts of a sentence. For example:

A: Is Jenny coming to the party?

B: Yes, she is.

There is a link between Jenny and she and also between is...coming and is

Berdasarkan maksud daripada Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002), jelas menunjukkan bahawa kohesi (*cohesion*) mempunyai kaitan dengan ayat atau bahagian-bahagian lain dalam ayat. Dalam contoh dialog tersebut, unsur kohesi dapat dilihat antara *Jenny* dengan *she* serta antara *coming* dengan *is*. Hal ini menunjukkan bahawa aspek kohesi sangat penting dalam mempertaut teks menjadi wacana yang bermakna. Bagi Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014, p.63) kohesi ditakrifkan sebagai,

Cohesion is the connection between successive sentences in texts, conversations, etc., in so far as it can be described in terms of specific syntactic units. E.g. A says 'Peter come' and B replies 'But he was very late': in this interchange the role of but as a conjunction and the link between the pronoun he and its antecedent Peter are both aspects of cohesion.

Pendefinisan yang dilakukan oleh Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014) tentang kohesi dikaitkan dengan contoh kata ganti nama *he* dengan kata nama *Peter*. *Peter* dan *he* dihubungkan dengan kata penghubung *but* yang merupakan satu daripada aspek penghubung gabungan yang terdapat dalam kohesi leksikal. Penggunaan kata penghubung gabungan *but* yang bersifat setara bagi menghubungkan *Peter* dan *he* secara tidak langsung mempertaut kedua-dua klausa tersebut menjadi kalimat bermakna

khususnya dalam wacana. Aspek penghubung gabungan akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab ke-3.

1.10.2 Eksofora (*Exophora*)

Istilah eksofora akan digunakan bagi merujuk aspek kohesi secara rujukan. Eksofora menurut A Dictionary of Linguistics and Phonetic Fourth Edition (1997, p.68),

A term used by some LINGUISTS to refer to the process or result of linguistic UNIT referring directly (i.e. DEICTICALLY) to the EXTRALINGUISTIC SITUATION accompanying an UTTERANCE, e.g. there, that, her. 'Exophoric reference' is usually contrasted with ENDOPHORIC reference, subclassified into ANAPHORIC and CATAPHORIC reference.

A Dictionary of Linguistics and Phonetic (1997) mentakrifkan eksofora sebagai proses linguistik yang mempunyai fungsi sebagai kata ganti seperti kata ganti untuk merujuk sesuatu seperti *there* (sana) dan *that* (situ). Menurut Halliday dan Hasan (1976), rujukan eksofora merupakan rujukan demonstratif yang berfungsi sebagai kata bayangan dan biasanya berkaitan jarak seperti *sana*, *sini*, *situ*, *itu* dan *ini*. Dalam konteks wacana, kebiasaan unsur-unsur yang ingin dirujuk akan digantikan dengan kata bayangan seperti kata ganti nama tunjuk. Walau bagaimanapun, pembaca tetap memahami unsur eksofora tersebut melalui konteks ayat.

1.10.3 Endofora (*Endophora*)

Menurut Dictionary of Linguistics and Phonetics (1997, p.136), endofora merupakan satu daripada elemen kohesi yang berlawanan dengan eksofora. Rujukan secara endofora melibatkan dua jenis rujukan, iaitu rujukan secara anafora dan rujukan secara katafora. Hal ini dapat dijelaskan melalui takrifan berikut,

Endophora is a term used by some LINGUISTS to refer to the relationships of COHESION which helps to define the STRUCTURE of a TEXT, it is contrasted with EXOPHORIC relationships, which do not play a part in cohesion, and where the interpretation requires reference to the EXTRALINGUISTIC SITUATION. Endphoric relations are devided into ANAPHORIC and CATAPHORIC types.

Takrifan daripada Dictionary of Linguistics and Phonetics (1997) menjelaskan bahawa aspek kohesi melalui rujukan endofora melibatkan anafora dan katafora. Sebagai unsur untuk mempertaut teks, anafora menerangkan unsur sebelum, iaitu rujukan ke belakang kepada unsur yang hendak diterangkan, manakala katafora pula melibatkan unsur selepas, iaitu menerangkan unsur di hadapan khususnya kata ganti nama. Kedua-dua rujukan endofora ini merujuk kata ganti nama yang digunakan dalam teks.

1.10.4 Anafora (*Anaphora*)

Anafora merupakan aspek kohesi yang terdapat dalam rujukan endofora. Anafora menurut Kamus Linguistik (1983, p.10) ialah,

Pengulangan bunyi, kata atau struktur sintaksis pada larik-larik atau kalimat-kalimat yang berurutan untuk memperoleh efek tertentu. Juga menerangkan hal atau fungsi yang menunjuk kembali kepada sesuatu yang telah disebutkan sebelumnya dalam wacana (yang disebut antesedan) dengan pengulangan atau dengan substitusi misalnya -nya. Pak Karta supir kami. Rumahnya jauh. -nya merujuk kembali kepada Pak Karta.

Menurut takrifan Kamus Linguistik (1983), maka dapat disimpulkan bahawa anafora berfungsi untuk merujuk kembali tentang sesuatu perkara yang telah disebutkan sebelumnya. Berdasarkan contoh yang diberi jelas menunjukkan -nya merupakan kata ganti diri ketiga menjadi rujukan secara anafora bagi merujuk kembali perkara yang telah disebutkan, iaitu merujuk Pak Karta. Sementara itu, Kamus Linguistik DBP (1997, p.10)

menjelaskan bahawa anafora sebagai pengulangan bunyi awal kata yang berkaitan struktur sintaksis yang dapat memberikan kesan stilistik pada wacana. Contoh anafora yang diberikan hampir sama dengan Kamus Linguistik (1983) apabila kata ganti nama diri ketiga *dia* merupakan rujukan secara anafora bagi *Ahmad*. Berikut merupakan takrifan bagi anafora menurut Kamus Linguistik DBP (1997, p.10).

Anafora ialah pengulangan bunyi awal kata atau struktur sintaksis dalam rangkap atau ayat berturutan untuk mencapai kesan stilistik. Rujukan pada praketerangan melalui pengulangan atau penggantian tatabahasa. Contohnya, Ahmad bermain bola. Dia mewakili sekolah. Dia dalam ayat kedua berhubung secara anafora dengan praketerangan Ahmad.

Menurut Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002, p.25), anafora yang merupakan rujukan ke belakang ditakrifkan sebagai,

Anaphora is a process where a word or phrase (anaphor) refer back to another word or phrase which was used earlier in a text or conversation. For example, in:

Tom likes ice cream but Bill can't eat it.

The word it refers back to ice cream: it is a substitute for ice cream, which is called the ANTECEDENT of it.

Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002) menerangkan bahawa anafora merujuk unsur yang telah diterangkan sebelumnya. Anafora dalam contoh yang diberi menunjukkan bahawa *it* menjadi rujukan secara *anafora* kepada *ice cream* yang dijelaskan sebelumnya dan dalam masa yang sama perkataan *it* juga berfungsi sebagai anteseden kepada *ice cream*. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa anteseden merupakan unsur yang mempunyai kaitan yang rapat dengan anafora khususnya dalam teks atau wacana.

1.10.5 Katafora (*Cataphora*)

Menurut Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002, p.65), katafora didefinisikan seperti berikut,

Cataphora is the used of word or phrase which refers forward to another word or phrase which will be used later in the text or conversation. For example:

When I met her, Mary looked ill.

The word her refers forward to Mary.

Berdasarkan takrifan Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002), maka dapat dijelaskan bahawa katafora ialah rujukan di hadapan yang berfungsi sebagai kohesi dalam ayat. Dalam contoh tersebut, kata ganti diri *her* merupakan rujukan di hadapan atau rujukan sebelum yang menerangkan kata nama khas *Mary*. Pemanfaatan aspek katafora dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa wujud tautan makna yang sangat berkesan dalam teks. Walaupun tidak dinyatakan sebagai kata nama khas *Mary* dalam klausa pertama, namun pembaca tetap memahami bahawa *her* ialah rujukan secara katafora bagi *Mary*. Hal ini menunjukkan bahawa aspek katafora sangat penting dalam membentuk kohesi dalam teks. Bagi Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014), kata ganti diri *he* yang terdapat dalam contoh ayat berikut turut berfungsi sebagai rujukan secara katafora (antisipatori) , iaitu merujuk kata nama *Jones* (*When he had finished, Jones was exhausted*). Unsur katafora bagi *he* yang merujuk *Jones* juga dinyatakan sebagai antisipatori, iaitu berfungsi sebagai rujukan sebelum. Berikut merupakan pendefinisan oleh Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014, p.51) tentang katafora.

*Cataphora is the relation between a pronoun and a unit later in a sentence that supplies its referent. Thus he might or might not be understood as cataphoric to Jones in When he had finished, Jones was exhausted; i.e. the person it refers to might or might not be Jones. Cataphora also called ‘anticipatory’, as opposed to retrospective, *anaphora. ‘Anaphora’ is in origin a term for a relation ‘up’; hence ‘cataphora’ for a relation ‘down’.*

1.10.6 Teks

Teks menurut Kamus Linguistik (1983, p.165) ialah satuan bahasa terlengkap yang bersifat abstrak. Teks juga merupakan wacana, iaitu deretan kalimat, kata dan sebagainya yang membentuk ujaran serta dalam bentuk bahasa bertulis. Bagi Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014, p.405), teks merupakan unit terbesar melebihi batas ayat didefinisikan sebagai *text strictly, a written text in the usual sense. Extended by some linguists to cover a coherent stretch of speech, including a conversation or other interchange involving two or more extended from similar motives.* Kedua-dua pendefinisian tersebut menyimpulkan bahawa teks boleh terbentuk sama ada dalam bentuk tulisan atau ujaran, namun mempunyai matlamat yang sama sebagai suatu bentuk wacana yang lengkap.

1.10.7 Rujukan (*Reference*)

Rujukan merupakan satu daripada aspek kohesi nahan yang dapat mewujudkan perpautan dalam teks. Menurut Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014, p.337), rujukan dapat dikaitkan dengan pengenalpastian identiti seseorang individu atau kata nama seperti berikut.

*Reference refer the relation between a part of an utterance and an individual or set of individuals that it identifies. Thus one might say, on some specific occasion, ‘That man is my brother’, where the phrase that man is used as a referring expression whose referent is a specific man whose identity one’s addressee must either know or be able to determine. Distinguished by philosophers from *sense(2), and by *Lyons especially from *denotation. E.g. the man is a phrase that, in such utterance, is used to refer to a man; the noun man, as a lexical unit, denotes a class of a individuals that are thereby called ‘men’, and has a sense distinguished, in a network of *sense relation, from those of woman, boy, elephant, etc. But these distinctions are not needed for all purposes, and actual usage, as ini many entries in this dictionary, is more fluid.*

Berdasarkan penjelasan di atas, aspek rujukan dapat dilihat dalam ayat ‘*That man is my brother*’. Perkataan *That* dalam ayat tersebut merupakan kata ganti nama tunjuk yang menerangkan orang, iaitu untuk merujuk frasa *the man*. Penggunaan *that* dalam ayat bahasa Inggeris dapat dikaitkan dengan kata bayangan (*dummy word*) yang boleh ditentukan kehadirannya sama ada sebelum atau selepas dan memainkan peranan yang penting dalam membentuk kohesi dalam teks.

1.10.8 Penggantian (*Substitution*)

Aspek kohesi nahuan yang kedua ialah penggantian atau *substitution* dalam bahasa Inggeris. Penggantian turut memainkan peranan penting untuk mewujudkan pertautan idea dalam teks. Menurut Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014, p.338), penggantian merupakan *the replacement, in the process of analysing a language, of one unit or sequence of units by another. Thus, in establishing its phonemes, one procedure is to interchange sounds to determine whether the substitution make a difference of meaning*. Menurut A Dictionary of Linguistics and Phonetics (1997, p.371), penggantian

merupakan aspek linguistik yang merujuk pengambilalihan tempat dalam struktur ayat seperti berikut.

*Substitution a term used in LINGUSTICS to refer to the process or results of replacing one ITEM by another at a particular place in a STRUCTURE. In GRAMMAR, the structure CONTEXT within which this replacement occurs is known as substitution frame, e.g. The – is angry, and the set of items which can be used PARADIGMATICALLY at a given place is known as a substitution class. A WORD which refers back to previously occurring element of structure (such as the PRONOUN he in The man came in. He was smiling.) may be called **substitute** word.*

Pendefinisian tersebut menunjukkan aspek penggantian merupakan unsur yang telah digantikan dalam bentuk lain, misalnya penggantian namaan. Walaupun telah digantikan dalam bentuk lain, namun pembaca boleh memahaminya melalui ayat yang mendahuluinya. Dalam ayat *The man came in. He was smiling*, perkataan *He* dalam klausa kedua merupakan penggantian bagi frasa *The man* yang terdapat dalam klausa pertama. Hal ini menunjukkan bahawa aspek kohesi melalui penggantian dapat membentuk tautan dalam teks walaupun sesuatu frasa itu telah mengalami proses penggantian.

1.10.9 Penggantian Namaan

Penggunaan unsur penggantian namaan atau *nominal substitution* dalam bahasa Inggeris sering dikaitkan dengan *one* atau *ones*. Menurut Halliday dan Hassan (1976, p.91), *one* dan *ones* sentiasa berfungsi sebagai unsur utama dalam kumpulan penggantian namaan yang merujuk kata nama yang dihilangkan. Berikut ialah contoh penggantian namaan seperti yang dijelaskan oleh Halliday dan Hassan (1976, p.95)

(i)	(ii)	(iii)
a. <i>this one</i>	<i>this new one</i>	<i>this one with wheels</i>
b. <i>the one</i>	<i>the new one</i>	<i>the one with wheels</i>
c. <i>one</i>	<i>a new one</i>	<i>one with wheels</i>

Berdasarkan contoh (i), (ii) dan (iii) di atas, kata nama *one* dalam contoh tersebut merupakan unsur penggantian bagi sesuatu kata nama yang ingin dirujuk dan setiap penggantian namaan tersebut dijelaskan dengan terperinci dalam penghilangan (i), (ii) dan (iii).

1.10.10 Penggantian Kerjaan

Menurut Halliday dan Hassan (1976, p.112), penggantian kerjaan dalam bahasa Inggeris (*verbal substitution*) ialah *do*. Bagi menggantikan unsur kata kerja dalam ayat, kumpulan yang terlibat dalam kata kerja selain *do* ialah *does*, *did*, *doing* dan *done*. Berikut ialah penggantian kerjaan bagi seperti yang dijelaskan oleh Halliday dan Hassan (1976, p.120),

- (i) *She's never lived in England* }
 She's never sung in Englang } *She has done in France*

(ii) *You mustn't put them on the table* }
 You mustn't cut them on the table } *You can do on the bench*

(iii) *The door was shutting* }
 The door was falling to pieces } *The windows were doing too*

1.10.11 Penggantian Klausula


Menurut Asmah (2015, p.384), klausa ialah unit di atas frasa dan di bawah ayat. Dengan perkataan lain, klausa terdiri daripada frasa dan merupakan unsur ayat. Dari segi struktur, klausa selaras dengan ayat kerana mempunyai subjek dan predikat. Dalam kohesi nahuan, penghilangan turut berlaku dalam klausa. Menurut Halliday dan Hassan (1976, p.130),

do dalam bahasa Inggeris turut bertfungsi sebagai unsur penggantian dalam klausa. Hal ini dapat dilihat dalam contoh berikut,

- *The children work very hard in the garden*
- *They must do*

1.10.12 Penggantian Bahasa Kiasan

Menurut Kamus Dewan (2005, p.786), kiasan ialah mengenai sesuatu perkara dengan perbandingan (persamaan) perkara yang lain serta mempunyai makna tersembunyi dan kebiasaannya menggunakan ibarat, perumpamaan dan sindiran. Penggunaan Bahasa kiasan yang terdapat dalam sesuatu cerita kebiasaanya mengandungi teladan dan pengajaran yang boleh dicontohi. Menurut Abdullah dan Ainon (1993, p.i), bahasa kiasan ialah ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya. Rajah 1.3 menunjukkan pengkategorian bahasa kiasan (Abdullah dan Ainon, 1993).



Rajah 1.3 : Kategori bahasa kiasan (Abdullah dan Ainon, 1993, p.v)

1.10.13 Penggantian Bahasa Figuratif

Menurut Noor Suraya et.al (2016, p.75), Bahasa figuratif didefinisikan sebagai *bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk menghasilkan imej dalam fikiran pembaca dan memberi idea-idea segar, jelas dan kaedah untuk berimajinasi*. Menurut Md. Sidin dan

Mohd Saleeh (1980, p.154), *sarkasme merupakan contoh bahasa figuratif yang menyatakan maksud berlawanan secara lebih langsung dalam bentuk sindiran.*

1.10.14 Penghilangan (*Ellipsis*)

Aspek kohesi ketiga yang berperanan dalam kohesi nahuan ialah penghilangan. Menurut Kamus Linguistik (1983, p.40), penghilangan atau *ellipsis* dapat ditakrifkan sebagai bahagian yang digugurkan dalam ayat, namun bahagian yang digugurkan itu wujud semula berdasarkan konteks. Penghilangan dalam teks berlaku apabila unsur yang dihilangkan itu tetap difahami oleh pembaca. Berdasarkan Kamus Linguistik (1983, p.40), penghilangan ialah *Peniadaan kata atau satuan lain yang ujud asalnya dapat diramalkan dari konteks bahasa atau konteks luar bahasa*. Menurut Kamus Linguistik DBP (1997, p.67), penghilangan ditakrifkan sebagai,

Proses atau hasil menggugurkan sebahagian kata atau ayat. Bahagian yang digugurkan boleh diwujudkan semula berdasarkan konteks. Contohnya, dalam ayat Sudah makan? Sudah; Sudah ialah ellipsis bagi Sudah makan.

Menurut Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002, p.177), penghilangan atau *ellipsis* dapat dijelaskan seperti berikut,

Ellipsis is the leaving out of words or phrases from sentences where they are unnecessary because they have already been referred to or mentioned. For example, when the subject of the verb in two co-ordinated clauses is the same, it may be omitted to avoid repetition:

The man went to the door and (he) opened it. (subject ellipsis)

Mary ate an apple and Jane (ate) a pear. (verb ellipsis)

Berdasarkan takrifan daripada Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002), aspek penghilangan dapat dilihat dalam ayat *Mary ate an apple and Jane (ate) a pear*. Kata kerja (*verb ellipsis*) yang dihilangkan ialah *ate* dalam klausa kedua, namun pembaca tetap memahami maksud ayat tersebut apabila hanya dinyatakan *Jane a pear* yang bermaksud *Jane makan buah pear*. Penjelasan tentang aspek penghilangan daripada Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002) menunjukkan bahawa aspek ini sangat penting untuk dimanfaatkan oleh pengarang dalam teks khususnya dari sudut bahasa yang mudah difahami agar pembaca memahami idea yang ingin disampaikan dengan tersusun dan jelas. Hal ini menunjukkan bahawa aspek kohesi melalui penghilangan merupakan aspek yang perlu diberi perhatian dalam kajian analisis wacana.

1.10.15 Penghilangan Namaan

Konsep penghilangan namaan seperti yang dijelaskan oleh Halliday dan Hassan (1976, p.147) mempunyai kaitan dengan *deictic*, *numerative*, *epithet*, *classifier* dan *qualifier*. Keempat-empat elemen tersebut mempunyai kaitan dengan unsur kata nama (*noun*). Contoh seperti ayat berikut,

Four other Oysters followed them, and yet another four

Perkataan *four* dalam klausa kedua merupakan bentuk *numerative* yang merupakan unsur penggantian namaan bagi *four other Oysters* dalam klausa pertama, manakala contoh bagi penghilangan *deitic* seperti contoh berikut,

*Which last longer, the curved rods or
the straight rods? The straight are less
likely to break*

Unsur kata nama *straight* dalam ayat tersebut merupakan penghilangan namaan.

1.10.16 Penghilangan Kerjaan

Menurut Halliday dan Hassan (1976, p.167), penghilangan kerjaan berlaku apabila kata kerja dalam ayat tidak diulang sebaliknya digantikan dengan unsur baharu seperti contoh berikut,

*Have you been swimming? Yes, I have
What have you been doing? Swimming*

Dalam ayat pertama tersebut, *have* merupakan bentuk penggantian kerjaan bagi menggantikan *swimming* yang telah dihilangkan dalam klausa *Yes, I have (been swimming)*, manakala dalam ayat kedua *swimming* merupakan bentuk penggantian kerjaan bagi *I will be swimming. I will be swimming* telah dihilangkan dan digantikan dengan *swimming*.

1.10.17 Penghubung (*Conjunction*)

Aspek kohesi nahan yang seterusnya ialah penghubung atau *conjunction*. Menurut Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002, p.107), penghubung berperanan untuk menyatukan dua unit dalam sintaktik, contohnya seperti penghubung *dan* dan *tetapi*. Oleh itu, penghubung dapat ditakrifkan sebagai,

*Conjunction is word which joins two syntactic units. Especially in *coordination: e.g. and, but are conjunctions with join the units in brackets in [He did] and [he didn't] or He[[come] but [didn't stay]]. Also, especially in older uses, or words like when in He arrived when I left, or that in He said that he did, seen as linking a *subordinate clause to the unit, it is subordinate to. Hence a coordinating conjunctions.*

Menurut A Dictionary of Linguistics and Phonetics (1997, p.81), penghubung seperti *dan* dan *tetapi* turut berfungsi untuk menghubungkan perkataan atau fungsi lain dalam teks. Oleh itu, penghubung didefinisikan sebagai,

Conjunction a term used in the GRAMMATICAL classification of WORD to refer to an ITEM or a process whose primary function is to connect words or other CONSTRUCTIONS. The conventional subclassification of these ‘connective’ items distinguishes CO-ORDINATING conjunction (e.g. and or but) and SUBORDINATING conjunctions (e.g. because, when, unless) – also referred to as ‘co-ordinators’ and ‘subordinators’ respectively. Certain types of ADVERBIAL, (those whose function is primarily connective) are also sometimes referred to as conjunctive, or simply conjuncts, e.g. however, moreover, indeed.

Secara kesimpulannya, aspek kohesi melalui penghubung merupakan aspek yang perlu diberi perhatian dalam analisis wacana. Pengaplikasian penghubung dalam teks akan dapat mempertalikan teks dengan jalinan yang idea yang tersusun dan secara tidak langsung dapat menjadikan idea dalam teks berkesinambungan apabila dibaca.

1.10.18 Kata Penghubung Gabungan

Menurut Nik Safiah et.al (1010, p.251), kata penghubung gabungan ialah jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya dan ayat yang terbentuk menggunakan kata penghubung gabungan disebut ayat majmuk gabungan. Antara contoh kata penghubung gabungan seperti *dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil* dan *kemudian*.

1.10.19 Kata Penghubung Waktu

Asmah (2015, p.226) menjelaskan penghubung waktu sebagai kata penghubung tak setara. Kata penghubung tak setara ialah kata penghubung yang terdapat pada klausa subordinat yang berfungsi dalam ayat induk. Antara contoh penghubung waktu ialah *apabila, bila, ketika, tatkala, manakala, pada masa, pada waktu dan semasa*.

1.10.20 Kata Penghubung Pancangan Keterangan

Menurut Nik Safiah et.al (2010, p.253), kata penghubung pancangan keterangan berfungsi untuk menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada klausa utama. Antara contoh kata penghubung pancangan keterangan ialah *kerana*, *kalau*, *hingga*, *sementara*, *tatkala*, *sungguhpun* dan *untuk*.

1.10.21 Kata Penghubung Sebab dan Akibat

Menurut Abdul Chaer (1988 p.191), kata penghubung sebab dan akibat boleh berfungsi bagi menyatakan alasan dan biasanya kata hubung ini hadir di hadapan frasa yang berfungsi sebagai keterangan dalam kalimat tunggal. Antara contoh kata penghubung sebab dan akibat seperti *kerana* dan *sebab* ataupun *kerana itu* dan *sebab itu*. Contoh ayat yang menggunakan kata penghubung sebab dan akibat seperti berikut,

- Kami dimarahi guru kerana (sebab) lambat
- Kami tidak diundang. Kerana itu (sebab itu), kami tidak datang

1.10.22 Kata Penghubung Syarat dan Pengandaian

Menurut Zainal Abidin (1962, p.89), kata penghubung syarat atau pengandaian merupakan perkataan sendi yang didefinisikan seperti berikut,

Sendi yang menghubungkan atau menyambungkan betul itu terpakai dengan segala jenis perkataan dan juga dengan bahagian-bahagian cakap atau ayat. Kerjanya menyambungkan perkataan atau bahagian cakap yang kemudian daripadanya itu kepada yang dahulu daripadanya, dengan syarat hendaklah kedua-dua yang disambungkan itu sama jenis, iaitu nama dengan nama, perbuatan dengan perbuatan, sifat dengan sifat dan ayat dengan ayat.

1.10.23 Pengulangan Kata Sama atau Hampir Sama

Menurut Abdul Rani et.al (2004, p.130), pengulangan dapat didefinisikan sebagai

Pengulangan atau reiterasi merupakan cara untuk menciptakan hubungan yang kohesif. Reiterasi pada umumnya lebih mudah digunakan, tetapi dalam jumlah yang terbatas. Pengulangan kata sama merupakan cara untuk mempertahankan hubungan kohesif antara kalimat tanpa pengurangan dan perubahan bentuk pada sesuatu kata. Pengulangan kata sama berfungsi untuk memberi tekanan pada bahagian yang diulang. Sementara pengulangan kata hampir sama terjadi apabila sebuah kata diulang dengan konstruksi atau bentuk lain, namun masih mempunyai bentuk dasar yang sama.

1.10.24 Pernyataan Semula Secara Sinonim atau Hampir Sinonim

Menurut Abdul Rani et.al (2004, p.131) pernyataan semula secara sinonim atau hampir sinonim juga disebut sebagai ulangan dengan bentuk lain. Ulangan dengan bentuk lain terjadi apabila sebuah kata diulang dengan konstruksi atau bentuk kata lain yang masih mempunyai bentuk dasar yang sama seperti perkataan *seseorang* dan *pasien* dalam contoh berikut,

Seseorang dengan gangguan wicara akibat kerusakan di area broca kehilangan daya untuk mengungkapkan pikiran dan perasaan dalam bahasa yang biasa ia digunakan sehari-hari – disebut afasia motoric – tetapi tetap mengerti bahasa yang diucapkan orang lain. Pasien dengan gangguan wicara yang diteliti oleh Wernicke dapat berbicara meskipun dengan kesalahan, tetapi daya untuk mengerti wicara orang lain terganggu.

Dalam contoh tersebut, perkataan *pasien* pada kalimat kedua merupakan ulangan atau pernyataan semula secara sinonim yang merujuk *seseorang* dalam kalimat pertama. Perkataan *pasien* merupakan bentuk yang lain sama sekali, namun acuan yang dimaksudkan oleh perkataan itu tetap sama dengan perkataan *seseorang*.

1.10.25 Superordinat (*Hyponymy*)

Superordinat merupakan aspek kohesi yang akan diterangkan dalam bab 4, iaitu tentang kohesi leksikal. Menurut Kamus Linguistik (1983, p.57), superordinat atau hiponimi dapat ditakrifkan sebagai,


Hiponimi yang bermaksud hubungan dalam semantik antara makna spesifik dan makna generik atau antara anggota taksonomi dan nama taksonomi, misalnya antara kucing, anjing dan kambing di satu pihak lain dan haiwan di pihak lain. Kucing, anjing dan kambing disebut hiponim dari haiwan. Haiwan disebut superordinat dari kucing, anjing dan kambing. Kucing, anjing dan kambing disebut kohiponim.

Kamus Linguistik (1993, p.57) mengaitkan superordinat dengan makna spesifik dan makna generik, iaitu *haiwan* merupakan makna generik atau makna umum, manakala makna spesifik pula seperti *kucing*, *anjing* dan *kambing*. Bagi Kamus Linguistik DBP (1997, p.92), superordinat didefinisikan sebagai,

Superordinat atau hiponim merupakan kata yang maknanya terangkum dalam makna kata lain. Contohnya bunga boleh dikategorikan kepada bunga melur, mawar atau anggerik. Melur ialah hiponim atau subordinat kepada bunga yang disebut superordinat dan melur, mawar dan anggerik ialah kohiponim antara satu sama lain.

Kamus Linguistik DBP (1997, p.92) menjelaskan bahawa superordinat atau hiponimi berkaitan kata atau maknanya terangkum dalam makna lain, iaitu diberi contoh *bunga* yang boleh dikategorikan kepada beberapa jenis bunga lain seperti *melur*, *anggerik* dan *mawar*. Menurut Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002, p.243), *superordinate* atau *hyponymy* ditakrifkan sebagai,

Hyponymy is a relationship between two words, in which the meaning of one of the words includes the meaning of the other word. For example, in English the words animal and dog are related in such a way that dog refer to type of animal, and animal is a general term that includes dog and other type of animal. The specific term, dog, is called a hyponym, and the general term, animal, is called a superordinate. A superordinate term can have many hyponyms. For example:



Dalam contoh yang dinyatakan oleh kamus ini, *vehicle* merupakan bentuk superordinat atau hiponimi, manakala *bus*, *car*, *lorry* dan *van* ialah kohiponim yang menerangkan kategori kenderaan tersebut yang dikaitkan dengan hiponim atau makna khusus. Daripada ketiga-tiga penjelasan tersebut, maka dapat disimpulkan bahawa superordinat memainkan peranan penting dalam membentuk kohesi teks. Kepelbagaiannya bentuk hiponim yang terdapat dalam teks untuk dikaitkan dengan makna khusus menjadikan sesuatu teks atau wacana itu menarik untuk dibaca kerana pengarang dilihat berupaya memanfaatkan aspek kohesi leksikal. Dalam masa yang sama, superordinat memberi pengetahuan yang mendalam kepada pembaca untuk mengetahui sesuatu isu dengan lebih dekat.

1.10.26 Hiponimi

Sesetengah kamus menerangkan maksud superordinat sebagai hiponimi, manakala sesetengah kamus lain hanya menerangkan hiponimi. Hiponimi menurut Kamus Linguistik DBP (1997, p.92) ialah hubungan antara hiponim dan superordinatnya. Menurut Dictionary of Linguistics and Phonetics (1997, p.186), hiponimi yang merupakan leksikan item ditakrifkan sebagai,

*Hyponym(y) is a term used in SEMANTICS as part of the study of the SENSE relations which relate LEXICAL ITEMS. ‘Hyponymy’ is the relationship which obtains between specific and general lexical items, such that the former is ‘included’ the latter (i.e. ‘is a hyponym of latter). For example, a cat is hyponym of animal, flute of instrument, chair of furniture, and so on. In each case, there is a superordinate term (sometimes called a **hyponym** or **hyperonym**), with reference to which the subordinate term can be defined, as is the usual practise in dictionary definitions (a cat is a type of animal...). The set terms which are hyponyms of the some superordinate term are **co-hyponyms**, e.g. flute. A term which is a hyponym of itself, in that the same lexical item can operate at both superordinate and subordinate levels, is an **autohyponym** for example, cow contrasts with horse, at one level, but at a lower level it contrast with bull (in effect, ‘a cow is a kind of cow’). Hyponymy is distinguished from such other sense relations as SYNONYMY.*

Dictionary of Linguistics and Phonetics (1997, p.186) mengaitkan hiponim sebagai konsep makna yang mempunyai kaitan dengan unsur leksikal berdasarkan makna khusus dan makna umum. Sebagai contoh, *cat* ialah hiponim bagi *animal*, *flute* ialah hiponim bagi *instrument* dan *chair* merupakan hiponim bagi *furniture*. Berdasarkanuraian tersebut, maka dapat disimpulkan bahawa hiponim dan superordinat merupakan aspek yang sama kerana kedua-duanya berkaitan makna umum dan makna khusus. Pemanfaatan hiponim atau superordinat sebagai satu daripada aspek kohesi akan membentuk pautan antara satu idea dengan idea yang lain. Hal ini secara tidak langsung menjadikan sesuatu teks itu menarik untuk dibaca.

1.10.27 Meronim

Menurut Oxford Concise Dictionary of Linguistics (2014, p.241), meronim berkaitan *relation between lexical units where the objects etc. denote by one are parts of those denoted by the other: e.g. sleeve is a meronym of coat, dress or blouse.* Menurut Dedi (2006), meronim ialah konsep yang melibatkan bahagian dengan seluruh, seperti

hubungan antara rumah dengan ruang tamu, ruang tidur, dapur dan gudang. Rumah memiliki hubungan keseluruhan yang memayungi hubungan bahagiannya seperti ruang tamu, ruang tidur dan gudang. Berdasarkan kedua-duauraian tersebut, maka dapat disimpulkan bahawa meronim merupakan aspek kohesi leksikal yang sangat berkesan dalam menyatakan bahagian-bahagian lain dengan lebih terperinci. Pemanfaatan aspek meronim dalam teks membolehkan pembaca memperoleh maklumat dengan lebih jelas tentang sesuatu idea yang hendak dipaparkan dalam teks atau wacana.

Menurut Murphy (2006), meronim atau *partonymy* berkaitan bahagian-bahagian yang mempunyai hubungan antara satu sama lain (*part of relation*) seperti *page*, *cover* dan *spine* yang menjadi meronim kepada buku (*book*). Untuk menjelaskan bahagian-bahagian yang mempunyai hubungan, Murphy (2006) menggunakan simbol < dan simbol > untuk menerangkan hubungan antara holonim dengan meronim seperti contoh berikut.

bird > *wing*, *finger* < *hand*

Berdasarkan contoh tersebut, Murphy (2006) menerangkan bahawa *bird* merupakan unsur utama yang menjadi holonim kepada *wing*, manakala simbol < menjelaskan bahawa *finger* merupakan meronim kepada *hand*.

1.10.28 Meronim Wajib

Menurut Murphy (2006, p.14) meronym wajib melibatkan unsur unsur yang saling melengkapi antara satu sama lain. Sebagai contoh, meronim wajib (*necessary*) melibatkan unsur transitif, iaitu memerlukan objek dan tidak boleh dipisahkan serta perlu hadir secara serentak seperti hubungan antara mata dengan wajah yang diberi simbol sebagai *eye* < *face* dan hubungan antara *navy* dan *admiral* yang diberi simbol *navy* > *admiral*.

1.10.29 Meronim Pilihan

Meronim pilihan pula (*optional*) merupakan intransitif yang melibatkan hubungan yang tidak diwajibkan kerana masing-masing boleh berdiri dengan sendiri. Murphy (2006, P.14) memberi contoh *handle < door*. Hal ini demikian kerana *door* tanpa *handle* tetap dipanggil *door* kerana *handle* hanyalah pilihan dalam meronim ini.

1.10.30 Kolokasi (*Collocation*)

Kolokasi turut tergolong dalam kohesi leksikal yang akan membentuk tautan dalam teks. Menurut Kamus Linguistik (1983, p.87), kolokasi ialah asosiasi yang tetap antara kata dengan kata lain yang berdampingan dalam kalimat, misalnya antara kata *buku* dan *tebal* dalam *Buku tebal ini mahal*, dan antara *keras* dan *kepala* dalam *Kami sulit meyakinkan orang keras kepala itu*. Berdasarkan takrifan yang diberikan oleh Kamus Linguistik (1983, p.87), maka dapat disimpulkan bahawa kolokasi ialah perkataan yang mempunyai kaitan dan sentiasa menjadi rujukan terhadap perkataan tersebut, misalnya antara perkataan *buku* dengan *tebal*. Kedua-dua perkataan ini sentiasa mempunyai kaitan dan hadir berdampingan. Menurut Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002, p.87), kolokasi atau *collocation* yang termasuk dalam kohesi leksikal ditakrifkan sebagai,

*Collocation or collocate is the way in which words are used together regularly. Collocation refers to the restrictions on how words can be used together, for example which prepositions are used with particular verbs, or which verbs and nouns are used together. For example, in English the verb *perform* is used with *operation*, but not with *discussion*:*

The doctor performed the operation.

**The committee performed a discussion. Instead we say:*

The committee held/had a discussion.

Perform is used with (collocates with) operation, and hold and have collocates with discussion.

Berdasarkanuraian daripada Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic (2002, p.87), maka dapat disimpulkan kolokasi merupakan perkataan yang digunakan secara bersama-sama, iaitu sama ada untuk kata kerja atau kata nama. Dalam bahasa Inggeris misalnya, perkataan *perform* digunakan bersama-sama dengan *operation* dan bukan digunakan untuk menerangkan *discussion*. Hal ini menunjukkan bahawa perkataan *perform* berkolokasi dengan dengan perkataan *operation*. Dalam bahasa Melayu pula, antara bentuk kolokasi yang hadir secara berdampingan ialah *muruku* dan *India* atau antara *jirat* dan *Cina*. Muruku berkolokasi dengan *India* kerana apabila disebut muruku, maka akan terbayang masyarakat India. Begitu juga antara *jirat* dengan *Cina*, kedua-duanya berkolokasi kerana lazimnya apabila disebut *jirat*, maka terbayang masyarakat Cina. Kesimpulannya, kolokasi sangat penting dalam membentuk kohesi dalam teks. Hal ini bertepatan dengan takrifan yang dibuat oleh Halliday dan Hasan (1976) bahawa kolokasi melibatkan hubungan makna yang berdekatan antara satu sama lain.

1.10.31 Kolokasi Kata Berkaitan

Menurut Abdul Jalil (2000, p.677), kolokasi merupakan kata yang terdiri dalam satu himpunan atau kelompok. Himpunan kata ini merupakan kelompok kata yang dapat mewujudkan perkaitan semantik antara ayat yang digunakan. Halliday dan Hassan (1976, p. 285) menyenaraikan beberapa contoh kolokasi kata berkaitan, antaranya ialah *climb...ascent*, *beam...rafter* dan *disease...illness*.

1.10.32 Kolokasi Kata Berlawanan

Menurut Idris (2010, p.64), kolokasi kata berlawanan melibatkan dua kata yang mempunyai makna bertentangan atau antonim dan boleh membentuk kohesi dalam teks.

Antara contoh kolokasi berlawanan seperti *faktor dalam – faktor luaran*, *lelaki – perempuan*, *negara Barat – negara Timur* dan *kenaikan – penurunan*.

1.10.33 Pojok

Pojok menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, p.1220) ialah penjuru, pelosok dan sudut. Pojok juga didefinisikan sebagai ruangan dalam akhbar yang memuatkan kata-kata lucu tetapi pedas serta menyindir atau karangan pendek di sudut akhbar. Menurut Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (2002, p.1447), pojok merupakan ruangan dalam akhbar yang ditakrifkan sebagai penjuru (bilik), pelosok, sudut, ceruk (rumah), jorong dan lajur, ruangan (dalam akhbar). Berdasarkan kedua-dua takrifan tersebut, maka dapat disimpulkan bahawa pojok merupakan tulisan-tulisan pendek yang disiarkan dalam akhbar serta mengandungi kata-kata pedas dan penuh dengan sindiran bagi tatapan pembaca. Lazimnya, pojok merupakan ruangan rencana pengarang yang memuatkan ulasan berita politik, ekonomi, sosial, sukan dan sebagainya sama ada dari dalam maupun luar negara yang dapat menarik perhatian pembaca.

1.11 Rumusan

Kohesi merupakan aspek yang amat penting dalam kajian analisis wacana. Aspek kohesi menggambarkan fungsi tautan dalam teks yang menjadi pemangkin utama dalam menyatukan ayat menjadi wacana yang difahami dan bermakna serta menarik apabila dibaca. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, ternyata aspek kohesi telah mendapat tempat dalam kalangan para pengkaji yang secara tidak langsung membuktikan

aspek ini amat penting dalam kajian bahasa. Seperti sedia maklum, Halliday dan Hasan (1976) telah memulakan asas yang amat kukuh dalam kajian mereka tentang aspek kohesi yang akhirnya menjadi pegangan para pengkaji yang lain. Beberapa orang penahu tempatan seperti Asmah (2015), Idris (2010) dan Sanat (2002) serta penahu dari luar negara seperti Sato turut menggunakan pendekatan fungsional dalam penerapan kajian mereka tentang analisis wacana.

Berdasarkan pandangan dan kajian para penahu tentang analisis wacana, maka dapat disimpulkan bahawa aspek kohesi yang meliputi kohesi nahanan dan kohesi leksikal amat penting untuk diaplikasikan dalam kajian teks. Jalinan idea yang digarap dengan unsur kohesi secara tidak langsung akan mewujudkan teks yang dapat difahami oleh pembaca dan seterusnya menjadikan wacana tersebut menarik untuk dibaca.

BAB 2 : METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORITIS

2.1 Pendahuluan

Bahagian ini akan memfokuskan metodologi kajian dan kerangka teoritis yang akan digunakan dalam kajian ini. Metodologi yang tepat dan berkesan akan membantu sesuatu kajian untuk berada di landasan yang betul selain disokong oleh teori yang akan dapat mengungkap permasalahan kajian dengan jelas dan nyata serta menjawab objektif kajian.

2.2 Metodologi Kajian

Kajian ini akan memanfaatkan kaedah kajian kepustakaan dan kajian analisis teks sebagai fokus utama. Kajian kepustakaan dijalankan bagi mendapat pelbagai maklumat tentang kohesi, manakala kajian teks melibatkan bahan yang akan dijadikan kajian. Dalam konteks ini, bahan kajian meliputi teks ruangan pojok Awang Selamat yang diterbitkan dalam akhbar Mingguan Malaysia.

2.2.1 Reka Bentuk Kajian

Sebelum memulakan penyelidikan, sesuatu kajian perlu mempunyai perancangan. Menurut Sabitha (2009), reka bentuk kajian merupakan satu peta yang memperlihatkan secara terperinci tentang penyelidikan yang akan dijalankan. Hal ini berkaitan satu rangka rujuk mengenai perkara-perkara yang berkaitan persampelan, pengukuran dan analisis data. Pendek kata, reka bentuk kajian menggambarkan rancangan umum tentang sesuatu kajian yang akan dijalankan. Kajian berkaitan analisis wacana memerlukan beberapa pendekatan agar kajian yang dijalankan bermakna dan berkesan. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengaplikasikan dua kaedah, iaitu:

- i. Kaedah Kajian Kepustakaan
- ii. Kaedah Kajian Teks

2.2.1.1 Kaedah Kajian Kepustakaan

Kaedah kajian kepustakaan dijalankan pada peringkat awal penyelidikan untuk memahami beberapa perkara dengan jelas seperti bidang analisis wacana, konsep kohesi dan teori kohesi serta kajian-kajian lepas berkenaan kohesi di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Pustaka Peringatan Za'ba, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pelbagai bahan berkaitan bidang wacana khususnya aspek kohesi akan dirujuk seperti makalah, jurnal, buku, latihan ilmiah, desertasi dan tesis.

2.2.1.2 Kaedah Kajian Teks

Kaedah kajian teks bersifat deskriptif dengan melakukan analisis wacana untuk mengkaji kohesi dalam akhbar. Teknik kajian teks merupakan teknik terpenting dalam penyelidikan kualitatif yang akan mendasari aspek pengumpulan data. Kaedah ini sesuai diterapkan dalam kajian terutama bagi menganalisis data tentang kohesi yang terdapat dalam teks Awang Selamat. Teks Awang Selamat yang dipilih ialah teks yang diterbitkan dalam akhbar Mingguan Malaysia yang bermula pada tarikh 18 September 2016 hingga 27 November 2016.

2.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian kohesi memerlukan penelitian terhadap teks yang dipilih supaya menepati objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti unsur kohesi yang terdapat dalam wacana akhbar khususnya ruangan pojok. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih teks ruangan pojok Awang Selamat yang disiarkan dalam akhbar Mingguan Malaysia sebagai data kajian. Berikut merupakan kaedah pengumpulan data dalam kajian ini.

- (i) Pemilihan ruangan
- (ii) Pengumpulan data
- (iii) Pembacaan terhadap teks
- (iv) Proses analisis data

2.3.1 Pemilihan Ruangan

Kajian aspek kohesi dimulakan dengan pemilihan ruangan dalam surat khabar Mingguan Malaysia. Ruangan yang dipilih untuk kajian ini ialah ruangan rencana pengarang, iaitu ruangan pojok Awang Selamat. Teks ruangan pojok Awang Selamat dipilih kerana teks ini merupakan rencana pengarang yang popular dan telah diterbitkan sejak lima dekad yang lalu. Teks ruangan pojok Awang Selamat merupakan ringkasan berita yang memaparkan kritikan, komen dan pendapat bernas tentang isu-isu semasa baik dari dalam negeri maupun luar negeri.

Kajian aspek kohesi yang memanfaatkan ruangan pojok Awang Selamat sangat sesuai dikaji menggunakan kaedah kohesi, apatah lagi ruangan pojok Awang Selamat merupakan ruangan yang sudah lama diterbitkan dalam akhbar Utusan Malaysia dan

Mingguan Malaysia. Ruangan pojok Awang Selamat dalam akhbar Mingguan Malaysia hanya diterbitkan pada setiap hari Ahad, maka tempoh masa agak lama diperlukan bagi mengumpulkan data daripada teks Awang Selamat.

2.3.2 Pengumpulan Data

Selepas menetapkan ruangan, pengkaji akan memilih ruangan rencana pengarang dalam akhbar Mingguan Malaysia. Selanjutnya, pengkaji telah menetapkan dua tema yang akan dipilih daripada rencana pengarang tersebut. Data yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan dua tema yang telah ditetapkan, iaitu tema Tun Dr. Mahathir dan tema Bersih. Tema Tun Dr. Mahathir dipilih kerana berita tentang tokoh negarawan ini sentiasa disiarkan dalam akhbar arus perdana terutama dalam akhbar Mingguan Malaysia. Oleh itu, pemilihan teks berdasarkan tema Tun Dr. Mahathir dianggap wajar kerana berita tentang tokoh ini tidak pernah lekang untuk disiarkan dalam media cetak maupun media elektronik di negara kita sejak kebelakangan ini. Sementara itu, tema Bersih dipilih memandangkan tema ini menjadi berita paling sensasi yang mendasari bulan September hingga November 2016, iaitu sebelum bermulanya perhimpunan Bersih 5.0. Pemilihan tema Bersih dianggap tepat kerana hampir semua media tempatan melaporkan berita tentang Bersih pada tempoh bulan tersebut.

2.3.3 Pembacaan terhadap Teks Kajian

Setelah menetapkan teks yang akan dikaji, langkah seterusnya ialah pengkaji membaca kesemua 10 teks atau data yang telah dipilih bagi mendapatkan maklumat awal khususnya tentang kajian yang akan dilakukan. Kajian ini memerlukan pembacaan terhadap 10 artikel Awang Selamat yang berkisar tentang dua tema utama, iaitu tema Tun Dr. Mahathir

dan tema Bersih. Oleh sebab teks kajian diterbitkan dalam edisi mingguan, maka tempoh pembacaan kesemua teks diambil selama tiga bulan.

2.3.4 Proses Analisis Data

Jadual 2.1 menunjukkan artikel yang telah dipilih berserta dengan tajuk bagi setiap tema serta jumlah perenggan dan ayat.

Jadual 2.1 : Tajuk teks kajian aspek kohesi ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Teks	Tajuk Teks (T)	Jumlah Perenggan (P)	Jumlah Ayat (A)
Tun Dr. Mahathir	Teks 1 (T1)	Liabiliti?	9	17
	Teks 2 (T2)	Dr. M dan Mesej	8	16
	Teks 3 (T3)	Musuh Dr. M?	7	18
	Teks 4 (T4)	Mahathir dan PAS	5	12
	Teks 5 (T5)	Siapa Sebenarnya Anda?	7	30
Jumlah		5	36	93
Bersih	Teks 6 (T6)	Dap, Bersih 5.0	8	21
	Teks 7 (T7)	Bersih diperkasa?	6	16
	Teks 8 (T8)	Rahman ajar Bersih	7	17
	Teks 9 (T9)	Soros – Bersih	8	20
	Teks10 (T10)	Marina – Soros	6	13
Jumlah		5	35	87
Jumlah keseluruhan		10	71	180

Proses analisis data bermula dengan pengkaji membuat penyusunan terhadap dua tema yang telah ditetapkan dan dilabel sebagai T yang bermaksud teks, manakala

perenggan-perenggan dalam teks dilabel sebagai P dan senarai ayat dilabel sebagai A. Terdapat 5 teks atau artikel di bawah tema Tun Dr. Mahathir. Bagi tema Tun Dr. Mahathir misalnya, pelabelan telah dilakukan terhadap lima teks yang telah dipilih. Bagi teks 1 yang bertajuk **Liabiliti?**, nombor bagi teks ini dilabelkan sebagai T1, manakala jumlah perenggan (P) dalam teks ini sebanyak 9 perenggan dan terdiri daripada 17 ayat (A).

Teks ke-2 yang bertajuk **Dr. M dan Mesej** dilabelkan sebagai T2. Teks ke-2 mempunyai 8 perenggan dan terdiri daripada 16 ayat. Label bagi teks ke-3 yang bertajuk **Musuh Dr. M?** ialah T3. Teks ini terdiri daripada 7 perenggan serta mengandungi 18 ayat. Seterusnya bagi teks keempat yang bertajuk **Mahathir dan PAS**, dilabelkan sebagai T4. Jumlah perenggan dalam T4 ialah sebanyak 5 perenggan, manakala jumlah ayatnya ialah 12 ayat. Tajuk yang terakhir bagi tema Tun Dr. Mahathir dilabelkan sebagai T5 untuk mewakili teks yang bertajuk **Siapa Sebenarnya Anda?**. T5 yang bertajuk **Siapa Sebenarnya anda?** terdiri daripada 7 perenggan dan 30 ayat.

Bagi tema Bersih pula, T6 merupakan label bagi teks ini yang bertajuk **Dap, Bersih 5.0**, Jumlah perenggan bagi data T6 ialah sebanyak 8 perenggan serta mengandungi 21 ayat. Bagi Teks 7 pula, teks ini dilabel sebagai T7. T7 yang bertajuk **Bersih 5.0 diperkasa?** mengandungi 6 perenggan serta jumlah ayatnya sebanyak 16 ayat. Sementara itu, teks 8 yang bertajuk **Rahman ajar Bersih** dilabel sebagai T8. Bilangan perenggan dalam T8 sebanyak 7 perenggan dan terdiri daripada 17 ayat. Seterusnya tajuk **Soros – Bersih** telah dilabel oleh pengkaji sebagai T9. Teks **Soros – Bersih** mengandungi 8 perenggan serta 20 bilangan ayat. Teks 10 merupakan teks yang terakhir dijadikan data kajian oleh pengkaji. Teks 10 yang bertajuk **Marina – Soros** mengandungi 6 perenggan dengan 13 ayat dan dilabelkan sebagai T10.

Selepas menjalankan proses pelabelan terhadap data, langkah seterusnya ialah pengkaji mengenal pasti dua aspek kohesi yang akan diberi perhatian dalam kajian ini. Dua aspek kohesi tersebut ialah kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Kohesi nahuan

memberi tumpuan terhadap tautan ayat sama ada dalam dalam ayat, perenggan mahupun teks secara keseluruhannya yang melibatkan empat aspek kohesi yang utama seperti rujukan, penggantian, penghilangan dan penghubung. Rujukan merupakan aspek yang berkaitan kata ganti atau *deixis*, manakala penggantian melibatkan pengambilan tempat sesuatu segmen kata, frasa atau klausa oleh kata bayangan. Penghilangan pula melibatkan peniadaan kata atau sebahagian kesatuan lain dalam ayat dan penghubung berkaitan proses mempertalikan ayat, frasa mahupun klausa dengan unsur sebelumnya.

Kohesi leksikal pula memfokuskan kata yang terdapat dalam teks yang mencakupi pernyataaan semula leksikal dan pemanfaatan leksikal berkolokasi. Pernyataan semula leksikal melibatkan perkataan-perkataan yang diulang semula dalam teks serta penggunaannya dalam teks yang melibatkan pengulangan kata yang sama atau hampir sama, pernyataan semula secara sinonim dan hampir sinonim, pernyataan kata superordinat dan pernyataan semula melalui meronim. Leksikal berkolokasi pula akan tertumpu kepada kolokasi kata berkaitan dan koloksi kata berlawanan


Secara kesimpulannya, proses analisis data bermula dari peringkat penyusunan tema, diikuti dengan pelabelan teks dan seterusnya pengenalpastian aspek kohesi. Hal ini menjadikan proses analisis data dapat dilakukan dengan sistematik demi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

2.4 Teori Kohesi

Menurut Othman (2012) teori dibentuk melalui penerokaan terhadap sesuatu fenomena, iaitu dengan mengenal pasti dan meneliti perhubungan di antara konsep dan seterusnya pembentukan suatu kerangka bagi membolehkan penjelasan dibuat. Dalam hal ini, teori digunakan untuk mendefinisikan atau menjelaskan sesuatu fenomena yang hendak dikaji.

Dalam penyelidikan bahasa, terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan oleh penahu-penahu seperti pendekatan sistemik, pendekatan tematik, pendekatan fungsional dan sebagainya. Bagi kajian yang melibatkan analisis wacana, pendekatan nahu fungsional seperti yang diperkenalkan oleh Halliday (2014) ini harus disesuaikan dengan sifat klausa bahasa Melayu. Menurut Mohammad Fadzeli (2013), nahu fungsional pada asasnya ialah nahu ‘natural’ yang boleh menjelaskan apa-apa sahaja yang terdapat dalam sesuatu teks terutama cara sesuatu bahasa itu digunakan. Sebagai sebahagian daripada pendekatan fungsional, teori kohesi yang dibangunkan oleh Halliday dan Hasan (1976) boleh digunakan untuk menganalisis teks. Menurut Asmah (2015) nahu fungsional dapat menjelaskan bagaimana bahasa digunakan (*how language is used*). Tiap-tiap teks wujud dalam konteks penggunaan bahasa, sama ada bahasa percakapan atau bertulis. Menurut Asmah (2015), bahasa tumbuh atas keperluan manusia dan cara bahasa itu disusun adalah menurut fungsi keperluan itu. Dalam hal ini, bahasa tidak bersifat arbitrari. Dengan demikian, nahu fungsional merupakan nahu tabii (*natural grammar*) dalam erti kata semua yang terkandung dalamnya dapat dijelaskan dengan merujuk bagaimana bahasa itu digunakan.

Teori kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976) menjadi panduan dalam kajian ini. Teori tersebut merangkumi komponen tekstual melalui ‘alatan nahuan’ (*grammatical device*) dan sebahagian lagi melalui ‘alatan leksikal’ (*vocabulary device*) dan kedua-duanya dari segi teori dinamakan kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Menurut Halliday dan Hasan (1976), makna yang lebih umum diterangkan melalui kohesi nahuan, manakala makna yang lebih khusus diterangkan melalui kohesi leksikal seperti Rajah 2.1.




Rajah 2.1 : Kohesi wacana (Halliday dan Hasan, 1976, p.29)

2.4.1 Kohesi Nahuan

Halliday dan Hasan (1976) menerangkan kohesi nahuan melalui empat kaedah utama, iaitu rujukan (*reference*), penggantian (*substitution*), penghilangan (*ellipsis*) dan penghubung (*conjunction*).


2.4.1.1 Rujukan (*Reference*)

Kohesi melalui kaedah rujukan berkaitan hubungan makna yang merujuk pada unsur sebelum atau selepas. Halliday dan Hasan (1976) menerangkan kohesi secara rujukan dapat dijelaskan kepada tiga jenis utama, iaitu rujukan personal, rujukan demonstratif dan rujukan perbandingan. Rujukan personal merujuk situasi fungsi pengucapan berdasarkan kategori kata ganti nama, rujukan demonstratif merujuk tempat atau lokasi, manakala rujukan perbandingan merujuk secara tidak langsung berkaitan identiti atau persamaan. Untuk kajian kohesi dalam ruangan pojok, fokus kajian hanya akan menumpukan perhatian terhadap rujukan personal dan rujukan demonstratif sahaja yang terdapat dalam bahasa Melayu. Menurut Halliday dan Hasan (1976), rujukan personal, demonstratif dan perbandingan dapat dikaitkan dengan situasi rujukan seperti dalam Rajah 2.2.




Rajah 2.2 : Reference (Halliday dan Hasan, 1976, p.33)

Menurut Halliday dan Hasan (1976), rujukan endofora ialah rujukan rujukan personal yang melibatkan situasi fungsi pengucapan berdasarkan kategori diri atau orang. Dalam bahasa Melayu, pengkategorian kata ganti nama diri dapat dilihat dalam Rajah 2.3 seperti yang diterangkan oleh Nik Safiah et.al (2010):



Rajah 2.3 : Kata ganti nama diri (Nik Safiah et.al, 2010, p.86)

Menurut Asmah (2015), ganti nama diri biasa boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan iaitu, hormat, neutral dan kasar/intim seperti dalam Rajah 2.4.



Rajah 2.4 : Kata ganti nama diri (Asmah, 2015, p.88)


Asmah (2015) turut mengkategorikan kata ganti nama kepada kata ganti nama bahasa diraja seperti diri pertama *beta* dan *patik*, kedua *tuanku* dan ketiga *tuanku*. Penggunaan kata ganti nama sebagai rujukan personal dalam kohesi nahuhan adalah lebih bersifat endofora iaitu, sebagai rujukan secara anafora (anteseden) dan rujukan secara katafora (antisipatori). Kedua-dua rujukan ini dapat mempertaut teks menjadi ungkapan yang saling berhubung antara satu sama lain yang secara tidak langsung menzahirkan kepentingan aspek kohesi dalam wacana.

Menurut Arbak (1985), kata ganti nama orang pertama ialah perkataan yang dipakai bagi menggantikan nama orang bercakap. Kata ganti nama *kita* dipakai jika orang kedua yang ditujukan percakapannya itu meliputi orang yang bercakap. Kata ganti nama orang kedua ialah perkataan-perkataan bagi menggantikan nama orang yang dilawan bercakap (iaitu orang kedua). Kata ganti nama diri *anda* merupakan ganti nama orang kedua tunggal, walaupun dalam keadaan-keadaan yang tertentu ganti nama yang sama juga digunakan sebagai ganti nama jamak, manakala kata ganti nama orang ketiga ialah perkataan-perkataan yang dipakai bagi menggantikan nama orang yang dicakapkan

seperti *dia*, *ia*, *beliau*, *mereka* dan *-nya*. Kata ganti nama diri *baginda* pula dipakai bagi rujukan untuk golongan keluarga istana.


Menurut Halliday dan Hasan (1976), rujukan endofora melibatkan anafora dan katafora. Rujukan anafora merujuk unsur sebelum, manakala rujukan pada unsur selepasnya dinamakan rujukan katafora. Kedua-dua rujukan ini dikaitkan dengan kata bayangan (*dummy word*) yang boleh ditentukan kehadirannya sama ada sebelum atau selepas. Menurut Idris (2010), kaedah rujukan kohesi nahuan ini boleh dikategorikan kepada beberapa jenis rujukan antaranya rujukan melalui kata ganti nama diri, rujukan melalui kata ganti nama milik, rujukan melalui kata ganti nama tanya dan rujukan melalui kata ganti nama tak tentu.

Bagi rujukan eksofora, fokus akan diberikan terhadap aspek rujukan demonstratif. Menurut Halliday dan Hasan (1976), aspek kohesi melalui rujukan demonstratif ialah rujukan secara eksofora yang merujuk lokasi atau berkaitan jarak. Fungsi rujukan demonstratif tetap sama dengan rujukan personal, iaitu sebagai kata bayangan. Dalam bahasa Melayu, kata ganti nama tunjuk seperti *sana*, *sini*, *situ*, *itu* dan *ini* juga boleh menjadi kata bayangan dalam teks yang akan mewujudkan aspek kohesi. Rajah 2.5 ialah rujukan secara demonstratif seperti yang diterangkan oleh Halliday dan Hasan (1976) :



Rajah 2.5 : Rujukan secara demonstratif (Halliday dan Hasan, 1976, p.57)

Nik Safiah et.al (2010) membahagikan kata ganti nama tunjuk seperti berikut:



Rajah 2.6 : Kata ganti nama tunjuk (Nik Safiah et.al, 2010, p.102)

Menurut Nik Safiah et.al (2010), kata ganti nama tunjuk umum *ini* merujuk tempat yang dekat, manakala *itu* merujuk tempat yang jauh. Kata ganti nama tunjuk tempat *sini* merujuk arah yang dekat, *situ* agak jauh manakala *sana* merujuk arah yang jauh. Menurut Asmah (2010), kedua-dua kata penunjuk *ini* dan *itu* berkaitan erat dengan jarak yang dikira daripada orang yang bercakap. *Ini* Dekat dengan orang yang bercakap manakala *itu* jauh daripada orang yang bercakap.

Pada pandangan Mees (1969), kata ganti nama tunjuk atau kata ganti penunjuk seperti *ini* menunjukkan jarak yang dekat dengan pembicara, manakala *itu* menunjukkan sesuatu yang lebih jauh tempatnya. Mees (1969) juga menyatakan bahawa maksud *itu* sebagai kiasan yang bererti ‘yang telah kauketahui’, iaitu yang tadi disebut, manakala bagi pernyataan waktu *ini* bererti ‘yang kini’ sementara *itu* bermaksud ‘yang lampau’ seperti contoh-contoh berikut.

- ‘Dengan kartu *ini*’, kata si Jamal sambil menggoyang-goyang kartu *itu* di depan hidungku, ‘aku sekarang dapat mundar-mandir dari Jogja ke Djakarta.’
(kartu) *ini* = yang dalam tangan pembicara.

(kartu) *itu* = kartu tadi, yang baru disebut.

2. Mengapa aku *ini* saja dimarahi, sedang kami sekalian yang bersalah?
(aku) ini = yang di sini, menunjuk dan menegaskan *aku*.
3. Hingga hari *ini* aku masih menunggu-nunggu uang dolarnya itu.
(hari) ini = yang kini
4. Sementara *itu* keadaan telah banyak perubahannya.
Sementara *itu* = dalam antara waktu yang lampau.
5. Mati *itu* tunangan hidup.
Contoh *itu* dalam ayat ini berkeadaan lemah dan hanya berfungsi sebagai penentuan sahaja.

Menurut Sato (1997), kaedah rujukan secara eksofora (*exophora*) digunakan dalam perkara yang merujuk secara langsung kerana rujukan ini mempunyai fungsi sebagai kata ganti. Satu daripada cara untuk mengenal eksofora ialah penggunaan deiksis (*deixis*) dalam ayat. Penggunaan deiksis dalam bahasa Melayu boleh dilihat melalui penggunaan kata ganti nama tunjuk. Nik Safiah et.al (2010) membahagikan kata ganti nama tunjuk kepada dua, iaitu umum dan merujuk tempat. Kata ganti nama tunjuk yang bersifat umum ialah *ini* dan *itu*, manakala kata ganti nama tunjuk yang merujuk tempat ialah *sini*, *situ* dan *sana*, manakala dalam bahasa Inggeris pula Halliday dan Hasan (1976) memberi contoh *this/these* dan *that/those*. Penggunaan eksofora tidak terbatas kepada kata ganti nama tunjuk yang menerangkan orang, benda dan tempat kerana menurut Sato (1997), ganti nama tunjuk *ini* boleh merujuk secara eksofora kepada situasi adegan atau tempat rujukan itu berlangsung.

Menurut Halliday dan Hasan (1976), rujukan endofora pula terbahagi kepada dua, iaitu rujukan anafora dan rujukan katafora. Menurut Idris (2010) rujukan anafora merujuk unsur sebelum, manakala rujukan pada unsur selepasnya dinamakan rujukan katafora. Kedua-dua rujukan ini dikaitkan dengan kata bayangan (*dummy word*) yang boleh ditentukan kehadirannya sama ada sebelum atau selepas. Kaedah rujukan kohesi nahan ini boleh dikategorikan kepada beberapa jenis rujukan antaranya rujukan melalui kata ganti nama diri, rujukan melalui kata ganti nama milik, rujukan melalui kata ganti nama tanya dan rujukan melalui kata ganti nama tak tentu.

2.4.1.2 Penggantian (*Substitution*)

Kohesi nahuan yang kedua ialah penggantian. Menurut Idris (2010), penggantian ialah pengambilan tempat sesuatu segmen kata, frasa atau klausa oleh kata atau frasa bayangan (*dummy*) lain. Menurut Sato (1997) penggantian ialah unsur yang telah disebutgantikan dengan bentuk baharu secara semantik atau nahuan. Penerima atau sasaran wacana boleh memahaminya melalui ayat yang mendahuluinya. Pengganti berkenaan boleh diwakili oleh unsur kata nama atau kata kerja. Menurut Halliday dan Hasan (1976), rujukan secara penggantian dapat dibahagikan kepada tiga jenis penggantian, iaitu penggantian nominal, penggantian verbal dan penggantian klausa. Berikut contoh bentuk penggantian seperti yang diterangkan oleh Halliday dan Hasan (1976).

1. These biscuits are stale. Get some fresh ones. [penggantian namaan]
2. My axe is too blunt. I must get a sharper one. [penggantian namaan]
3. He never really succeeded in his ambitions. He might have done, one felt, had it not been for the restlessness of his nature. [penggantian kerjaan]
4. They've failed, then? I regret so. [penggantian klausa]
5. They've failed. I regret it – everyone regrets it. [penggantian klausa]

2.4.1.3 Penghilangan (*Ellipsis*)

Menurut Halliday dan Hasan (1976), penghilangan ialah proses peniadaan kata atau sebahagian kesatuan lain dalam ayat. Halliday dan Hasan (1976) membahagikan rujukan secara penghilangan kepada tiga jenis, iaitu penghilangan nominal, penghilangan verbal dan penghilangan klausa. Menurut Sato (1997) kaedah penghilangan mempunyai hubungan yang erat dengan kaedah penggantian. Walau bagaimanapun, penghilangan sepatutnya berlaku dalam batasan yang membolehkan kepadatan unsur-unsur yang membentuk jalinan ayat-ayat dan kejelasan maknanya dijaga dengan syarat unsur yang dihilangkan itu dapat diperoleh semula dalam konteks kebahasaan. Penghilangan boleh berlaku dalam dua keadaan. Keadaan pertama menghilangkan suatu unsur tertentu dalam

ayat dan kedua menghilangkan semua unsur kecuali suatu bahagian sehingga membentuk ayat yang minimum. Menurut Sato (1997), penghilangan dalam bahasa Melayu dapat dikesan melalui aspek morfologi dan sintaksis. Idris (2010) memberi contoh penghilangan seperti berikut,

1. *My kids play an awful lot of sport. Both (of my kids) are incredibly energetic.* [penghilangan namaan]
2. Dia mengambil bahagian dalam debat itu. Kamu tidak (mengambil bahagian dalam debat itu).
[penghilangan kerjaan]
3. A: Have you been working?
B: Yes, I have (been working). [penghilangan kerjaan]
4. Who was going to plant a row of poplars in the park? The Duke was (going to plant a row of poplars in the park) [penghilangan klausa]

Menurut S Nathesan (2002), penghilangan ialah amalan menggugurkan sebahagian ujaran atau struktur bahasa, namun bahagian yang digugurkan itu boleh difahami maknanya oleh pendengar mahupun pembaca berdasarkan konteks penggunaannya walaupun digugurkan dalam penulisan atau pertuturan. Penghilangan berlaku dengan meluas dalam karya kreatif seperti contoh berikut,

1. Beri duit sedikit. Nak beli buku dan pensel

2.4.1.4 Penghubung (*Conjunction*)

Penghubung ialah proses mempertalikan ayat, klausa, frasa atau kata dengan unsur sebelumnya. Halliday dan Hasan (1976) menyenaraikan empat jenis penghubung yang boleh membantu membina wacana yang mempunyai unsur kohesi dan berkesatuan.

- i. Penghubung penambah (*Additive*)
Bahasa Melayu: *dan, di samping, selain, atau, tambahan, justeru.*
Bahasa Inggeris: *and, in other words, on the other hand, in addition.*

- ii. Penghubung berlawanan (*Adversative*)
Bahasa Melayu: *tetapi, sungguhpun, walaupun, di sudut lain, sementara, manakala*
Bahasa Inggeris: *however, but, nevertheless, on the contrary, anyhow.*
- iii. Penghubung musabab (*Causal*)
Bahasa Melayu: *oleh itu, kerana, sebab, oleh yang demikian, kesannya, akibatnya.*
Bahasa Inggeris: *so, then, consequently, for this reason, in this respect, as a result.*
- iv. Penghubung turutan (*Temporal*)
Bahasa Melayu: *sebelum, sesudah, pada mulanya, kemudian, akhirnya.*
Bahasa Inggeris: *next, after that, previously, finally, at once, an hour later, secondly.*

Menurut Asmah (2015), penghubung ialah kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa yang boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu penghubung setara dan penghubung tidak setara. Aspek penghubung yang diterangkan oleh Halliday dan Hasan (1976) serta Asmah (2015) merupakan aspek yang amat penting dalam kajian kohesi. Penggunaan penghubung dalam teks akan dapat mempertalikan teks dengan jalinan yang secara tidak langsung dapat menjadikan idea dalam teks berkesinambungan apabila dibaca.

2.4.2 Kohesi Leksikal

Kohesi leksikal ialah alatan pembinaan pautan yang penting kerana alatan inilah yang membawa maklumat atau idea dalam wacana. Menurut Abdul Rani et.al (2004), kohesi leksikal melibatkan kata atau frasa bebas yang mampu mempertahankan hubungan kohesif dengan kalimat yang mendahului atau yang mengikuti. Menurut Halliday dan Hasan (1976), kohesi leksikal melibatkan pernyataan semula leksikal dan pemanfaatkan

leksikal berkolokasi. Pernyataan semula leksikal berlaku dalam tiga cara iaitu, (i) pengulangan kata sama atau hampir sama, (ii) penggunaan kata sinonim atau hampir sinonim, dan (iii) penggunaan kata superordinat (yang melibatkan hiperonim), manakala unsur meronim seperti yang diterangkan oleh Murphy (2006) juga boleh dikaitkan dengan kohesi leksikal. Pemanfaatan leksikal berkolokasi pula melibatkan kolokasi kata berkaitan dan kolokasi kata berlawanan.

2.4.2.1 Pernyataan Semula Leksikal

Menurut Halliday dan Hasan (1976), pernyataan semula (*reiteration*) leksikal dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu penggunaan kata yang sama atau hampir sama, penggunaan kata sinonim atau hampir sinonim, penggunaan kata superordinat.

i. Pengulangan kata yang sama atau hampir sama


Kata yang diulang ialah jenis ‘kata isi’ dan bukannya ‘kata fungsi’. Kata isi ialah kata yang penting bagi pengutaraan idea atau maklumat teks. Kata ini boleh dikenal pasti melalui dua cara. Pertama, kata ini akan menjadi unsur yang tidak boleh ditinggalkan apabila memperkatakan inti atau idea teks. Kedua, unsur berkenaan jika tidak diulang, teks mungkin terganggu kesatuan isinya (Idris, 2010).

ii. Pernyataan semula secara sinonim atau yang hampir sinonim

Di samping mengulang kata atau frasa yang sama, sesetengah teks menggunakan kaedah kohesi yang berbeza, iaitu dengan menggunakan sesuatu kata dan kemudian menggunakan sinonim kata berkenaan pula dalam ayat berikutnya. ‘Sinonim’ ialah suatu kata yang mempunyai makna yang sama dengan kata ‘seerti’ (S. Nathesan, 2004).

iii. Pernyataan semula melalui kata superordinat (hiponim)

Menurut Idris (2010) pernyataan semula melalui kata superordinat ialah pernyataan semula sama ada melalui penggunaan kata yang lebih umum (hiperonim) atau yang lebih khusus (hiponim). Konsep hiponim dan hiperonim menurut Abdul Chaer (2007) berkaitan kelas atas dan kelas bawah atau yang generik dan spesifik, iaitu makna yang berada di bawah makna lain. Misalnya kata *burung* yang merupakan hiperonim terhadap kata *merpati*, *tekukur*, *garuda* dan *balam* secara tidak langsung menjadi hiponim terhadap kata *unggas*, sementara kata *unggas* pula merupakan hiperonim terhadap kata *burung*, *itik*, *ayam* dan *angsa*. Selanjutnya kata *unggas* menjadi hiponim terhadap kata binatang yang merupakan hiperonim terhadap *unggas*, *monyet*, *ikan*, *gajah* dan sebagainya. Secara ringkasnya, Abdul Chaer (2007) menjelaskan hiponim seperti dalam Rajah 2.7.




Rajah 2.7 : Hiponim (Abdul Chaer, 2007, p.135)

iv. Pernyataan semula melalui meronim

Meronim ialah konsep yang melibatkan hubungan bahagian dengan bahagian-bahagian lain secara lebih terperinci. Menurut Murphy (2006), meronim atau *partonymy* melibatkan hubungan antara bahagian (*part of relation*) yang terdapat antara holonim dengan meronim seperti *page*, *cover*, dan *spine* yang merupakan meronim bagi buku (*book*). Murphy (2006) menggunakan simbol > dan < untuk menerangkan meronim, misalnya *bird* > *wing* menjelaskan bahawa *bird* merupakan unsur utama, manakala *wing*

merupakan meronim bagi *bird*. Bagi contoh kedua pula, *finger* < *hand* menerangkan bahawa *finger* merupakan meronim atau bahagian bagi *hand*. Hal ini menunjukkan bahawa meronim merupakan bahagian spesifik yang menjelaskan dengan terperinci tentang sesuatu holonim. Selanjutnya, Cruse (1986 dalam Dedi) menggambarkan hubungan meronim seperti dalam Rajah 2.8.



Rajah 2.8 : Meronim (Cruse, 1986 dalam Dedi, p.187)

2.4.2.2 Kolokasi

Kolokasi ialah asosiasi yang tetap antara kata dengan kata lain yang berdampingan dalam kalimat, misalnya antara kata *buku* dan *tebal* dalam *Buku tebal ini mahal*, dan antara *keras* dan *kepala* dalam *Kami sulit meyakinkan orang keras kepala itu*. Menurut Idris (2010) kohesi melalui kolokasi dicapai berdasarkan perkaitan semantik item-item leksikal yang kerap hadir secara bersama atau mempunyai makna rujukan yang sama atau berkaitan dan kata berlawanan. Dalam erti kata yang sebenar, hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dengan perkataan lain dalam satu susunan misalnya dalam ayat ditakrifkan sebagai kolokasi. Kohesi melalui kolokasi dicapai melalui perkaitan semantik item-item leksikal yang kerap hadir secara bersama atau mempunyai rujukan umum yang sama atau berkaitan dan kata yang berlawanan. Menurut Idris (2016) kata yang berkolokasi bagaikan mewujudkan suatu medan makna yang jelas. Kohesi melalui kolokasi dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kolokasi kata berkaitan dan kolokasi kata berlawanan.

i. Kolokasi kata berkaitan


Kolokasi kata berkaitan merupakan aspek kohesi yang dapat menjadikan sesuatu teks itu lebih bermakna kesan kepelbagaian penggunaan kata oleh pengarang yang dapat mengaitkan sesuatu perkataan dengan makna rujukan umum. Penggunaan kolokasi kata berkaitan menjadikan teks ditenun dengan baik berikutan penggunaan pelbagai kata yang mempunyai kaitan antara satu sama lain (Idris, 2010). Antara contoh kolokasi kata berkaitan ialah mahkota – raja, Melayu – Islam, China – Kungfu dan Negara Selatan – negara sedang membangun (Idris, 2010 p.64)

ii. Kolokasi kata berlawanan

Kolokasi kata berlawanan atau antonim melibatkan dua perkataan yang mempunyai makna bertentangan. Kolokasi jenis ini juga boleh membantu membentuk kohesi dalam sesebuah teks (Idris, 2010). Antara contoh kolokasi kata berlawanan ialah faktor dalaman – faktor luaran, lelaki – perempuan, kenaikan – penurunan dan negara Barat – negara Timur (Idris, 2010, P.64).

2.5 Kerangka Konsepsi

Urutan proses akan menghasilkan dapatan kajian yang dapat dijelaskan melalui rajah berikut:



Rajah 2.9 : Kerangka konsepsi

2.6 Rumusan

Bab kedua telah membincangkan metodologi penyelidikan, iaitu kaedah yang akan digunakan dalam penyelidikan ini. Dua kaedah yang paling utama ialah kaedah kajian kepustakaan dan kaedah kajian teks dilihat berupaya untuk menganalisis data kajian.

Metodologi kajian ini diperkuuh dengan teori kohesi yang dimajukan oleh Halliday dan Hasan (1976). Penyelidikan tentang aspek kohesi dalam ruangan pojok ini akan mengaplikasikan penggunaan teori kohesi bagi menghuraikan tautan yang wujud dalam ruangan pojok Awang Selamat. Fokus kajian terhadap teori kohesi dilakukan dengan memberi perhatian terhadap dua alatan kohesi, iaitu kohesi nahan dan kohesi leksikal. Kedua-dua aspek kohesi ini akan dianalisis dengan mendalam dalam bab 3 dan bab 4 kajian ini.

Dengan adanya kaedah atau metodologi yang sistematik, diharapkan segala permasalahan yang diutarakan dalam permasalahan kajian dapat dirungkai dan seterusnya menepati objektif kajian yang telah ditetapkan.

BAB 3 : KOHESI NAHUAN DALAM TEKS AWANG SELAMAT

3.1 Pendahuluan

Bahagian ini akan memfokuskan perbincangan tentang analisis kohesi nahuan dalam artikel Awang Selamat yang mencakupi empat aspek utama kohesi, iaitu rujukan, penggantian, penghilangan dan penghubung. Keempat-empat aspek kohesi tersebut merupakan makna umum, manakala makna khusus yang merangkumi kohesi leksikal akan dibincangkan dalam bab 4. Setiap aspek akan dianalisis dengan terperinci yang secara tidak langsung akan menjawab objektif kajian seperti yang telah digariskan.

3.1.1 Rujukan

Bahagian ini akan menganalisis dua jenis rujukan utama dalam aspek kohesi, iaitu rujukan secara eksofora dan rujukan secara endofora. Menurut Halliday dan Hasan (1976), rujukan secara eksofora ialah rujukan demonstratif, manakala rujukan endofora tertumpu pada rujukan personal. Kedua-dua jenis rujukan ini akan memfokuskan penggunaan kata ganti atau *deixis* dalam teks. Menurut Sato (1997), aspek rujukan merupakan satu daripada aspek kohesi yang mempunyai kaitan dengan kata ganti nama atau *deixis*. Menurut Halliday (2014), *deixis* merupakan komponen textual yang terkandung dalam kata nama yang menerangkan perkataan atau frasa yang maksudnya bergantung pada situasi mengikut penggunaannya.

3.1.1.1 Rujukan Endofora

Berdasarkan data daripada ruangan pojok Awang Selamat, terdapat kecenderungan pengarang menggunakan kata ganti nama diri dalam teks. Oleh sebab rujukan endofora berkaitan penggunaan kata ganti nama diri orang, maka penggunaan kata ganti diri ini

hadir sama ada secara anafora mahupun katafora dalam teks ruangan pojok Awang Selamat.

Jadual 3.1 menunjukkan kekerapan kehadiran kata ganti nama diri orang sebagai rujukan endofora dalam teks Awang Selamat. Dalam Jadual 3.1, jumlah kata ganti nama diri pertama yang digunakan oleh pengarang dalam teks ruangan pojok Awang Selamat sebanyak 6 kali, manakala bagi kata ganti nama diri kedua sebanyak 25 kali dan kata ganti nama diri ketiga sebanyak 26 kali. Bilangan keseluruhan kata ganti nama diri yang digunakan dalam teks Awang Selamat sebanyak 57 kali. Daripada ketiga-tiga kata ganti nama diri tersebut, didapati kata ganti nama diri kedua paling banyak digunakan oleh pengarang dalam teks. Hal ini menunjukkan bahawa kata ganti nama diri mempunyai fungsi tersendiri sebagai rujukan endofora dalam teks.

Jadual 3.1 : Jumlah kata ganti nama diri dalam ruangan pojok Awang Selamat

Nombor Teks	Kata ganti nama			Jumlah
	KGND 1	KGND 2	KGND 3	
T1	-	-	8 (anda)	8
T2	-	-	6 (beliau)	6
T3	1 (kita)	-	6 (beliau)	7
T4	-	-	-	-
T5	3 (kita)	24 (anda)	-	27
T6	-	1 (anda)	3 (mereka, beliau)	4
T7	-	-	-	-
T8	1 (kita)	-	2 (mereka, beliau)	3
T9	-	-	-	-
T10	1 (kita)	-	1 (beliau)	2
Jumlah	6	25	26	57

Dalam T1, pengarang ruangan pojok Awang Selamat didapati lebih cenderung menggunakan kata ganti nama diri (KGND) ketiga **beliau** sebagai rujukan endofora. Penggunaan **beliau** sebanyak lapan kali dalam T1 bagi merujuk **Tun Dr. Mahathir** membuktikan bahawa pengarang menggunakan kata ganti nama diri kategori hormat bagi merujuk **Tun Dr. Mahathir**, iaitu sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang

negarawan. Hal ini bertepatan dengan pengkategorian **beliau** oleh Asmah (2015) sebagai kata ganti nama diri ketiga bersifat hormat.

Dalam T2 pula, penggunaan kata ganti nama diri dalam teks ini keseluruhannya ialah 6 kali kesemuanya. Kata ganti nama diri yang digunakan dalam T2 ialah **beliau**, iaitu untuk merujuk **Tun. Dr. Mahathir**. Penggunaan **beliau** dalam T2 bagi merujuk **Tun Dr. Mahathir** menunjukkan pengarang tetap menghormatinya sebagai seorang bekas pemimpin negara yang perlu dihormati.

Selain itu, bagi T3 pula jumlah kata ganti nama diri dalam teks ini kesemuanya berjumlah 7. Dalam teks ini, kata ganti nama ketiga **beliau** masih digunakan oleh pengarang, iaitu sebanyak 6 kali bagi merujuk **Tun Dr. Mahathir**, manakala kata ganti nama diri pertama **kita** digunakan hanya sekali dalam T3. **Kita** dalam T3 adalah untuk merujuk pembaca yang membaca artikel Awang Selamat. Sementara itu, tiada sebarang kata ganti nama digunakan dalam T4.

Bagi T5 pula, kekerapan penggunaan kata ganti nama diri dalam teks ini kesemuanya ialah 27 kali, iaitu paling digunakan oleh pengarang dalam ruangannya. Kekerapan sebanyak 24 kali penggunaan **anda** sebagai kata ganti nama diri kedua oleh pengarang bagi merujuk **Tun Dr. Mahathir** dilihat tidak sesuai dalam T5. Menurut Awang (2007), **anda** merupakan kata ganti nama diri kedua bersifat jamak dan biasanya digunakan dalam komunikasi tidak rasmi atau hubungan yang akrab. Penggunaan **anda** sebanyak 27 kali oleh pengarang dalam T5 bagi merujuk **Tun Dr. Mahathir** dilihat tidak tepat dan tidak sesuai digunakan kerana **Tun Dr. Mahathir** merupakan bekas pemimpin negara. Sementara itu, penggunaan kata ganti nama diri **kita** sebanyak 3 kali dalam T5 adalah untuk merujuk pembaca yang membaca artikel tersebut.

Dalam T6 pula, kekerapan kata ganti nama diri dalam teks ini ialah sebanyak 4 kali. Kata ganti nama diri kedua **anda** digunakan hanya sekali, manakala kata ganti nama

diri ketiga seperti **mereka** dan **beliau** masing-masing sebanyak 1 kali dan 2 kali. Bagi T7 pula, tiada sebarang penggunaan kata ganti nama diri dalam teks ini.

Di samping itu, penggunaan kata ganti nama diri dalam T8 hanya 3 kali. Kata ganti nama diri pertama **kita** yang merujuk pembaca digunakan hanya sekali dalam T8, manakala **beliau** dan **mereka** yang merupakan kata ganti nama diri ketiga masing-masing digunakan hanya sekali dalam T8. Bagi T9 pula, tiada sebarang penggunaan kata ganti nama diri dikesan dalam teks ini.

T10 pula mencatatkan penggunaan kata ganti nama diri paling sedikit dalam ruangan pojok Awang Selamat, iaitu hanya 2 kali. Kata ganti nama diri pertama **kita** yang merujuk pembaca telah digunakan oleh pengarang dalam teks ini, manakala kata ganti nama diri ketiga **beliau** adalah untuk merujuk Marina Mahathir. Secara kesimpulannya, pengarang ruangan pojok Awang Selamat dilihat lebih cenderung untuk menggunakan kata ganti nama diri

3.1.1.1 Rujukan Endofora Secara Anafora

Rujukan secara anafora atau antesedan merupakan satu daripada rujukan yang terkandung dalam kategori rujukan endofora. Rujukan secara anafora menerangkan unsur sebelum, iaitu merujuk ke belakang. Dalam hal ini, kata ganti nama yang berfungsi sebagai anafora bertindak sebagai rujukan ke belakang kepada kata nama yang hendak diterangkan. Melalui rujukan secara anafora, sesuatu teks itu akan berpaut dengan baik yang secara tidak langsung menunjukkan fungsi kohesi dalam teks amat penting (Halliday dan Hasan, 1976). Berdasarkan data daripada ruangan pojok Awang Selamat bagi tema Tun Dr. Mahathir, terdapat tiga jenis kata ganti nama yang kerap digunakan oleh pengarang sebagai rujukan anafora, iaitu kata ganti nama diri pertama **kita**, kata ganti nama diri kedua **anda** dan kata ganti nama diri ketiga **baginda**. Kekerapan penggunaan kata ganti

nama diri orang tersebut dapat dilihat dalam Jadual 3.2. Berikut ialah perbincangan tentang rujukan secara anafora berdasarkan kedua-dua tema yang terdapat dalam ruangan pojok Awang Selamat.

(a) Kata ganti nama diri pertama dan kedua sebagai anafora

Dalam Jadual 3.2, kata ganti nama **kita** hadir sebanyak 3 kali secara berturutan dalam data T5P6A1. **Kita** yang merupakan kata ganti nama pertama dalam data T5P6A1 merujuk secara anafora (rujukan ke belakang) atau antesedan kepada **Dr. Mahathir Mohamad** yang terdapat dalam T5P1A1, manakala bagi penggunaan kata ganti nama kedua **anda** dalam data T5P1A3, T5P1A5 dan T5P7A6 turut berfungsi merujuk secara anafora, iaitu merujuk **Dr. Mahathir Mohamad** yang terdapat dalam ayat pertama T5P1A1.

Jadual 3.2 : Kata ganti nama diri pertama dan kedua sebagai anafora

Tema	Nombor teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T5P1A1	Ini cetusan nurani buat Dr.Mahathir Mohamad . ←
	T5P1A3	Apabila anda menyertai perhimpunan Bersih tahun lepas, anda sudah lari daripada landasan prinsip sendiri.
	T5P1A5	Kini segala-galanya mahu anda wajarkan, matlamat menghalalkan cara yang tidak boleh diterima.
	T5P6A1	Sebagai pemimpin, kita bukan dinilai dengan apa yang kita mulakan tetapi bagaimana pengakhiran kita , jangan sampai menghina diri.
	T5P7A6	Jadi siapa sebenarnya anda ? →
Bersih	T6P8A5	Sepatutnya marahlah kepada Guan Eng kerana lebih meyakini pangaruh Pas, bukannya PAN .
	T6P8A6	Biarlah parti anda sahaja yang diperkudakan oleh DAP yang tahu betapa murahnya nilai PAN.

Penggunaan kata ganti nama diri orang pertama **kita** dan kata ganti nama diri orang kedua **anda** bagi tema Tun Dr. Mahathir dalam Jadual 3.2 yang merujuk **Dr. Mahathir Mohamad** membuktikan aspek rujukan berperanan membentuk kohesi dalam teks. Apabila pengarang menggunakan rujukan secara anafora berulang kali dalam teks dengan menggunakan kata ganti nama orang tanpa mengulang kata nama **Tun Dr. Mahathir**, pembaca dapat melihat satu tautan yang kemas dalam usaha pengarang mengemukakan ideanya yang saling berkaitan antara satu sama lain.

Bagi tema Bersih pula, kata ganti nama kedua **anda** yang terdapat dalam data T6P8A6 juga menjadi rujukan secara anafora kepada unsur sebelum. Dalam konteks rujukan, **anda** sebagai rujukan secara anafora dalam T6P8A6 menjadi rujukan kepada **PAN** yang dijelaskan dalam ayat 5 data tersebut. Hal ini menunjukkan penggunaan kata ganti nama diri orang kedua anda dalam ayat ayat 6 berfungsi sebagai rujukan kepada parti **PAN**.

(b) Kata ganti nama diri ketiga sebagai anafora

Selain kata ganti nama pertama dan kedua berfungsi sebagai rujukan anafora, aspek kohesi juga menggunakan kata ganti nama diri ketiga sebagai rujukan secara anafora. Jadual 3.3 menunjukkan kata ganti nama diri ketiga sebagai anafora.

Jadual 3.3 : Kata ganti nama diri ketiga sebagai anafora

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T1P3A1	Awang menjunjung kasih ke atas Tuanku Abdul Halim kerana memperkenankan Dr. Mahathir mengadap.
	T1P3A2	Ternyata dakwaan beliau kononnya Yang di-Pertuan Agong dikenakan tahanan di istana adalah tidak benar.
Bersih	T8P4A2	Maka Awang ucapan tahniah kepada Rahman atas keberanian dan keyakinan beliau untuk membetulkan keadaan dan bagi mengelakkan kerajaan terus memewahkan pihak yang salah.
	T10P6A2	Lagipun siapa Marina , bersih dan hebat sangatkah beliau ?

Jadual 3.3 memaparkan penggunaan kata ganti nama diri ketiga sebagai anafora bagi tema Tun Dr. Mahathir dan tema Bersih. Dalam Jadual 3.3, **beliau** dalam T1P3A2 merupakan kata ganti nama diri ketiga hormat merujuk secara anafora (antesedan) kepada **Dr. Mahathir** dalam data T1P3A1. Pengarang ruangan pojok Awang Selamat menggunakan kata ganti nama diri ketiga **beliau** untuk merujuk **Dr. Mahathir** kerana **beliau** merupakan kata ganti nama diri kategori hormat (Awang, 2007). Menurut Awang (2007), kata **beliau** lazimnya digunakan untuk merujuk kepada orang yang dihormati seperti pemimpin, guru, ketua, pegawai dan ibu bapa. Kata ini tidak sesuai digunakan untuk merujuk kepada orang yang bersalah, penjenayah serta tidak sesuai juga untuk digunakan untuk kanak-kanak dan remaja. Oleh itu, kata ganti nama diri **beliau sesuai** untuk merujuk kepada Dr. Mahathir selaras dengan kedudukan Dr. Mahathir sebagai negarawan dan bekas Perdana Menteri.

Sementara itu, tema Bersih turut memaparkan penggunaan kata ganti nama diri orang ketiga **beliau** sebagai anafora dalam ruangan pojok Awang Selamat. Kata ganti nama diri orang ketiga **beliau** digunakan oleh pengarang dalam data T8P4A2 bagi menunjukkan rujukan secara anafora bagi **Rahman**. Jelas dalam data ini bahawa **beliau**

ialah rujukan untuk **Rahman**. Begitu juga dengan data T10P6A2, apabila pengarang ruangan pojok ini menggunakan kata ganti nama diri orang ketiga **beliau** dalam data T10P6A2 bagi merujuk secara anafora, iaitu rujukan ke belakang untuk **Marina** dalam data T10P6A2. Pengarang menggunakan perkataan **beliau** yang merupakan kata ganti nama kategori hormat untuk merujuk kepada **Marina** secara anafora. Tujuan pengarang menggunakan kata ganti **beliau** untuk merujuk kepada **Marina** memandangkan beliau merupakan anak kepada bekas Perdana Menteri selain pernah menjadi penggerusi Majlis Aids Malaysia bagi tempoh 1992 hingga 2005.

(c) Kata ganti nama diri orang ketiga (bahasa istana) sebagai anafora

Kata ganti nama diri ketiga untuk menerangkan golongan diraja juga boleh berfungsi sebagai rujukan secara anafora. Antara kata ganti nama ketiga untuk menerangkan golongan istana yang terdapat dalam teks pojok Awang Selamat ialah **baginda**. **Baginda** disebut hanya sekali, iaitu dalam teks 2 bagi tema Tun Dr. Mahathir. Menurut Asmah (2016), bahasa untuk golongan istana atau bahasa diraja digunakan untuk menunjukkan perbezaannya dengan bahasa bukan diraja. Bahasa diraja dan bahasa bukan diraja memiliki sebahagian besar ciri bersama (*common core*) dari segi pertandaharaan kata dan peraturan-peraturan nahu. Oleh itu, bahasa diraja seperti **baginda** digunakan sebagai rujukan secara anafora untuk menunjukkan kehalusannya dan penuh sopan santun. Jadual 3.4 menunjukkan tema Tun Dr. Mahathir yang menggunakan kata ganti nama diri orang ketiga bahasa istana sebagai anafora.

Jadual 3.4 : Kata ganti nama diri orang ketiga (bahasa istana) sebagai anafora

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/ Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T2P2A2	Tuanku Abdul Halim memberikan penjelasan terhadap kunjungan daripada Dr. Mahathir.
	T2P2A3	Seri Paduka melalui kenyataan kepada Perdana Menteri menegaskan tidak mahu mencampuri usaha Parti Pribumi dan menyifatkan Deklarasi Rakyat tidak mengikut perlembagaan.
	T2P6A1	Mantan Perdana Menteri itu tersentap lagi apabila Sultan Johor , Sultan Ibrahim Iskandar pada hari yang sama mempersoalkan beliau berhubung komennya tentang bangsa Johor.
	T2P7A1	Ini bukan kali pertama baginda melemparkan kritikan keras terhadap beliau.

Jadual 3.4 memaparkan tema Tun Dr. Mahathir yang menggunakan kata ganti nama diri orang ketiga sebagai rujukan secara anafora. Dalam jadual tersebut, kata ganti nama diri orang ketiga yang terdapat dalam data T2P2A3 ialah **Seri Paduka** yang menjadi rujukan secara anafora bagi **Tuanku Abdul Halim** yang terdapat dalam data T2P2A2. Begitu juga dengan kata ganti nama diri ketiga **baginda** yang terdapat dalam data T2P7A1. Kata ganti nama orang ketiga **baginda** menjadi rujukan sebelum atau *to preceding text* kepada **Sultan Johor**, **Sultan Ibrahim Iskandar** yang terdapat dalam data T2P6A1. Hal ini sesuai dengan kedudukan **Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar** sebagai golongan diraja dan sewajarnya pengarang teks pojok Awang Selamat menggunakan kata ganti diri orang ketiga **baginda** untuk merujuk **Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar**. Penggunaan **Seri Paduka** dan **baginda** dalam teks membuktikan rujukan secara anafora sangat penting dalam membina tautan dalam teks.

3.1.1.2 Rujukan Endofora Secara Katafora

Penggunaan katafora atau antisipatori dalam teks juga dapat membentuk kohesi. Katafora merupakan rujukan pada unsur selepas, iaitu menerangkan unsur di hadapan kepada kata

ganti nama dan sebagainya. Menurut Idris (2010), makna bagi kata bayangan (*dummy word*) boleh ditentukan oleh unsur sebelum atau selepas kehadiran kata bayangan dan biasanya kata bayangan ialah kata ganti nama. Seperti anafora, katafora juga melibatkan penggunaan kata ganti nama yang berfungsi sebagai pengganti kepada kata nama dalam teks. Oleh sebab katafora menerangkan unsur selepas, maka kata ganti nama diri yang wujud dalam teks akan diterangkan dahulu sebelum kehadiran kata nama. Berikut dibincangkan rujukan endofora secara katafora berdasarkan artikel Awang Selamat.

(a) Kata ganti nama diri orang pertama sebagai katafora

Kata ganti nama diri orang pertama boleh menjadi rujukan secara katafora jika kata nama diri tersebut dijadikan rujukan pada unsur selepas atau *to following text*. Rujukan kata ganti nama diri pertama **kita** sebagai katafora dapat dilihat dalam data T10P4A1.

T10P4A1 Lupakah apa yang telah dilakukannya terhadap negara **kita**, yang **rakyat** dan **golongan peniaga** turut sengsara.

Menurut Abdul Chaer (1988), kata ganti nama diri **kita** adalah untuk menyatakan diri pertama jamak dan orang yang diajak berbicara termasuklah di dalamnya dapat digunakan oleh sesiapa saja kepada sesiapa saja dan dalam pelbagai situasi. Hal ini menunjukkan bahawa kata ganti nama diri **kita** merujuk keadaan ramai atau melebihi seorang. Dalam data T10P4A1 kata ganti nama diri orang pertama **kita** berfungsi sebagai rujukan secara katafora atau antisipatori, iaitu rujukan pada unsur selepas bagi **rakyat** dan **golongan peniaga**. **Kita** dalam data ini jelas merujuk **rakyat** dan **golongan peniaga**. Rujukan secara katafora bagi kata ganti nama diri **kita** dalam data ini membuktikan yang aspek ini boleh menjadi rujukan kepada subjek, hal, peristiwa dan lain-lain. Dalam konteks rujukan katafora, **kita** menjadi rujukan kepada subjek yang terdiri daripada

rakyat dan **golongan peniaga** dan perkara ini secara tidak langsung membentuk kohesi dalam teks.

(b) Kata ganti nama diri orang kedua sebagai katafora

Sementara itu, rujukan kata ganti nama kedua sebagai katafora dapat dilihat dalam data T6P8A6. Kata ganti nama diri kedua dalam data ini ialah **anda**. Menurut Abdullah (2003), kata ganti nama diri **kedua** digunakan apabila kita tidak mahu menggunakan nama sebenar orang itu sebaliknya menggunakan perkataan lain. Dalam konteks ini, kata ganti nama diri **anda** lebih bersifat bahasa rasmi. Penggunaan kata ganti nama diri kedua **anda** sebagai katafora dapat dilihat melalui contoh berikut.

T6P8A6 Biarlah parti **anda** sahaja yang diperkudakan oleh DAP yang tahu betapa murahnya nilai **PAN**.

Data T6P8A6 merupakan data yang dipetik daripada tema Bersih. **Anda** dalam data T6P8A6 ialah rujukan kata ganti nama diri kedua yang merujuk secara katafora bagi kata nama khas **PAN**, iaitu Parti Amanah Negara yang terdapat dalam data tersebut. Kedudukan **anda** yang mendahului **PAN** telah melayakkan kata ganti nama diri orang kedua ini sebagai rujukan secara katafora kerana **anda** bertindak sebagai rujukan selepas, iaitu bagi merujuk **PAN**.

(c) Kata ganti nama diri orang ketiga sebagai katafora

Seterusnya, rujukan kata ganti nama diri ketiga sebagai katafora dapat dilihat dalam data Jadual 3.5. Menurut Abdullah (2003), kata ganti nama diri ketiga biasanya melibatkan dua orang yang bercakap-cakap tentang orang lain dan orang lain itu disebut sebagai orang ketiga.

Jadual 3.5 : Kata ganti nama diri ketiga sebagai katafora

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/ Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T3P5A1	Nampaknya satu demi satu percaturan beliau sejak tahun lalu tidak menjadi.
	T3P5A2	Pengaruh dan imejnya merudum dengan begitu cepat di kaca mata rakyat.
	T3P5A3	Daripada seorang negarawan yang dijunjung kini Dr. Mahathir menjadi pemimpin yang disangskian kewibawaan dan keikhlasannya.
Bersih	T9P3A1	Seorang lagi yang dikaitkan namanya, adalah John Pang , yang bekerja di bawah Soros bagi melobi kerajaan Amerika Syarikat dalam konspirasi menjatuhkan Perdana Menteri, Mohd Najib Tun Razak.

Berdasarkan Jadual 3.5, terdapat dua kata ganti nama diri ketiga dalam data T3P5A1 dan T3P5A2 yang menjadi rujukan secara katafora. Kedua-dua kata ganti nama diri ketiga tersebut ialah **beliau** dan **-nya**. Menurut Abdul Chaer (1988), **beliau** menyatakan diri orang ketiga atau orang yang dibicarakan digunakan terhadap orang yang dihormati atau perlu secara eksplisit diberi penghormatan, manakala Arbak (1988) menyatakan akhiran **-nya** merupakan ganti nama orang ketiga bersifat tunggal. Perkara yang unik dalam data tersebut ialah penggunaan dua kata ganti nama diri ketiga **beliau** dan **-nya** secara tidak langsung menjadi rujukan secara katafora bagi tokoh yang dihormati, iaitu **Dr. Mahathir** yang terdapat dalam data T3P5A3. Bagi data T9P3A1, **-nya** dalam ayat tersebut juga menjadi rujukan pada unsur selepas atau secara katafora, iaitu untuk menerangkan **John Pang**.

Rujukan secara katafora juga menggunakan kata ganti nama diri ketiga **mereka** untuk menerangkan unsur selepas. Menurut Abdul Chaer (1988), kata ganti diri ketiga **mereka** menyatakan diri orang ketiga atau orang yang dibicarakan yang jumlahnya lebih daripada seorang dan boleh digunakan terhadap sesiapa sahaja. Penggunaan **mereka** sebagai kata ganti nama ketiga dapat dilihat melalui data T6P3A1.

T6P3A1 Sebelum ini **mereka** mendabik dada melaungkan **DAP** dan **pembangkang** tidak memerlukan Pas untuk mempengaruhi rakyat semua kaum.

Bagi data T6P3A1, kata ganti nama diri ketiga dalam data ini ialah **mereka**. Yang menarik dalam data ini ialah **mereka** merupakan rujukan secara katafora kepada dua unsur dalam perenggan tersebut, iaitu **DAP** dan **pembangkang**. Hal ini bertepatan dengan takrif **mereka** yang dinyatakan maksudnya sebagai jumlah melebihi seorang. Aspek kohesi rujukan kata ganti nama diri ketiga secara katafora dalam data ini membuktikan bahawa rujukan secara katafora akan membantu menjadikan sesuatu teks itu menarik untuk dibaca terutama dari segi keupayaan pengarang untuk menggunakan pelbagai kata ganti nama bagi merujuk kepada kata nama lain. Hal ini secara tidak langsung menjadikan ruangan pojok sebagai artikel yang menarik untuk dibaca.

(d) Kata ganti nama umum sebagai katafora

Selain menjadi rujukan secara anafora, kata ganti nama umum **apa** juga boleh menjadi rujukan secara katafora. Data **T3P2A1** menunjukkan contoh ayat yang menggunakan kata ganti nama umum **apa** sebagai rujukan secara katafora.

T3P2A1 Beberapa pemimpin DAP dan PKR membantah sambil mempersoalkan **apa hak Dr.Mahathir mahu membuat penentuan itu.**

Menurut Nik Safiah et.al (2010), **apa** boleh merujuk benda atau perkara. Berdasarkan data T3P2A1, **apa** dalam data ini merujuk secara katafora tentang perkara **hak Dr. Mahathir mahu membuat penentuan itu**. Jika dalam bentuk ayat tanya, “Apa yang dipersoal dan dibantah oleh beberapa pemimpin DAP dan PKR?” Sudah tentu jawapannya ialah **hak Dr. Mahathir mahu membuat penentuan itu**. Maka dalam hal ini, **apa** berfungsi sebagai rujukan katafora untuk menerangkan **hak Dr. Mahathir mahu membuat penentuan itu**. Pemanfaatan aspek katafora dalam artikel Awang Selamat memperlihatkan pertalian antara idea dalam teks yang disusun dengan rapi. Secara kesimpulannya, rujukan secara anafora dan katafora memainkan peranan yang penting dalam membentuk kohesi dalam teks. Kedua-duanya dapat membentuk pertautan idea dalam artikel Awang Selamat yang disampaikan melalui bahasa yang mudah difahami.

3.1.1.2 Rujukan Eksofora

Rujukan eksofora lebih menjurus kepada penggunaan kata ganti nama tunjuk. Antara kata ganti nama tunjuk yang terdapat dalam ruangan pojok Awang Selamat ialah **ini** dan **itu**. Kedua-dua kata ganti nama tunjuk tersebut membantu menjadikan teks berpautan antara satu sama lain melalui anafora dan katafora.

(a) Kata ganti nama tunjuk *ini* sebagai penerang masa kini

Dalam teks pojok Awang Selamat, terdapat 20 ayat yang menggunakan kata tunjuk **ini**. Berdasarkan konsep kata ganti nama tunjuk oleh Mees (1969), **ini** boleh berfungsi sebagai penerang masa kini. Hal ini dapat dilihat melalui Jadual 3.6.

Jadual 3.6 : Kata ganti nama tunjuk ini sebagai penerang masa kini

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/ Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T1P7A1	Semua orang tahu, gerakan untuk menggugat kerajaan dan menjatuhkan Najib di luar proses demokrasi tidak akan memberi kesan.
	T1P7A2	Buktinya, satu demi satu percaturan Dr. Mahathir setakat ini tidak menjadi, malah menyebabkan beliau makin merudum pengaruh, sokongan dan simpati.
	T2P2A1	Minggu ini , perkembangan lebih menarik perhatian.
Bersih	T9P4A3	Dalam pendedahan terbaru ini , penganjur Bersih menerima dana Soros, begitu juga Malaysiakini.

Bagi data T1P7A2, **ini** dalam ayat tersebut dikaitkan sebagai penerang masa kini kerana didahului dengan perkataan **setakat** yang membentuk frasa **setakat ini**. Frasa **setakat ini** kalau dikaitkan dengan konsep masa kini memang tepat kerana perkataan **setakat** sendiri berkaitan masa. Begitu juga dengan frasa **Minggu ini** dalam data T2P2A1 serta frasa **terbaharu ini** dalam data T9P4A3 yang juga menerangkan masa kini.

Jika dilihat dari aspek kohesi pula, kata ganti nama tunjuk **ini** yang digunakan dalam ayat-ayat juga membantu menjadikan teks dalam ruangan pojok Awang Selamat berpautan. Bagi data T1P7A2, klausa **Buktinya, satu demi satu percaturan Dr. Mahathir setakat ini tidak menjadi** yang menggunakan frasa **setakat ini** memberi pemahaman kepada kita bahawa ada perkara lain yang berlaku sebelum ini yang menyebabkan **percaturan Dr. Mahathir itu tidak menjadi**. Maka dalam konteks ini, kata ganti nama tunjuk **ini** digunakan untuk menerangkan **percaturan Dr. Mahathir setakat ini** (masa kini) yang secara tidak langsung memaut masa kini dengan masa sebelumnya, iaitu tentang **percaturan Dr. Mahathir menggugat kerajaan dan menjatuhkan Najib di luar proses demokrasi** (T1P7A1).

Bagi data T2P2A1, aspek kohesi juga dapat dilihat dalam frasa **Minggu ini**, iaitu dalam klausa **Minggu ini, perkembangan lebih menarik perhatian**. Seperti yang telah dijelaskan frasa **Minggu ini** bermaksud masa kini, namun aspek kohesi dalam klausa ini sebenarnya mempunyai tautan dengan **minggu sebelumnya**. Apabila pengarang menggunakan ayat **Minggu ini, perkembangan lebih menarik perhatian**, maka tergambar dalam fikiran pembaca bahawa **perkembangan pada minggu sebelumnya juga menarik perhatian**, namun **perkembangan pada minggu ini lebih menarik perhatian**. Hal ini menunjukkan bahawa kata ganti nama tunjuk **ini** memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk rujukan dalam teks.

Bagi data T9P4A3 aspek rujukan yang terdapat dalam data ini ialah **ini** yang bergabung dengan frasa **terbaru ini**. Frasa **terbaru ini** menepati konsep masa kini seperti yang diterangkan oleh Mees (1969). Dalam masa yang sama, frasa **terbaru ini** berfungsi sebagai rujukan secara katafora kepada **penganjur Bersih mengaku menerima dana Soros, begitu juga Malaysiakini**. Hal ini menunjukkan bahawa kata ganti nama diri **ini** memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan kohesi dalam teks.

(b) Kata ganti nama tunjuk *ini* sebagai dekat dengan pembicara atau pengarang

Sementara itu, kata ganti nama tunjuk **ini** juga dapat mewujudkan kohesi dalam teks berdasarkan konsep dekat dengan pembicara atau pengarang (Mees, 1969). Berdasarkan data dalam Jadual 3.7, kata ganti nama tunjuk **ini** dalam data-data tersebut menunjukkan dekat dengan pembicara atau pengarang. Maksud dekat dengan pembicara dalam konteks ini ialah penggunaan **ini** bagi menunjukkan frasa atau klausa yang dinyatakan dalam teks sangat dekat dengan penulis. Sebagai contoh, **ruangan ini** merujuk ruangan yang ditulis pengarang sangat dekat dengan pengarang kerana **ruangan ini** merujuk ruangan pojok yang ditulis oleh pengarang. Begitu juga frasa **ini cetusan nurani** menunjukkan teks yang

ingin ditulis sangat dekat dengan pengarang. Oleh itu, penggunaan ini sebagai dekat dengan pengarang secara tidak langsung menunjukkan wujud tautan idea dalam teks.

Jadual 3.7 : Kata ganti nama tunjuk **ini** sebagai dekat dengan pembicara atau pengarang

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Bersih	T8P1A1	Tulisan Awang minggu lalu dalam ruangan ini berhubung pemberian bisnes dan kontrak kepada syarikat-syarikat dan usahawan yang menaja serta menyokong perhimpunan haram Bersih 5.0 mendapat reaksi yang sangat positif.
	T5P1A1	Ini cetusan nurani buat Dr. Mahathir Mohamad.
	T9P8A4	Banyak misteri yang perlu dibongkar dalam sejarah baru pengkhianatan moden terhadap tanah air tercinta ini .

Contoh penggunaan kata ganti nama tunjuk **ini** yang menunjukkan dekat dengan pembicara atau pengarang dapat dilihat dalam Jadual 3.7. Bagi data T8P1A1 misalnya, frasa **ruangan ini** menunjukkan ruangan pojok Awang Selamat yang ditulis oleh pengarang sangat dekat dengan pengarang. Dalam masa yang sama **ini** merujuk teks yang ditulis oleh Awang Selamat. Begitu juga dengan data T5P1A1, klausula **Ini cetusan nurani buat Dr. Mahathir Mohamad** turut menerangkan fungsi **ini** yang merujuk ruangan pojok Awang Selamat. Bagi data T9P8A4, frasa **tanah air tercinta ini** juga boleh dikatakan dekat dengan pengarang kerana frasa tersebut merujuk kepada negara Malaysia yang didiami oleh pengarang. Oleh itu, penggunaan kata tunjuk **ini** dalam teks bukan sekadar untuk merujuk unsur yang terdapat dalam teks, malah dapat juga dikaitkan dengan diri pengarang yang menulis artikel tersebut, iaitu dalam konteks dekat dengan pembicara.

(c) Kata ganti nama tunjuk *ini* sebagai rujukan secara anafora atau atributif

Selain itu, **ini** yang merupakan kata ganti nama tunjuk juga boleh juga mewujudkan kohesi dalam teks dengan berfungsi sebagai anafora, iaitu rujukan ke belakang. Menurut Mees (1969), kata ganti nama tunjuk **ini** juga berfungsi sebagai atributif, iaitu dihubungkan kepada sesuatu yang hendak ditunjukkan. Jadual 3.8 menunjukkan contoh-contoh ayat yang menggunakan **ini** sebagai rujukan secara anafora atau atributif.

Jadual 3.8 : Kata ganti nama tunjuk *ini* sebagai rujukan secara anafora atau atributif

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/ Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T2P6A1	Mantan Perdana Menteri itu tersentap lagi apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar pada hari yang sama mempersoalkan beliau berhubung komennya tentang bangsa Johor.
	T2P7A1	Ini bukan kali pertama baginda melemparkan kritikan keras terhadap beliau.
Bersih	T6P3A1	Sebelum ini mereka mendabik dada melaungkan DAP dan pembangkang tidak memerlukan Pas untuk mempengaruhi rakyat semua kaum.
	T6P4A1	Awang melihat ini adalah petunjuk kepada keresahan DAP bahawa Perhimpunan Bersih 5.0 yang parti itu kuasai, tidak akan memberikan impak tanpa sokongan Pas yang mempunyai ramai ahli dan penyokong di akar umbi.

Berdasarkan data T2P7A1 yang bertemakan Tun Dr. Mahathir, kata tunjuk **ini** dalam ayat tersebut berfungsi sebagai rujukan secara anafora, iaitu rujukan ke belakang bagi **Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar pada hari yang sama mempersoalkan beliau berhubung komennya tentang bangsa Johor.** Penggunaan kata tunjuk **ini** dalam data T2P7A1 merupakan rujukan ke belakang yang digunakan oleh pengarang bagi mengelakkan data dalam T2P6A1 diulang semula. Maka penggunaan kata tunjuk **ini** dalam teks tersebut tetap difahami oleh pembaca kerana kata tunjuk tersebut berfungsi

sebagai rujukan pada unsur sebelumnya. Penggunaan kata tunjuk sebagai unsur anafora untuk diterapkan dalam ruangan pojok amat sesuai untuk diaplikasikan memandangkan ruangan pojok dibaca oleh semua golongan masyarakat. Oleh itu, pengarang perlu menggunakan bahasa yang mudah agar dapat difahami oleh pembaca.

Sementara itu, kata ganti nama tunjuk **ini** bagi tema Bersih yang terdapat dalam data T6P4A1 juga menjadi rujukan secara anafora kepada pernyataan dalam perenggan sebelumnya. Hal ini demikian kerana fakta tersebut telah dijelaskan dalam data T6P3A1. Klausa **ini adalah petunjuk kepada keresahan DAP** yang terdapat dalam data T6P4A1 merupakan rujukan secara anafora bagi menerangkan senario keresahan **DAP tentang tidak memerlukan Pas untuk mempengaruhi rakyat semua kaum** yang terdapat dalam data T6P3A1. Selain berfungsi sebagai rujukan secara anafora, penggunaan kata tunjuk **ini** dalam data T2P6A1 juga menjadi fungsi atributif, iaitu untuk menghubungkan kepada sesuatu yang ingin ditunjukkan dalam teks.

(d) Kata ganti nama tunjuk *ini* sebagai rujukan secara katafora

Selain menjadi rujukan anafora, kata ganti nama tunjuk **ini** juga menjadi rujukan sebelum atau secara katafora. Jadual 3.9 menunjukkan data kata ganti nama tunjuk **ini** sebagai rujukan katafora yang dipetik daripada tema Bersih.

Jadual 3.9 : Kata ganti nama tunjuk *ini* sebagai rujukan secara katafora

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/ Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T9P4A2	Ini termasuk melalui dana National Endowment for Democracy (NED) yang Soros di belakangnya.
	T9P7A2	Cabarannya selepas ini , apa lagi yang kita tidak tahu terhadap semua elemen campur tangan asing dalam perhimpunan Bersih.

Berdasarkan Jadual 3.9, kata tunjuk **ini** dalam data T9P4A2 menjadi rujukan sebelum, iaitu secara katafora untuk **dana National Endowment for Democracy (NED) yang Soros di belakangnya**. Bagi data T9P7A2, kata ganti nama tunjuk **ini** merujuk **elemen campur tangan asing**. Kedudukan kata tunjuk **ini** dalam kedua-dua data tersebut sebagai rujukan sebelum secara tidak langsung dapat mewujudkan kohesi dalam teks apabila menjadi rujukan sebelum perkara yang hendak dirujuk itu disebut dalam ayat seterusnya. Hal ini menunjukkan bahawa kata ganti nama tunjuk **ini** yang digunakan oleh pengarang dalam artikel Awang Selamat dapat mengelakkan pengulangan frasa atau klausa yang sama selaras dengan fungsi ruangan pojok itu sendiri yang merupakan ruangan yang ringkas, namun padat dengan maklumat.

3.1.1.2.2 Rujukan *itu*

Berdasarkan data daripada ruangan pojok Awang Selamat, kata ganti nama tunjuk **itu** juga digunakan oleh pengarang dalam teks bagi mewujudkan rujukan khususnya dan kohesi amnya. Berdasarkan konsep yang telah diperkenalkan oleh Mees (1969), kata ganti nama tunjuk berfungsi membawa maksud sesuatu yang telah disebut atau dalam erti kata lain itu digunakan bagi menggantikan klausa atau frasa dalam teks. Seperti kata ganti nama tunjuk **ini**, penggunaan kata ganti nama tunjuk **itu** juga dapat mengelakkan pengulangan pernyataan yang sama di samping mewujudkan variasi bahasa dalam teks.

Berikut ialah analisis kata ganti nama tunjuk **itu** dalam teks ruangan pojok Awang Selamat.

(a) Kata ganti nama tunjuk **itu sebagai rujukan secara anafora**

Kata ganti nama tunjuk **itu** telah digunakan oleh pengarang dalam ruangan pojok Awang Selamat menerusi tema Tun Dr. Mahathir. Jadual 3.10 menunjukkan penggunaan kata ganti nama tunjuk **itu** sebagai anafora.

Jadual 3.10 : Kata ganti nama tunjuk **itu sebagai rujukan secara anafora**

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/ Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T2P1A1	Dalam tulisan minggu lalu, Awang mengulas tentang penyerahan Deklarasi Rakyat oleh mantan Dr.Mahathir Mohamad kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim, tidak memberi impak.
	T2P1A2	Pada akhir komentar itu , dirumuskan bahawa beliau berisiko menjadi liabiliti kepada gerakan pembangkang.
	T1P1A1	Seperti yang dijangka, penyerahan Deklarasi Rakyat oleh Dr. Mahathir Mohamad kepada Yang di-Pertuan Agong di Istana Anak Bukit, Alor Setar kelmarin tidak memberi impak.
	T1P2A1	Reaksi orang ramai yang mengikuti perkembangan itu hambar.
	T3P1A1	Apabila Dr.Mahathir Mohamad menamakan Muhyiddin Yassin sebagai bakal Perdana Menteri atas tiket Parti Pribumi jika pakatan pembangkang menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) , ia mengundang tindak balas negatif.
	T3P2A1	Beberapa pemimpin DAP dan PKR membantah sambil mempersoalkan apa hak Dr.Mahathir mahu membuat penentuan itu .

Dalam data T2P1A1, perkara **tentang penyerahan Deklarasi Rakyat oleh mantan Dr.Mahathir Mohamad kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim, tidak memberi impak** telah dirujuk secara anafora dalam data T2P1A2 sebagai **komentar itu**. Frasa **komentar itu** dalam T2P1A2 sebenarnya menjadi rujukan ke belakang atau sesuatu yang telah disebut oleh pengarang dalam ayat sebelumnya. Aspek kohesi kelihatan dalam data ini apabila pengarang tidak mengulang kembali hal yang

disebut dalam T2P1A1, sebaliknya menggunakan kata ganti nama tunjuk **itu** bersama dengan frasa **komentar itu** sebagai rujukan ke belakang.

Begitu juga dengan data T1P2A1 apabila pengarang menggunakan kata ganti nama tunjuk **itu** bersama dengan frasa **perkembangan itu** bagi merujuk perkara yang telah disebut dalam T1P1A1. Hal yang sama juga dapat dilihat dalam data T3P2A1. Frasa **penentuan itu** merupakan rujukan ke belakang bagi menjelaskan langkah yang telah dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir dalam data T3P1A1, iaitu merujuk kepada **menamakan Muhyiddin Yassin sebagai bakal Perdana Menteri atas tiket Parti Pribumi jika pakatan pembangkang menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14)**. Dalam masa yang sama, kata ganti nama tunjuk **itu** dalam frasa-frasa tersebut menjadi rujukan di belakang kalimat sebagai unsur penegasan atau fungsi untuk memberi penekanan terhadap kalimat di hadapannya (Abdul Chaer, 1988). Frasa **komentar itu**, **perkembangan itu** dan **penentuan itu** yang terdapat dalam data T2P1A2, T1P2A1 dan T3P2A1, merupakan unsur penegasan oleh pengarang terhadap perkara-perkara yang telah dinyatakan sebelumnya.

(b) Kata ganti nama tunjuk *itu* sebagai rujukan secara katafora

Berikutnya akan dibincangkan pula analisis tentang aspek kohesi kata ganti nama tunjuk **itu** sebagai rujukan secara katafora atau rujukan pada unsur selepas (*to following text*). Jadual 3.11 menyenaraikan beberapa contoh kata ganti nama tunjuk **itu** sebagai rujukan katafora.

Jadual 3.11 : Kata ganti nama tunjuk **itu** sebagai rujukan secara katafora

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/ Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T2P6A1	Mantan Perdana Menteri itu tersentap lagi apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar pada hari yang sama mempersoalkan beliau berhubung komennya tentang bangsa Johor.
	T2P6A2	Walaupun tidak menyebut nama, semua orang tahu ia ditujukan kepada Dr.Mahathir .
	T4P1A1	Impian Mahathir Mohamad untuk menarik Pas menyertai Pakatan Harapan yang diketuai oleh DAP, tidak kesampaian sebagaimana terzahir dalam konvensyen pakatan itu samalam.
	T4P2A1	Sudah hampir pasti Pas tidak akan bersama-sama DAP, PKR, PAN, dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia yang telah mencapai persetujuan meniru konsep BN menggunakan logo yang sama.
Bersih	T8P4A1	Akhirnya kerajaan sendiri secara tidak langsung memperkasakan pihak yang salah itu iaitu penganjur Bersih .

Bagi data T2P6A1, frasa **Mantan Perdana Menteri itu** yang terdapat dalam ayat

1 data tersebut merupakan rujukan secara katafora bagi **Dr. Mahathir** yang diterangkan dalam ayat 2 atau data T2P6A2. Begitu juga dengan data T4P1A1 apabila kata ganti nama tunjuk **itu** hadir bersama dengan frasa **konvensyen pakatan itu** yang merujuk parti-parti yang terdapat dalam Pakatan Harapan seperti dalam data T4P2A1, iaitu **DAP, PKR, PAN, dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia**, manakala bagi data T8P4A1, kata ganti nama tunjuk **itu** yang hadir bersama dengan frasa **pihak yang salah itu** berfungsi sebagai rujukan secara katafora bagi merujuk kepada **penganjur Bersih**. Fungsi kata ganti nama tunjuk **itu** sebagai rujukan secara katafora membuktikan pengarang berjaya memanfaatkan kohesi nahan bagi mewujudkan perpautan antara idea yang terdapat dalam teks memandangkan ruangan pojok bertujuan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk berinteraksi antara penulis dengan pembaca. Apabila berinteraksi, pastilah objektif utamanya adalah untuk memahamkan khalayak yang menjadi sasarannya. Dengan ini

jelaslah bahawa aspek katafora yang digunakan oleh pengarang dalam ruangan pojok adalah untuk memberi kefahaman kepada pembaca.

Secara kesimpulannya, aspek rujukan yang melibatkan rujukan eksofora dan endofora berfungsi untuk menjadi rujukan terhadap klausa atau frasa dalam teks. Perkara ini dizahirkan melalui fungsi kata ganti atau *deixis* yang boleh menjadi rujukan terhadap frasa atau klausa yang ingin dirujuk. Kata ganti yang terdiri kata nama diri orang dan kata tunjuk berfungsi sebagai rujukan dalam teks amat berkait rapat dengan makna yang ingin disampaikan oleh pengarang, malah pembaca dapat menikmati sebuah teks yang mudah untuk difahami. Sebagai wahana penting dalam penyampaian maklumat, ruangan pojok perlulah menggunakan bahasa yang ringkas, padat dan tepat sesuai dengan nilai berita yang ingin dikhabarkan dan dijadikan panduan kepada pembaca.

3.1.2 Penggantian

Kohesi nahan yang kedua ialah penggantian. Menurut Idris (2010), penggantian (*substitution*) ialah pengambilan tempat sesuatu segmen kata, frasa atau klausa oleh kata atau frasa bayangan (*dummy*) lain. Penerima atau sasaran wacana boleh memahaminya melalui ayat yang mendahuluinya. Menurut Sato (1997), penggantian ialah unsur yang telah disebutgantikan dengan bentuk baru secara semantik atau nahan. Penerima atau sasaran wacana boleh memahaminya melalui ayat yang mendahuluinya. Pengganti berkenaan boleh diwakili oleh unsur kata nama atau kata kerja. Menurut Halliday dan Hasan (1976), penggantian dapat dikategorikan kepada penggantian namaan (*nominal*), penggantian kerjaan (*verbal*) dan penggantian klausa (*clausal*). Berdasarkan teks pojok Awang Selamat, pengkaji akan memberi tumpuan kepada empat jenis penggantian, iaitu penggantian namaan, penggantian kerjaan, penggantian bahasa kiasan dan penggantian bahasa figuratif.

(a) Penggantian namaan

Aspek penggantian namaan yang terdapat dalam tema Tun Dr. Mahathir dan Bersih berfungsi untuk menggantikan kata atau frasa nama yang asal, namun pembaca tetap dapat memahami teks tersebut melalui ayat atau frasa yang mendahuluinya. Bagi mengenal pasti aspek penggantian, ayat atau frasa nama asal telah dicondongkan, manakala bentuk penggantian dihitamkan. Jadual 3.12 menunjukkan data yang dapat dikaitkan dengan penggantian namaan.

Jadual 3.12 : Penggantian namaan dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/ Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T3P1A1	Apabila Dr.Mahathir Mohamad menamakan Muhyiddin Yassin sebagai bakal Perdana Menteri atas tiket Parti Pribumi jika pakatan pembangkang menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), ia mengundang tindak balas negatif.
	T3P3A1	DAP dan PKR, tetap mahukan Anwar Ibrahim sementara PAS (yang kini menolak DAP) mengambil pendirian presidennya, Hadi Awang lebih layak. [penggantian namaan]
	T3P3A3	Bukan sahaja Muhyiddin, jika Dr.Mahathir dicalonkan oleh parti barunya, beliau juga tidak akan diterima. [penggantian namaan]

Berdasarkan artikel Awang Selamat, aspek penggantian namaan dapat dilihat dalam Jadual 3.12. Dalam data T3P1A1, unsur asal dalam teks tersebut yang akan mengalami penggantian ialah frasa nama *sebagai bakal Perdana Menteri*. Dalam data T3P3A1, penulis pojok Awang Selamat telah menggunakan kaedah penggantian namaan bagi menggantikan frasa nama *sebagai bakal Perdana Menteri* dengan frasa bayangan lain seperti **DAP dan PKR, tetap mahukan Anwar Ibrahim** dan **Hadi Awang lebih layak.** Kedua-dua frasa bayangan ini telah mengambil tempat namaan

sebagai bakal Perdana Menteri. Begitu juga dengan data T3P3A3, frasa **Bukan sahaja Muhyiddin, jika Dr.Mahathir dicalonkan oleh parti barunya** juga merupakan bentuk penggantian namaan yang menggantikan frasa nama bakal *sebagai Perdana Menteri.* Sebenarnya penggunaan penggantian dalam teks Awang Selamat tidak mencacatkan makna teks kerana pembaca tetap memahami teks tersebut kerana penulis pojok tersebut telah menggantikan kata atau frasa asal dengan kaedah kohesi penggantian yang menjadikan struktur wacana tersebut difahami oleh pembaca. Seperti penggunaan kata nama tunjuk, pemanfaatan aspek penggantian namaan dalam teks juga dapat mengelakkan pengulangan kata atau frasa yang sama dalam teks. Walau bagaimanapun, pembaca tetap memahami teks yang dibaca kerana maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang telah dicapai melalui ayat yang mendahuluinya. Penggunaan bahasa sebegini sangat penting untuk dizahirkan dalam artikel ruangan pojok memandangkan ruangan pojok merupakan tulisan-tulisan pendek yang memerlukan kebijaksanaan pengarang memanfaatkan pelbagai aspek kohesi dalam tulisannya.

(b) Penggantian kerjaan

Aspek kohesi juga dapat dikaitkan dengan penggantian kerjaan (*verbal substitution*). Penggantian kerjaan melibatkan penggantian kata kerja atau frasa kerja dalam teks yang dapat difahami oleh pembaca melalui ayat yang mendahuluinya. Menurut Arbak (1985), kata kerja ialah perkataan yang menduduki gatra kata kerja dalam ayat-ayat aktif dan ayat pasif bahasa Melayu yang melibatkan kata kerja aktif transitif, kata kerja aktif tak transitif, kata kerja pasif dan kata kerja berpencukup. Pada pandangan Mees (1969) pula, kata kerja menyatakan suatu pekerjaan atau perbuatan yang dapat dibahagikan kepada kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif. Jadual 3.13 menyenaraikan beberapa ayat yang dipetik daripada teks pojok Awang Selamat tentang penggantian kerjaan.

Jadual 3.13 : Penggantian kerjaan dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T2P2A3	Seri Paduka melalui kenyataan kepada Perdana Menteri menegaskan <i>tidak mahu mencampuri usaha Parti Pribumi dan menyifatkan Deklarasi Rakyat tidak mengikut perlembagaan.</i>
	T2P3A1	Penegasan Tuanku Abdul Halim itu agak mengejutkan Dr.Mahathir.[penggantian kerjaan]
Bersih	T8P3A4	Ia sekali lagi akan membuka kepada <i>campur tangan pihak asing, yang itu antara agenda yang tidak pernah malap.</i> [penggantian kerjaan]
	T10P3A1	Sebab itu apabila aktivis sosial, <i>Marina Mahathir memuji Soros</i> sebagai dermawan yang pemurah dan juara hak asasi manusia, Awang hanya geleng kepala. [penggantian kerjaan]

Dalam data T2P3A1, frasa **Penegasan Tuanku Abdul Halim itu** merupakan bentuk penggantian kerjaan bagi data *tidak mahu mencampuri usaha Parti Pribumi dan menyifatkan Deklarasi Rakyat tidak mengikut perlembagaan* yang dijelaskan dalam data T2P2A3. Pengarang ruangan pojok Awang Selamat tidak mengulang kembali perkara yang ditegaskan oleh Tuanku Abdul Halim dalam data T2P2A3, sebaliknya menggantikannya dengan frasa **Penegasan Tuanku Abdul Halim itu** sudah dianggap memadai dan difahami oleh pembaca. Pembaca tetap memahami frasa **Penegasan Tuanku Abdul Halim itu** sebagai penggantian kerjaan kepada data T2P2A3 kerana perkara yang ingin ditegaskan oleh pengarang tidak perlu diulang dalam perenggan berikutnya memandangkan perkara yang ingin disampaikan masih mencakupi hal yang sama.

Dalam data T8P3A4, *campur tangan pihak asing* merupakan frasa kerja yang akan mengalami penggantian dalam ayat yang mengikutinya. Dalam data ini, *campur tangan* ialah kata kerja yang akan dikaitkan dengan penghilangan kerjaan. Klaus **yang itu antara agenda yang tidak pernah malap** merupakan bentuk penggantian kerjaan terhadap frasa kerja *campur tangan pihak asing*. Frasa kerja *campur tangan pihak asing*

tidak diulang, sebaliknya digantikan dalam bentuk frasa bayangan, iaitu **yang itu antara agenda yang tidak pernah malap** yang menjadi penggantian kerjaan terhadap *campur tangan pihak asing*. Penggantian kerjaan tersebut masih mengekalkan mesej yang mudah difahami oleh pembaca kerana pengarang ruangan pojok ini masih menceritakan perkara yang sama dalam ayat berikutnya.

Penggantian kerjaan juga dapat dilihat dalam data T10P3A1. Data yang bertemakan Bersih ini memaparkan **Awang hanya geleng kepala** dalam T10P3A1 sebagai bentuk penggantian kerjaan terhadap *Marina Mahathir memuji Soros*. **Awang hanya geleng kepala** merupakan penggantian kerjaan kerana penulis ruangan pojok Awang Selamat masih menjelaskan perkara yang sama dalam perenggan ini, iaitu tentang *Marina Mahathir memuji Soros*. Oleh yang demikian, pembaca boleh memahami penggantian kerjaan ini melalui ayat yang mendahuluinya. Pendekatan yang digunakan oleh pengarang dalam memanfaatkan aspek penggantian kerjaan dalam ruangan pojok dilihat bertepatan dengan ciri-ciri ruangan pojok itu sendiri yang menuntut penggunaan bahasa yang mudah untuk difahami oleh pembaca.

c. Penggantian bahasa kiasan

Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian teori, penggantian melibatkan pengambilalihan tempat sesuatu segmen kata, frasa atau klausa oleh kata lain atau frasa bayangan yang boleh difahami melalui ayat yang mendahuluinya. Selain bentuk penggantian namaan dan kerjaan, penggantian dalam bentuk bahasa kiasan juga wujud dalam artikel Awang Selamat.

Penggunaan peribahasa sebagai frasa bayangan secara tidak langsung menjadikan teks Awang Selamat berpaut dengan baik serta dapat difahami oleh pembaca. Menurut Lee Lai Foon dan Raja Masitah (2005), peribahasa Melayu yang diwarisi turun-temurun sudah sebatи dengan masyarakat dan sewajarnya dikekalkan keaslian dari segi gaya

bahasanya, manakala bagi Mohd Rashid et.al (2012) penggunaan peribahasa penting bagi memberi kefahaman yang utuh kepada pembaca mengenai perkara yang diperkatakan. Oleh yang demikian, penggunaan peribahasa dalam teks selain dapat menunjukkan keindahan bahasa, penggunaanya juga dapat dikaitkan dengan unsur penggantian dalam teks. Jadual 3.14 menunjukkan beberapa data yang menggunakan penggantian bahasa kiasan sebagai peribahasa dalam teks.

Jadual 3.14 : Penggantian bahasa kiasan (peribahasa) dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/ Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T5P1A3 T5P1A4	Apabila <i>anda menyertai perhimpunan Bersih tahun lepas, anda sudah lari daripada landasan prinsip sendiri.</i> Biar apa pun alasannya termasuk perubahan pendirian politik, mengapa perlu menjilat ludah sendiri.
Bersih	T6P2A1	Awang hanya tersenyum apabila Setiausaha Agung DAP, <i>Lim Guan Eng (yang kini berdepan dengan pendakwaan kes rasuah di mahkamah) mempelawa Pas untuk menyertai dan menjaya perhimpunan Bersih 5.0 pada November ini.</i>
	T6P3A2	Apakah Guan Eng mahu menjilat ludahnya sendiri?
	T7P2A3	Diburukkan dengan nada <i>pimpinan gereja tertentu mahu menangguk di air keruh dengan menyeru orang ramai menyertai Bersih 5.0 seperti yang dibidas oleh Naib Presiden Parti Cinta Malaysia, Huan Cheng Guan.</i>
	T7P3A1	Apa motif mereka, bagai ada udang di sebalik batu.
	T7P3A3	Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kedaulatan, Awang sangat berharap pihak berkuasa mengambil pendekatan preemtif dalam menangani <i>ancaman Bersih 5.0.</i>
	T7P4A1	Janganlah apabila sudah terhantuk baru tengadah.
	T9P5A2	<i>Penganjur Bersih yang bermuafakat dengan parti pembangkang boleh membuat apa sahaja penjelasan tetapi bangkai gajah tidak boleh ditutup dengan nyiru.</i>

Menurut Abdullah dan Ainon (1993), **menjilat ludah** bermaksud apa yang ditolak diambil balik. Berdasarkan data T5P1A4, penggantian peribahasa dalam data ini ialah **menjilat ludah** yang menggantikan *anda menyertai perhimpunan Bersih tahun lepas, anda sudah lari daripada landasan prinsip sendiri*, iaitu merujuk langkah Tun Dr. Mahathir yang menyertai Bersih dan dianggap **menjilat ludah** sendiri kerana semasa pemerintahan beliau dahulu beliau sendiri melarang sebarang perhimpunan haram.

Begitu juga dengan data T6P3A2, **menjilat ludahnya sendiri** ialah penggantian terhadap data T6P2A1 tentang langkah *Lim Guan Eng yang mempelawa Pas menyertai Bersih* dan dianggap sebagai **menjilat ludahnya sendiri**. Bagi data T7P3A1, peribahasa **bagai ada udang di sebalik batu** bermaksud ada maksud di sebalik sesuatu perbuatan (Asiah, 2015). Peribahasa ini merupakan penggantian terhadap data T7P2A3, iaitu tentang *pimpinan gereja yang menyeru orang ramai menyertai Bersih 5.0* dan langkah ini dianggap *bagai ada udang di sebalik batu*. Pembaca atau sasaran wacana boleh memahami peribahasa ini melalui ayat yang telah mendahuluinya. Begitu juga dengan penggantian peribahasa **sudah terhantuk baru tengadah** bagi menggantikan ayat yang telah mendahuluinya, iaitu tentang *ancaman Bersih 5.0*. *Ancaman Bersih 5.0* dianggap berbahaya lantas pengarang memberi amaran ini kerana menurut Abdullah dan Ainon (1993) *sudah terhantuk baru terngadah* bermaksud sudah susah baru beringat.

Bagi data T9P5A2, peribahasa **bangkai gajah tidak boleh ditutup dengan nyiru** bermaksud kejahatan yang besar tidak dapat disembunyikan (Asiah, 2015). Data daripada tema Bersih ini menggunakan peribahasa **bangkai gajah tidak boleh ditutup dengan nyiru** sebagai satu lagi bentuk penggantian untuk mewujudkan kohesi dalam teks. Pengarang menggunakan peribahasa ini bagi menggambarkan *Penganjur Bersih yang bermuafakat dengan parti pembangkang* yang terdapat dalam ayat pertama, namun pembaca tetap memahami maksud peribahasa ini memandangkan ayat yang mendahuluinya, iaitu untuk menerangkan *Penganjur Bersih yang bermuafakat dengan*

parti pembangkang telah dianggap sebagai **bangkai gajah tidak boleh ditutup dengan nyiru.**

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa peribahasa boleh menggantikan sesuatu kata atau frasa yang terdapat dalam teks. Dalam konteks ini, penggunaan peribahasa oleh pengarang sebagai satu daripada unsur kohesi dalam teks secara tidak langsung menjadikan idea yang terdapat dalam artikel Awang Selamat sangat mudah untuk difahami oleh pembaca memandangkan peribahasa mempunyai maksud tersirat yang sarat dengan makna tersendiri.

d. Penggantian bahasa figuratif (sarkasme)

Selain penggantian dalam bentuk peribahasa, pengarang teks pojok Awang Selamat juga menggunakan penggantian dalam bentuk bahasa figuratif untuk mewujudkan kohesi dalam teks. Menurut Md. Sidin dan Mohd Saleeh (1980), bahasa figuratif merupakan analogi atau perbandingan yang mengajak pembaca untuk menggambarkan makna atau sesuatu kata yang dikembangkan untuk mengisi ruang yang lebih luas atau ruang yang berbeza daripada biasa. Walaupun sarkasme adalah untuk menyindir, namun sekiranya digunakan secara langsung, maka sarkasme lebih ketara, lebih tajam dan lebih kuat dengan tidak menggunakan bahasa berlapik. Jadual 3.15 menunjukkan data yang mengandungi unsur sarkasme dalam ruangan pojok Awang Selamat.

Jadual 3.15 : Penggantian bahasa figuratif (sarkasme) dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Bersih	T6P6A4	Beliau menggesa rakyat negara ini mengambil iktibar mudarat yang menimpa <i>negara-negara yang dilanda Arab Springs</i> yang kini merana dan hancur, yang beliau sifatkan sebagai buah lazat tetapi realitinya hanya menghasilkan ulat dan racun .
	T6P7A2	Banyak darah yang telah mengalir, korban yang gugur menjadi pelarian serta menunggu giliran (untuk dibunuh), " tegasnya.
	T10P5A1	Meskipun beliau kini agresif mempromosikan Bersih 5, janganlah mahu memberi kewajaran kepada <i>campur tangan Soros</i> dalam perhimpunan haram itu.
	T10P5A2	Racun tetap racun, bukan madu.

Berdasarkan data T6P6A4, bentuk sarkasme dalam ayat tersebut ialah **buah lazat tetapi realitinya hanya menghasilkan ulat dan racun**. Sarkasme dalam data ini merupakan sindiran tajam dalam bentuk penggantian bagi menerangkan frasa sebelumnya, iaitu tentang *negara-negara yang dilanda Arab Springs*. Walaupun bahasa figuratif yang digunakan dalam ayat tersebut agak kasar, iaitu dengan membandingkannya sebagai **buah lazat menghasilkan ulat dan racun**, namun tetap difahami oleh pembaca kerana pembaca boleh memahaminya melalui ayat yang mendahuluinya, iaitu *negara-negara yang dilanda Arab Springs* diumpamakan sebagai **buah lazat tetapi realitinya hanya menghasilkan ulat dan racun**.

Sementara itu, data T6P7A2 mengandungi unsur sarkasme yang juga sebagai bentuk penggantian bagi ayat yang mendahuluinya. **Banyak darah yang telah mengalir, korban yang gugur menjadi pelarian serta menunggu giliran (untuk dibunuh)** merupakan penggantian bagi negara-negara yang dilanda Arab Springs. Umum mengetahui bahawa *Arab Springs* merupakan kebangkitan baru dunia Arab dalam menjatuhkan pimpinan sedia ada seperti yang berlaku di Mesir, Tunisia dan Libya, namun

kebangkitan ini menyebabkan banyak rakyat di negara tersebut terkorban selain menjadi pelarian. Perkara ini digambarkan dalam bentuk sarkasme, iaitu pengarang membuat sindiran tajam tentang negara yang dilanda Arab Springs sebagai **Banyak darah yang telah mengalir, korban yang gugur menjadi pelarian serta menunggu giliran (untuk dibunuh)**.

Seterusnya, penggantian dalam bentuk sindiran tajam yang tidak berlapik juga dapat dilihat dalam data T10P5A1. Dalam data ini, unsur yang akan digantikan dalam bentuk sarkasme ialah *campur tangan Soros*, iaitu dalam bentuk sindiran tajam **Racun tetap racun, bukan madu**. Penggantian dalam T10P5A2 **Racun tetap racun, bukan madu** tetap difahami oleh pembaca kerana pembaca telah memahaminya melalui ayat yang terdahulu yang merujuk *campur tangan Soros*. Umum mengetahui bahawa Soros merupakan penyangak mata wang yang pernah mencetuskan krisis ekonomi pada tahun 1997. Penglibatan Soros dalam perhimpunan Bersih telah dianggap sebagai **racun** dan unsur sarkasme yang dikaitkan dengannya sebagai **racun tetap racun, bukan madu** menepati aspek penggantian yang dapat membentuk kohesi dalam teks. Penggunaan bahasa figuratif dengan menyelitkan unsur sarkasme sebagai penggantian dalam artikel ruangan pojok menjadikan ruangan ini sangat istimewa terutama dari segi bahasa yang digunakan oleh pengarang. Walaupun pengarang menyelitkan bahasa figuratif, namun pembaca tetap memahami idea atau maksud yang ingin dikemukakan oleh pangarang. Oleh yang demikian, tidak hairanlah ruangan pojok Awang Selamat boleh bertahan hingga hari ini. Secara kesimpulannya, penggunaan penggantian dalam teks amat penting untuk dimanfaatkan oleh pengarang memandangkan penggantian merupakan aspek kohesi yang amat berkesan dalam merealisasikan teks yang saling berpautan.

3.1.3 Penghilangan

Menurut Idris (2010), penghilangan (*ellipsis*) ialah proses peniadaan kata atau sebahagian kesatuan lain dalam ayat. Kewujudan asalnya dapat diramalkan melalui konteks. Menurut Halliday dan Hasan (1976), penghilangan juga berkait rapat dengan pautan penggantian dan dinamakan sebagai ‘penggantian dengan zero’ atau disimbolkan ‘ø’ dalam analisis. Halliday dan Hasan (1976) mengkategorikan penghilangan kepada tiga kategori, iaitu penghilangan namaan, penghilangan kerjaan dan penghilangan klausa.

Menurut Sato (1997) kaedah penghilangan mempunyai hubungan yang erat dengan kaedah penggantian. Walau bagaimanapun, penghilangan sepatutnya berlaku dalam batasan yang membolehkan kepadatan unsur-unsur yang membentuk jalinan ayat-ayat dan kejelasan maknanya dijaga dengan syarat unsur yang dihilangkan itu dapat diperoleh semula dalam konteks kebahasaan. Penghilangan boleh berlaku dalam dua keadaan. Keadaan pertama, menghilangkan suatu unsur tertentu dalam ayat dan kedua menghilangkan semua unsur kecuali suatu bahagian sehingga membentuk ayat yang minimum. Menurut Sato, penghilangan dalam bahasa Melayu dapat dikesan melalui aspek morfologi dan sintaksis. Untuk kajian ini, hanya dua aspek penghilangan yang akan diberi tumpuan, iaitu penghilangan namaan dan penghilangan kerjaan.

(a) Penghilangan namaan

Penghilangan namaan berkaitan kata nama atau frasa nama dalam teks. Aspek penghilangan namaan berfungsi untuk mengelakkan ungkapan yang berlebihan dalam teks (Sato, 1997). Penghilangan namaan dalam teks boleh berlaku pada subjek atau predikat. Hal ini menunjukkan bahawa penghilangan namaan yang hadir dalam ayat bahasa Melayu sangat menarik untuk dikaji kerana selama ini para pengkaji bahasa terikat dengan anggapan bahawa ayat yang sempurna perlu mempunyai subjek-predikat. Jadual

3.16 menunjukkan data tentang aspek penghilangan namaan, iaitu kata nama dan frasa nama dalam ayat.

Berdasarkan Jadual 3.16, unsur namaan yang bercetak tebal merupakan unsur asal yang akan mengalami penghilangan. Proses penghilangan dapat dilihat dalam data T2P8A1 apabila unsur namaan **beliau sebagai liabiliti bagi gerakan pembangkang** dalam data T2P7A3 tidak diulang dalam T2P8A1 dan ditanda sebagai gatra ø. Jika dilihat dari segi kepadatan aspek namaan atau frasa nama, didapati bahawa data T2P8A1 tidak perlu mengulangi kembali unsur namaan yang terdapat dalam T2P7A3 terutama bagi mengelakkan ungkapan berlebihan.

Hal yang serupa juga dapat dilihat pada frasa nama yang bercetak tebal dalam data T5P1A1 apabila frasa ini dihilangkan dalam gatra ø T5P1A2. Penghilangan namaan atau frasa nama sebagai subjek dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa **Dengarkanlah** yang terdapat dalam data T5P1A2 sudah padat dari aspek maknanya. Padat dari segi maknanya bermaksud frasa **Dengarkanlah** yang merujuk kepada **Dr. Mahathir** dalam data T5P1A1 tidak perlu mengulang kembali **Dr. Mahathir** dalam data T5P1A2 kerana pembaca tetap memahami frasa tersebut ditujukan kepada **Dr. Mahathir**.

Seterusnya penghilangan namaan atau frasa nama yang berlaku dalam teks tidak akan mencacatkan makna ayat. Hal ini demikian kerana, makna akan diperoleh oleh pembaca melalui ayat yang mendahuluinya melalui konteks. Bagi data T6P8A6, kata nama yang bercetak tebal **PAN** mengalami penghilangan pada gatra ø dalam data T6P8A7. Begitu juga dengan kata nama **kita** dalam data T8P7A1 yang dihilangkan dalam gatra ø T8P7A2. Penghilangan dalam kedua-dua data ini membuktikan aspek kohesi berkait rapat dengan pautan yang dapat diramalkan maknanya melalui konteks.

Jadual 3.16 : Penghilangan namaan dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T2P7A3	Perkembangan tersebut mendekatkan lagi beliau sebagai liabiliti bagi gerakan pembangkang.
	T2P8A1	Apa pun, Tuanku Abdul Halim dan Sultan Ibrahim telah memberi mesej yang sangat jelas buat semua, yang Dr.Mahathir lebih mengerti Ø. (beliau sebagai liabiliti bagi gerakan pembangkang).
	T5P1A1	Ini cetusan nurani buat Dr.Mahathir Mohamad.
	T5P1A2	Dengarkanlah Ø. (Dr.Mahathir Mohamad).
Bersih	T6P8A6	Biarlah parti anda sahaja yang diperkudakan oleh DAP yang tahu betapa murahnya nilai PAN .
	T6P8A7	Kasihan Ø. (PAN)...
	T8P7A1	Sudahlah firma-firma guaman yang antikerajaan monopolis dalam sektor swasta, bisnes berkaitan kerajaan juga mereka lebih ke hadapan kerana banyak peluang yang diperoleh tanpa kita memeriksa siapa sebenarnya mereka.
	T8P7A2	Di mana silapnya Ø. (kita).

(b) Penghilangan kerjaan

Penghilangan kerjaan melibatkan kata kerja dan frasa kerja. Menurut Zainal Abidin (1962), kata kerja atau disebut perbuatan melibatkan ‘perbuatan melampau’ dan perbuatan ‘tidak melampau’. Perbuatan ‘melampau’ melibatkan perkaitan dengan makna lain dan tidak terhenti dengan pembuatnya atau subjek, manakala perbuatan tidak melampau melibatkan makna dengan diri pembuatnya sahaja. Frasa kerja pula bermaksud binaan yang terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan kata intinya ialah kata kerja (Nik Safiah et.al, 2010). Penghilangan kerjaan melibatkan proses peniadaan kata kerja atau frasa kerja dalam ayat, namun kewujudan asalnya dapat diramalkan melalui konteks. Jadual 3.17 menunjukkan dua data yang dipetik daripada teks pojok Awang Selamat yang berkaitan penghilangan kerjaan.

Jadual 3.17 : Penghilangan kerjaan dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	No Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Bersih	T9P4A3	Dalam pendedahan terbaru ini, pengajur Bersih mengaku menerima dana Soros , begitu juga Malaysiakini ø (mengaku menerima dana Soros).
	T10P3A1	Sebab itu apabila aktivis sosial, Marina Mahathir memuji Soros sebagai dermawan yang pemurah dan juara hak asasi manusia, Awang hanya geleng kepala.
	T10P3A4	Ketika rakyat dan pelbagai pihak lantang membantah agenda campur tangan Soros, Marina bertindak songsang ø. (memuji Soros)

Berdasarkan data T9P4A3, penghilangan dapat dikesan pada gatra ø apabila frasa kerja **mengaku menerima dana Soros** tidak diulang pada klausa kedua, sebaliknya dihilangkan bagi mengelakkan ungkapan tersebut diulang semula. Walau bagaimanapun, pembaca tetap memahami maksud klausa kedua itu kerana kewujudan asalnya dapat dikesan melalui konteks.

Begini juga dengan data T10P3A4, penghilangan pada data tersebut dapat dilihat melalui gatra ø. Seperti data T9P4A3, alasan yang sama juga memperlihatkan penghilangan frasa kerja **memuji Soros** dalam data T10P3A4, iaitu pada gatra ø. Penghilangan yang berlaku pada gatra ø tidak memberi kesan dari aspek makna. Walaupun berlaku penghilangan, namun mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang kepada masih boleh difahami difahami oleh pembaca. Penghilangan frasa kerja ini menunjukkan bahawa kepadatan struktur sintaksis ayat dalam bahasa Melayu yang sangat istimewa dan tidak seharusnya terikat dengan subjek dan predikat.

Secara kesimpulannya, kohesi melalui kaedah penghilangan memainkan peranan yang besar dalam mewujudkan pertautan teks. Menurut Sato (1997), kaedah penghilangan berfungsi untuk mengelakkan ungkapan berlebihan seperti yang terdapat dalam kaedah penghilangan. Walau bagaimanapun, penghilangan sepatutnya berlakunya

dalam batasan yang membolehkan kepadatan unsur-unsur yang membentuk jalinan ayat dan kejelasan maknanya dijaga, dengan syarat unsur yang dihilangkan itu dapat diperoleh semula daripada konteks kebahasaan atau bukan kebahasaan.

3.1.4 Penghubung

Penghubung ialah proses mempertalikan ayat, klausa, frasa atau kata dengan unsur sebelumnya. Halliday dan Hasan (1976) menyenaraikan empat jenis penghubung yang boleh membantu membina wacana yang mempunyai unsur kohesi dan berkesatuan, iaitu penghubung penambah (*Additive*), penghubung berlawanan (*Adversative*), penghubung musabab (*Causal*) dan penghubung turutan (*temporal*). Menurut Nik Safiah et.al (2010) kata penghubung atau kata penyambung ayat ialah sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk.

Pada pandangan Abdullah (2003), kata penghubung digunakan untuk menghubungkan perkataan dengan perkataan, frasa dengan frasa, klausa dengan klausa ataupun ayat dengan ayat. Kata penghubung dalam bahasa Melayu boleh wujud dalam bentuk akar ataupun terbitan. Menurut Asmah (2015), penghubung ialah kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa yang boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu penghubung setara dan penghubung tidak setara. Penggunaan penghubung dalam teks akan dapat mempertalikan teks dengan jalinan yang secara tidak langsung dapat menjadikan idea dalam teks berkesinambungan apabila dibaca. Sementara itu, Zainal Abidin (1962) menjelaskan penghubung atau perkataan sendi berfungsi untuk menyambungkan sata bahagian ayat dengan bahagian lain. Untuk kajian ini, fokus akan diberikan terhadap 5 jenis kata penghubung.

(a) Kata penghubung gabungan

Menurut Nik Safiah et.al (2010), kata penghubung menyatakan gabungan seperti *dan*, *atau*, *tetapi*, *serta* dan sebagainya ialah jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya. Ayat yang terbentuk menggunakan kata hubung gabungan dinamakan ayat majmuk gabungan. Asmah (2015) mengaitkan kata penghubung gabungan sebagai kata penghubung setara yang menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya. Pada tahap klausa, klausa yang dihubungkan merupakan klausa utama. Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa kata dan frasa penghubung setara, iaitu *dan*, *tetapi*, *atau*, *serta*, *seraya*, *walhal* dan *manakala* yang mempunyai fungsi tersendiri dalam kohesi. Penggunaan kata penghubung yang menyatakan gabungan dapat membantu membina wacana yang berpautan dan berkesatuan. Jadual 3.18 menunjukkan beberapa contoh data penghubung gabungan.

Jadual 3.18 : Kata penghubung gabungan dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T1P2A4	Sebagai negarawan dan lama menjadi Perdana Menteri, sepatutnya beliau membersihkan terlebih dahulu aspek tersebut sebelum menyerahkannya kepada Yang di-Pertuan Agong.
	T2P2A3	Seri Paduka melalui kenyataan kepada Perdana Menteri menegaskan tidak mahu mencampuri usaha Parti Pribumi dan menyifatkan Deklarasi Rakyat tidak mengikut perlembagaan.
	T2P4A2	Dengan kata lain, Tuanku Abdul Halim berjiwa besar dan menerima Dr.Mahathir tetapi bukan untuk dipolitikkannya.
	T3P2A1	Beberapa pemimpin DAP dan PKR membantah sambil mempersoalkan apa hak Dr.Mahathir mahu membuat penentuan itu.
Bersih	T7P4A2	Satu lagi isu yang perlu diberi perhatian adalah pemberian bisnes dan kontrak kepada syarikat-syarikat serta usahawan yang menaja beberapa siri perhimpunan Bersih yang lalu.
	T8P2A3	Menurut beliau, Unit Perancang Ekonomi (EP) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) akan mengenal pasti syarikat atau individu terbabit untuk disenaraikan.
	T9P6A1	Selama ini, perhimpunan tersebut berselindung atas pelbagai slogan termasuk demokrasi dan kebebasan tetapi sebenarnya membuka lebih luas campur tangan asing.

Menurut Lee Lai Foon dan Raja Masitah (2005), kata penghubung gabungan **dan** menghubungkan dua unsur yang setara. Misalnya bagi data T1P2A4, fungsi **dan** adalah untuk menghubungkan dua klausa yang setara, iaitu **negarawan** dan **lama menjadi Perdana Menteri** yang dikaitkan dengan **Tun Dr. Mahathir**, manakala dalam data T2P2A3 fungsi **dan** juga menggandingkan dua klausa, iaitu klausa kedua yang merupakan lanjutan cerita daripada klausa pertama tentang kenyataan **Seri Paduka yang tidak mahu mencampuri Parti Pribumi** dan **Deklarasi Rakyat** yang merupakan lanjutan cerita daripada klausa **Parti Pribumi**. Penggunaan kata penghubung **dan** bagi menghubung dua klausa tersebut membuktikan fungsi kata penghubung **dan** dalam membentuk kohesi dalam teks.

Sementara itu, data T2P4A2 dan T9P6A1 pengarang telah menggunakan kata penghubung **tetapi** bagi menyatakan gabungan antara dua klausa. Menurut Abdul Chaer (1988), kata penghubung **tetapi** menyatakan fungsi sebagai pertentangan dalam kalimat. Dalam masa yang sama, **tetapi** menghubungkan keseluruhan dua klausa atau dua predikat yang secara tidak langsung mewujudkan kohesi dalam teks. Dalam data T2P4A2, klausa kedua menunjukkan unsur pertentangan dengan klausa pertama apabila dinyatakan **Tuanku Abdul Halim berjiwa besar dan menerima Dr. Mahathir tetapi bukan untuk dipolitikannya**. Walaupun dinyatakan bahawa **Tuanku Abdul Halim menerima kedatangan Dr. Mahathir**, namun unsur pertentangan dapat dilihat dalam klausa kedua apabila **tetapi** digunakan untuk menyatakan pertentangan bahawa **kedatangan Dr. Mahathir berjumpa Tuanku Abdul Halim bukan untuk dipolitikkan**. Begitu juga dengan data T9P6A1 yang menunjukkan unsur pertentangan apabila kata hubung **tetapi** digunakan untuk menunjukkan pertentangan antara **kebebasan dan demokrasi** dengan **membuka lebih luas campur tangan asing**. Kata penghubung **tetapi** yang terdapat dalam T9P6A1 juga dapat membentuk kesatuan idea dalam teks walaupun kedua-dua idea yang dinyatakan mempunyai klausa berlawanan. Dalam data ini, **tetapi** yang

berfungsi sebagai kata penghubung yang menunjukkan elemen berlawanan menghubungkan antara klausa **kebebasan dan demokrasi** dengan klausa **membuka lebih luas campur tangan asing**. Walaupun teks ini menjelaskan hal tentang kebebasan, namun pengarang meminta pihak yang berkaitan supaya berhati-hati jangan sampai membuka campur tangan asing. Perkara ini disampaikan dengan teliti oleh pengarang dengan memanfaatkan fungsi penghubung sebagai cara menyatukan idea dalam teks.

Dalam data T3P2A1, **sambil** digunakan untuk menghubungkan klausa pertama dengan klausa kedua yang berfungsi untuk menyatakan gabungan antara dua klausa. Klausa pertama menerangkan **Beberapa pemimpin DAP dan PKR membantah** dan dihubungkan dengan **sambil** yang menyatakan gabungan, iaitu keadaan **mempersoalkan apa hak Dr.Mahathir mahu membuat penentuan itu**. Penggunaan kata penghubung **sambil** dalam data ini berlaku secara serentak, iaitu kata kerja **membantah** diikuti dengan kata kerja **mempersoalkan**. Kedua-dua kata kerja transitif ini dihubungkan dengan kata penghubung **sambil** bagi mewujudkan jalinan idea dalam teks.

Sementara itu, dalam data T7P4A2 kata penghubung **serta** digunakan untuk menghubungkan dua klausa yang secara tidak langsung mewujudkan pautan teks antara kedua-dua klausa tersebut. Menurut Abdul Chaer (1988), kata penghubung **serta** berfungsi untuk menyatakan gabungan biasa yang digunakan di antara dua predikat. Data T7P4A2 menjadi penghubung antara **syarikat-syarikat serta usahawan** menunjukkan gabungan **syarikat** dan **usahaawan** yang dihubungkan dengan **serta** dapat membentuk jalinan idea dalam teks.

Kata penghubung **atau** juga boleh mewujudkan pertautan dalam teks. Pertautan wujud antara dua proposisi yang hendak dinyatakan dalam teks. Menurut Asmah (2015), kata penghubung **atau** menyatakan pilihan antara dua proposisi, kalau bukan *x* maka *y*. Dalam data T8P2A3, pilihan antara dua proposisi dapat dilihat apabila **Unit Perancang Ekonomi (EP) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)** akan mengenal pasti

syarikat atau individu terbabit untuk disenaraihitamkan, iaitu sama ada *syarikat atau individu*. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kata penghubung **atau** digunakan dalam data ini bagi menunjukkan pilihan.

(b) Kata penghubung waktu

Teks ruangan pojok Awang Selamat juga mengandungi kata penghubung waktu sebagai satu daripad aspek kohesi nahuan. Lazimnya kata penghubung waktu berkait dengan masa atau ketika. Mees (1969) telah menyenaraikan 20 kata penghubung yang berkaitan waktu, antaranya *apabila, bila, bilamana, demi, sehingga, ketika, sambil, sampai, sebelum, sedang, sedari, sejak, selama, semenjak, sementara, seraya, setelah, sesudah, tatkala* dan *waktu*. Jadual 3.19 menunjukkan data-data penghubung yang menyatakan waktu.

Jadual 3.19 : Kata penghubung waktu dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T3P1A1	Apabila Dr.Mahathir Mohamad menamakan Muhyiddin Yassin sebagai bakal Perdana Menteri atas tiket Parti Pribumi jika pakatan pembangkang menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), ia mengundang tindak balas negatif.
	T3P5A1	Nampaknya satu demi satu percaturan beliau sejak tahun lalu tidak menjadi.
	T5P1A3	Apabila anda menyertai perhimpunan Bersih tahun lepas, anda sudah lari daripada landasan prinsip sendiri.
Bersih	T9P6A1	Selama ini, perhimpunan tersebut berselindung atas pelbagai slogan termasuk demokrasi dan kebebasan tetapi sebenarnya membuka lebih luas campur tangan asing.

Dalam data T3P1A1 dan T5P1A3, kata penghubung waktu **apabila** digunakan dalam kedua-dua data tersebut. Seperti kata penghubung yang lain, **apabila** juga

menghubungkan antara dua klausa, iaitu klausa pertama dan klausa kedua. Bagi data T3P1A1, klausa pertama **Dr.Mahathir Mohamad menamakan Muhyiddin Yassin sebagai bakal Perdana Menteri atas tiket Parti Pribumi jika pakatan pembangkang menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14)**, dan **apabila** digunakan pada permulaan klausa tersebut untuk menghubungkannya dengan klausa kedua bagi menunjukkan masa atau waktu, yakni **ia mengundang tindak balas negatif**. Bagi data T5P1A3, **apabila** juga menunjukkan penghubung waktu bagi menerangkan jangka masa **Tun Dr. Mahathir menyertai perhimpunan Bersih pada tahun lepas.**

Kata penghubung **sejak** yang terdapat dalam tema Tun Dr. Mahathir data T3P5A1 merupakan penghubung permulaan yang menerangkan waktu. Kata penghubung **sejak** menjadi penghubung antara klausa pertama dan klausa kedua, yakni menerangkan tempoh waktu bermula **tahun lalu** yang menyebabkan **percaturan Dr. Mahathir tidak menjadi**. Oleh yang demikian, penggunaan kata penghubung **sejak** bukan setakat menghubungkan antara dua klausa malah membentuk kohesi idea yang saling berkait antara kedua-dua klausa tersebut dalam teks. Dalam masa yang sama, penggunaan kata penghubung **sejak** dalam teks dapat mengembangkan ayat secara berkesan dan seterusnya melahirkan idea yang mempunyai perkaitan bermakna dalam ayat atau perenggan seperti yang terdapat dalam artikel Awang Selamat.

Bagi penghubung waktu **selama** yang terdapat dalam tema Bersih, kata penghubung ini turut berfungsi sebagai unsur untuk memaut teks agar mempunyai kesatuan. Bagi data T9P6A1, **Selama ini** digunakan pada klausa pertama untuk menerangkan tempoh masa tentang **perhimpunan Bersih** serta dihubungkan dengan **campur tangan asing** dalam klausa kedua. Unsur penghubung **Selama ini** dalam data tersebut yang berfungsi untuk mengembangkan idea dalam teks secara tidak langsung menjadikan ruangan pojok Awang Selamat ruangan bermaklumat yang boleh menambahkan pengetahuan kepada pembaca.

(c) Kata penghubung pancangan keterangan

Kata penghubung yang menyatakan pancangan keterangan turut berperanan dalam menyampaikan idea dengan lebih jelas dan berkesan dalam teks. Menurut Nik Safiah et.al (2010), kata penghubung pancangan keterangan berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada klausa utama. Jadual 3.20 menenaraikan data yang menggunakan kata hubung pancangan keterangan bagi kedua-dua tema tersebut.

Jadual 3.20 : Kata penghubung pancangan keterangan dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T1P8A1	Nasihat insan kerdil seperti Awang, memandangkan Dr.Mahathir telah menubuhkan parti politik baharu, eloklah beliau secara budiman menanti persaingan pada pilihan raya umum akan datang.
	T1P9A1	Agar beliau tidak menjadi liabiliti kepada parti mahupun diri sendiri
	T2P6A1	Mantan Perdana Menteri itu tersentap lagi apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar pada hari yang sama mempersoalkan beliau berhubung komennya tentang bangsa Johor.
	T2P6A2	Walaupun tidak menyebut nama, semua orang tahu ia ditujukan kepada Dr.Mahathir.
Bersih	T9P6A4	Lalu perhimpunan haram yang menjadi senjata halus kuasa asing digunakan untuk membakar sentimen rakyat agar berlaku rusuhan jalanan ala <i>Arab Springs</i> di negara ini bagi menggulingkan kerajaan di luar proses demokrasi.
	T10P4A2	Sepatutnya Marina meletakkan kedaulatan dan kepentingan negara mengatasi pemikiran sempit walau apa pun perbezaan aliran politik.
	T10P5A1	Meskipun beliau kini agresif mempromosikan Bersih 5, janganlah mahu memberi kewajaran kepada campur tangan Soros dalam perhimpunan haram itu.

Dalam membincangkan wacana akhbar, penulis turut memanfaatkan penghubung yang berfungsi menyatakan pancangan keterangan seperti **agar**, **walaupun** dan **meskipun**. Aspek kohesi dalam teks boleh dikaitkan juga dengan penghubung pancangan keterangan seperti **agar** bagi mempertaut teks. Dalam data T1P9A1, kata penghubung **agar** menghubungkan antara data T1P8A1 dan data T1P9A1 yang secara tidak langung mewujudkan kohesi dalam teks tersebut. **Agar** dalam T1P9A1 menjadi penghubung pancangan keterangan antara klausa utama **Dr.Mahathir telah menubuhkan parti politik baharu** dengan klausa keterangan **beliau tidak menjadi liabiliti kepada parti mahupun diri sendiri** yang secara tidak langsung menjadikan kata penghubung pancangan keterangan **agar** sebagai klausa yang menjadi keterangan pada klausa utama.

Dalam data T9P6A4 pula, kata penghubung pancangan keterangan yang terdapat dalam data ini ialah **agar**. Kehadiran kata penghubung tujuan **untuk** (Asmah,2015) dan **agar** secara serentak dalam teks juga dapat membentuk kohesi dalam teks dengan menghubungkan dua klausa yang dapat mempertaut teks menjadi saling berkaitan antara satu sama lain. Dalam data T9P6A4, **untuk** dapat mempertaut klausa **Lalu perhimpunan haram yang menjadi senjata halus kuasa asing digunakan** dengan klausa selepasnya kerana klausa ini menerangkan **tujuan perhimpunan haram diadakan yang digunakan untuk membakar sentimen rakyat**, manakala klausa **membakar sentimen rakyat** pula menjadi tujuan kepada klausa berikutnya iaitu, tentang **berlaku rusuhan jalanan ala Arab Springs di negara ini bagi menggulingkan kerajaan di luar proses demokrasi**.

Kata penghubung pancangan keterangan yang berfungsi sebagai tolak ansur juga boleh mewujudkan kohesi dalam teks. Dalam teks ruangan pojok Awang Selamat, terdapat dua jenis kata penghubung pancangan keterangan berbentuk tolak ansur yang boleh mempertaut teks, iaitu **walaupun** dan **meskipun**. Dalam data T2P6A2, kata penghubung pancangan keterangan dalam perenggan tersebut ialah **walaupun**.

Walaupun menjadi penghubung dalam bentuk tolak ansur kerana kata penghubung ini menghubungkan antara klausa pertama dengan kluasa kedua. Dalam data T2P6A1, klausa pertama ialah **Dr. Mahathir dikatakan tersentap apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar mempersoalkan beliau berhubung komennya tentang bangsa Johor**. Dalam klausa kedua, penulis ruangan pojok Awang Selamat menjelaskan **tidak menyebut nama, semua orang tahu ia ditujukan kepada Dr. Mahathir**. Untuk menjelaskan perkara ini, penulis ruangan pojok Awang Selamat menghubungkan klausa pertama dengan penghubung pancangan bagi menjelaskan klausa kedua untuk menunjukkan elemen tolak ansur dalam diri penulis.

Dalam pada itu, kata penghubung pancangan keterangan **meskipun** yang terdapat dalam data T10P5A1 dan data T10P4A2 juga mempunyai kaitan. Data T10P5A1 menunjukkan pancangan keterangan berbentuk tolak ansur. Kata hubung pancangan **meskipun** dalam data menjadi penghubung pancangan dengan perenggan sebelumnya. Dalam data T10P4A2, **Marina** digambarkan sebagai tokoh yang mempunyai perbezaan politik, namun pengarang memberi gambaran tolak ansur dengan menyatakan Marina tidak perlu menyokong Soros. Gambaran tolak ansur ini dinyatakan dalam bentuk kata penghubung pancangan keterangan **meskipun** sebagai tanda tolak ansur pengarang kepada Marina.

(d) Kata Penghubung Sebab dan Akibat

Kata penghubung juga berfungsi untuk menyampaikan idea dalam teks secara jelas dan berkesan. Dalam konteks ini, kata penghubung sebab dan akibat berfungsi dalam teks sebagai cara untuk menghubungkan satu idea dengan idea lain bagi mewujudkan kesatuan idea dalam teks. Jadual 3.21 menunjukkan penggunaan kata penghubung sebab dan akibat **kerana** dan **sampai** yang berfungsi untuk menyatukan idea dalam teks bagi tema Tun Dr. Mahathir.

Jadual 3.21 : Kata penghubung sebab dan akibat dan ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T5P2A5	Pemerintahan anda yang pernah dilabelkan oleh DAP dan PKR sebagai diktator dan mahafiraun, terselamat daripada ledakan demi ledakan perhimpunan seumpama itu kerana majoriti rakyat bersama anda.
	T5P6A1	Sebagai pemimpin, kita bukan dinilai dengan apa yang kita mulakan tetapi bagaimana pengakhiran kita, jangan sampai menghina diri.

Jadual 3.21 menunjukkan data yang menggunakan kata penghubung sebab dan akibat berdasarkan tema Tun Dr. Mahathir. Data T5P2A5 mengandungi tiga klausa, klausa pertama ialah **Pemerintahan anda yang pernah dilabelkan oleh DAP dan PKR sebagai diktator dan mahafiraun**, klausa kedua ialah **terselamat daripada ledakan demi ledakan perhimpunan seumpama itu**, manakala klausa ketiga ialah **kerana majoriti rakyat bersama anda**. Dalam data T5P2A5, **kerana** dalam klausa ketiga berfungsi sebagai penghubung musabab antara dua klausa yang terdahulu. Klausa pertama, iaitu **Pemerintahan anda yang pernah dilabelkan oleh DAP dan PKR sebagai diktator dan mahafiraun** dan klausa kedua **terselamat daripada ledakan demi ledakan perhimpunan seumpama itu** dihubungkan dengan klausa kedua yang berfungsi untuk menerangkan musabab terhadap klausa pertama, iaitu **kerana majoriti rakyat bersama anda**. Fungsi **kerana** dalam perenggan ini adalah untuk mempertaut teks agar pembaca memahami punca **pemerintahan Dr. Mahathir yang pada suatu terselamat daripada ledakan demi ledakan perhimpunan seumpama itu disebabkan majoriti rakyat bersama Dr. Mahathir pada ketika itu**. Oleh itu, kata penghubung **kerana** amat sesuai digunakan bagi mempertaut teks terutama dalam menyatakan sebab-musabab sesuatu isu itu berlaku. Hal ini dilihat bertepatan dengan fungsi ruangan pojok itu sendiri yang mengandungi pelbagai maklumat. Pembaca bukan sekadar ingin mengetahui isu yang berlaku di sekeliling mereka, malah dalam masa yang sama mereka

juga ingin mengetahui punca-punca berlaku sesuatu perkara. Perkara ini dilihat berjaya dimanfaatkan oleh pengarang apabila pengarang menggunakan tautan penghubung sebagai cara untuk menjelaskan sebab dan akibat sesuatu perkara yang berlaku.

Dalam data T5P6A1, kata hubung **sampai** digunakan untuk menghubungkan antara klausa pertama dan kedua. Kata penghubung **sampai** menjadi pelengkap kepada klausa pertama apabila klausa kedua berfungsi sebagai sebab dan akibat hasil penggunaan kata penghubung **sampai** dalam klausa kedua, iaitu **sampai menghina diri** yang merupakan sebab dan akibat daripada klausa pertama. Dengan jelas menunjukkan bahawa kata penghubung sebab dan akibat boleh membentuk penyataan idea dalam teks.

(e) Kata penghubung syarat atau pengandaian

Ruangan pojok Awang Selamat turut menggunakan kata penghubung syarat atau pengandaian bagi mewujudkan kohesi dalam teksnya. Penghubung syarat atau pengandaian digunakan oleh penulis pojok Awang Selamat sebagai andaian penulis semata-mata terhadap sesuatu isu yang hendak diperkatakan, namun dalam masa yang sama dapat membentuk kohesi dengan fakta sebenar yang hendak ditulis. Seperti yang telah dijelaskan dalam bab 1, ruangan pojok mempunyai fungsi tersendiri khususnya kepada khalayak pembaca. Tulisan Awang Selamat berbentuk sinis, namun mempunyai maksud yang tajam dan sebab itulah ruangan ini banyak menimbulkan kontroversi terutama daripada aspek agama dan sosial yang menampakkan cara penulisan yang pragmatik (Zam, 1994). Hal ini mempunyai kaitan dengan cara pengarang menyusun idea dalam teks, contohnya menghubungkan idea-idea dengan kata penghubung syarat atau pengandaian yang menampakkannya tulisan Awang Selamat sememangnya sinis dan tajam

Jadual 3.22 : Kata penghubung syarat atau pengandaian dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T3P3A3 T4P4A1	Bukan sahaja Muhyiddin, jika Dr.Mahathir dicalonkan oleh parti barunya, beliau juga tidak akan diterima. Awang boleh faham sekiranya Mahathir Mohamad marah dan kecewa terhadap pendirian Pas lalu menuduh parti itu menyokong Perdana Menteri, Mohd Najib Tun Razak.

Dalam Jadual 3.22, kata penghubung syarat atau pengandaian yang digunakan oleh penulis pojok Awang Selamat ialah **jika**. **Jika** dalam bentuk pengandaian ialah klausa pertama yang menerangkan **Muhyidin yang tidak diterima sebagai bakal Perdana Menteri** dan dihubungkan dengan klausa kedua dalam bentuk pengandaian, iaitu **jika Dr. Mahathir dicalonkan oleh parti barunya, beliau juga tidak akan diterima**. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kata penghubung pengandaian dapat berfungsi sebagai syarat, iaitu pengandaian pengarang tentang isu yang sedang diperkatakan. Pengarang membuat andaian bahawa Tun Dr. Mahathir jika dicalonkan sebagai Perdana Menteri, beliau tidak akan diterima. Walaupun hanya berbentuk andaian, namun tautan idea yang terbentuk dalam isu ini sedikit-sebanyak dapat menarik perhatian pembaca untuk mengikuti isu ini dengan mendalam.

Dalam data T4P4A1 pula, kata penghubung pengandaian yang terdapat dalam perenggan tersebut ialah **sekiranya**. Klausa **Awang boleh faham** dihubungkan dengan klausa kedua dalam bentuk pengandaian **sekiranya** iaitu, untuk menerangkan **pendirian Mahathir Mohamad yang marah dan kecewa terhadap pendirian Pas lalu menuduh parti itu menyokong Perdana Menteri, Mohd Najib Tun Razak**. Hal ini menunjukkan bahawa kata penghubung **sekiranya** digunakan oleh pengarang hanya bersifat andaian pengarang semata-mata. Walau bagaimanapun, andaian yang dibuat oleh pengarang kelihatan logik kalau dihubungkan dengan idea asal, iaitu tentang **pendirian Mahathir**.

yang marah dan kecewa terhadap PAS, lalu pengarang mengandaikan bahawa kemarahan **Tun Dr. Mahathir** itu berpunca daripada **sokongan PAS terhadap Perdana Menteri**. Walaupun kelihatan hanya andaian semata-mata, namun tautan idea yang terbentuk dalam data ini berjaya menjadikan ruangan pojok sebagai medan kritikan yang sangat tajam.

3.2 Rumusan

Berdasarkan perbincangan dalam aspek kohesi nahuhan, dapat disimpulkan bahawa terdapat empat aspek utama kohesi nahuhan yang memainkan peranan penting untuk mempertaut teks. Aspek kohesi nahuhan secara rujukan yang meliputi rujukan secara anafora dan katafora dapat membentuk teks yang bersatu. Rujukan secara anafora melibatkan rujukan bagi unsur sebelum manakala rujukan secara katafora melibatkan unsur selepas. Kedua-dua bentuk rujukan ini dapat membentuk kohesi dalam teks kerana kata ganti nama diri dan kata ganti tunjuk yang digunakan bagi merujuk individu dan tempat dapat digantikan dengan unsur rujukan yang secara tidak langsung mempertaut teks menjadi idea yang saling berkaitan antara satu sama lain. Kedua-dua rujukan secara anafora dan katafora akan membantu menjadikan sesuatu teks itu menarik untuk dibaca terutama dari segi keupayaan pengarang untuk menggunakan pelbagai kata ganti nama bagi merujuk kepada kata nama lain. Hal ini secara tidak langsung menjadikan ruangan pojok sebagai artikel yang menarik untuk dibaca.

Aspek kohesi yang kedua ialah penggantian. Pemanfaatan aspek penggantian dalam teks juga dapat membentuk kohesi dalam teks kerana ungkapan atau frasa yang hendak dikemukakan dalam teks tidak akan diulang, sebaliknya digantikan dengan kaedah penggantian namaan, kerjaan, bahasa kiasan dan bahasa figuratif. Melalui kaedah penggantian, pembaca tetap memahami teks yang dibaca kerana maksud yang hendak

dicapai melalui kaedah penggantian diperoleh melalui ayat yang telah mendahuluinya. Pemanfaatan aspek penggantian dalam teks secara tidak langsung dapat mengelakkan pengulangan kata atau frasa yang sama dalam teks. Walau bagaimanapun, pembaca tetap memahami teks yang dibaca kerana maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang telah dicapai melalui ayat yang mendahuluinya. Penggunaan bahasa sebegini sangat penting untuk dizahirkan dalam artikel ruangan pojok memandangkan ruangan pojok merupakan tulisan-tulisan pendek yang memerlukan kebijaksanaan pengarang memanfaatkan pelbagai aspek kohesi dalam tulisannya.

Aspek kohesi yang ketiga ialah penghilangan. Menurut Halliday dan Hasan (1976), kaedah penghilangan mempunyai kaitan dengan kaedah penggantian. Kohesi melalui kaedah penghilangan namaan dan kerjaan dicapai dengan menghilangkan sesuatu unsur dalam teks namun unsur yang dihilangkan itu tetap difahami oleh pembaca melalui ayat yang mendahuluinya. Kaedah penghilangan sebenarnya tidak akan mencacatkan makna dalam teks disebabkan unsur yang dihilangkan itu diperoleh semula dalam konteks. Walaupun berlaku penghilangan, namun mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang kepada pembaca masih boleh difahami. Penghilangan frasa nama dan frasa kerja ini menunjukkan bahawa kepadatan struktur sintaksis ayat dalam bahasa Melayu yang sangat istimewa dan tidak seharusnya terikat dengan subjek dan predikat.

Kohesi melalui kaedah penghubung juga dapat mempertaut teks agar berkesinambungan dengan baik. Kaedah penghubung yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976) menjadi asas untuk kajian ini. Bagi menyesuaikan kaedah penghubung yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan maka, kaedah penghubung yang diperkenalkan oleh Mees (1969) telah digunakan untuk membentuk kohesi dalam teks. Kaedah penghubung melalui penghubung gabungan, waktu, pancangan keterangan, sebab dan akibat serta syarat dan pengandaian dapat mempertaut teks khususnya dalam mempertaut klausa-klausa dalam teks. Hal ini dilihat bertepatan dengan fungsi ruangan

pojok itu sendiri yang mengandungi pelbagai maklumat. Pembaca bukan sekadar ingin mengetahui isu yang berlaku di sekeliling mereka, malah dalam masa yang sama mereka juga ingin mengetahui punca-punca berlaku sesuatu perkara. Perkara ini dilihat berjaya dimanfaatkan oleh pengarang apabila pengarang menggunakan tautan penghubung sebagai cara untuk menjelaskan sesuatu isu atau peristiwa dengan terperinci.

Secara kesimpulannya, aspek kohesi nahuan dilihat berupaya untuk mempertaut idea-idea dalam teks dengan tersusun dan jelas. Pemanfaatan aspek kohesi nahuan oleh pengarang dalam artikel pojok Awang Selamat ternyata dilakukan dengan baik memandangkan ciri ruangan pojok itu sendiri yang pendek serta ringkas dan memerlukan penggunaan bahasa yang mudah untuk difahami oleh khalayak pembaca. Bertitik tolak daripada senario tersebut, maka tidak hairanlah artikel Awang Selamat yang diterbitkan Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia boleh bertahan melebihi empat dekad. Hal ini membuktikan bahawa aspek kohesi nahuan telah berfungsi dengan baik sepanjang penerbitan artikel ini dalam tempoh tersebut.

BAB 4 : KOHESI LEKSIKAL DALAM TEKS AWANG SELAMAT

4.1 Pendahuluan

Bahagian ini akan memfokuskan kohesi leksikal yang juga merupakan aspek penting dalam membentuk tautan dalam teks. Kohesi leksikal ialah alatan pembinaan pautan yang penting kerana alatan inilah yang akan membawa maklumat atau idea dalam wacana. Kombinasi antara kohesi leksikal dengan kohesi nahan secara tidak langsung akan membantu membina wacana yang berpautan dan berkesatuan.

Sebagai alatan pembina pautan yang penting, kohesi leksikal akan memberi fokus terhadap kata yang terdapat dalam teks yang mencakupi pernyataan semula leksikal dan pemanfaatan leksikal berkolokasi. Pernyataan semula leksikal berlaku dalam empat cara, iaitu pengulangan kata sama atau hampir sama, pernyataan semula secara sinonim atau hampir sinonim, pernyataan semula melalui kata superordinat (yang melibatkan hiperonim) dan pernyataan semula melalui meronim.

4.2 Pernyataan Semula Leksikal

Satu daripada cara untuk mewujudkan kohesi dalam teks adalah dengan penyataan semula leksikal atau *reiteration* dalam teks (Halliday dan Hasan, 1976). Kebiasaannya, apabila pembaca membaca sesuatu teks atau wacana, pembaca akan kerap berjumpa dengan perkataan-perkataan yang sama diulang sama ada dalam perenggan atau keseluruhan teks. Hal ini termasuklah juga perkataan-perkataan yang mempunyai maksud yang sama atau hampir sama seperti kata sinonim, kata superordinat dan kata meronim yang secara tidak langsung membentuk kohesi dalam teks. Pernyataan semula leksikal sememangnya berfungsi untuk membentuk kohesi dalam teks khususnya bagi mengelakkan kebosanan mengulang kata yang sama dalam teks (Idris, 2010). Dalam hal ini, pernyataan semula leksikal tidak boleh dianggap sebagai unsur lewah sebagaimana

pendapat sesetengah ahli bahasa yang mengaitkan lewah sebagai bentuk kesalahan struktur ayat. Namun demikian, aspek kohesi berkaitan pernyataan semula leksikal bukanlah unsur lewah sebaliknya pengarang menggunakaninya dalam teks untuk mengelak pengulangan leksikal yang sama dan dalam masa yang sama dapat menimbulkan rasa yang lain pada penulisannya (Noor Suraya et.al, 2016).

4.2.1 Pengulangan Kata yang Sama atau Kata yang Hampir Sama

Dalam ruangan pojok Awang Selamat, pengarang kerap menggunakan pengulangan kata yang sama atau hampir sama dalam ayat atau perenggan. Pengulangan kata yang sama atau hampir sama dalam teks tidak akan mencacatkan makna yang ingin disampaikan atau dengan kata lain pengulangan tersebut tidak akan menjelaskan aspek kegramatisan ayat dan makna. Dalam konteks tautan, penggunaan pengulangan kata dalam teks merupakan aspek penting yang akan menjelaskan maklumat atau idea dalam wacana dengan lebih terperinci dan seterusnya membentuk kohesi dalam wacana. Menurut Mohd Rashid et.al (2012), pengulangan kata sering kali diulang sebagai kata isi. Hal ini bermakna kata yang diulang itu penting dalam ayat yang dibentuk dalam teks. Kata isi boleh dikenal pasti melalui dua cara, pertama kata isi dijadikan unsur yang tidak boleh ditinggalkan, kedua jika kata tersebut tidak diulang akan menyebabkan sesuatu teks akan terganggu sifatnya.

Berikut ialah perbincangan tentang analisis pengulangan kata yang sama dalam ruangan pojok Awang Selamat berdasarkan tema Tun Dr. Mahathir dan Bersih. Perbincangan dijelaskan menerusi dua jenis pernyataan semula leksikal, iaitu pengulangan kata yang sama dan pengulangan kata yang hampir sama. Berikut dibincangkan pengulangan kata yang sama terlebih dahulu.

4.2.1.1 Pengulangan Kata yang Sama

Pengulangan kata yang sama telah dikenal pasti wujud dalam tema Tun Dr. Mahathir dan Bersih artikel Awang Selamat. Pengulangan kata melibatkan sama ada pengulangan perkataan mahupun frasa. Menurut Dedi (2006), pengulangan kata yang sama dalam teks merupakan ciri kohesi leksikal yang melibatkan pengulangan seluruh seperti kata, frasa mahupun klausa. Menurut Abdul Rani et.al (2004), pengulangan kata yang sama dalam teks berlaku tanpa sebarang pengurangan atau perubahan terhadap bentuk kata. Kata yang sama diulang dalam teks berfungsi untuk memberi penekanan pada bahagian yang diulang dan biasanya kata yang diulang itu merupakan kata kunci yang perlu diberi perhatian. Dalam kajian ini, pengulangan kata yang sama dalam artikel Awang Selamat melibatkan pengulangan kata nama khas dan pengulangan kata ganti nama. Pengulangan kata nama khas yang sama dapat dilihat dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 : Pengulangan kata nama khas yang sama

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T1P5A1	Beberapa hari lalu, pemimpin PKR menuntut beliau memohon maaf kepada Anwar Ibrahim sementara ramai penyokong Dr.Mahathir kurang senang pertemuannya dengan Anwar di mahkamah selepas berseteru 18 tahun.
	T3P6A4	Dr.Mahathir sekarang bukan Dr.Mahathir yang dulu, yang kita selalu pertahankan.
	T6P6A3	Bukan itu sahaja Presiden Pas, Hadi Awang memberi peringatan tegas kepada pembangkang agar jangan mencipta Arab Springs di Malaysia, iaitu perhimpunan jalanan menjatuhkan kerajaan di luar proses demokrasi.
	T6P6A4	Beliau menggesa rakyat negara ini mengambil iktibar mudarat yang menimpa negara-negara yang dilanda Arab Springs yang kini merana dan hancur, yang beliau sifatkan sebagai buah lazat tetapi realitinya hanya menghasilkan ulat dan racun.
Bersih	T6P8A1	Awang tabik kepada Hadi dan Pas kerana mengambil pendirian tidak mahu diperkudakan oleh DAP .
	T6P8A2	Penolakan Pas itu suatu tamparan besar buat DAP , yang antara lain mahu menjadikan Bersih 5.0 bagi mengalihkan perhatian daripada kes rasuah Guan Eng, yang telah menjaskan teruk imej parti itu.
	T9P3A1	Seorang lagi yang dikaitkan namanya, adalah John Pang, yang bekerja di bawah Soros bagi melobi kerajaan Amerika Syarikat dalam konspirasi menjatuhkan Perdana Menteri, Mohd Najib Tun Razak.
	T9P3A2	Sebenarnya campur tangan Soros bukan baharu.

Berdasarkan Jadual 4.1, pengulangan kata nama khas yang sama dapat dilihat dalam data T1P5A1. Perkataan yang diulang ialah kata nama khas **Anwar** yang diulang sebanyak dua kali dalam ayat tersebut. Kata nama khas **Anwar** merupakan perkataan penting bagi menjelaskan kata isi bagi sesuatu idea atau maklumat yang terdapat dalam wacana. Menurut Idris (2010), kata isi merupakan unsur yang tidak boleh ditinggalkan apabila kita memperkatakan inti pati atau idea teks, malah kalau kata berkenaan tidak diulang, teks mungkin terganggu sifat kesatuan isinya. Dalam data T1P5A1, kata inti yang terdapat dalam ayat tersebut ialah kata nama khas **Anwar**. Oleh yang demikian, kata nama khas yang sama **Anwar** diulang semula dalam predikat kedua ayat tersebut bagi membentuk kohesi dalam teks.

Pengulangan kata nama khas yang seterusnya dapat dilihat dalam T3P6A4 apabila kata nama khas **Dr. Mahathir** diulang sebanyak dua kali oleh pengarang dalam ayat tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa jika kata nama khas yang sama **Dr. Mahathir** digugurkan dalam pengulangan yang kedua, maka pengutaraan idea atau maklumat dalam data tersebut akan terganggu kerana kata nama khas **Dr. Mahathir** ialah kata inti yang mempunyai fungsi penting dalam membentuk kohesi. Jika dilihat dari sudut penegasan pula, pengulangan **Dr. Mahathir** dalam subjek ayat membuktikan pengarang ruangan pojok ini amat mementingkan penegasan ideanya di samping memberi kesan kepada pembaca untuk membuat pertimbangan bahawa tokoh negarawan ini tidak lagi relevan dalam arena politik tanah air. Memandangkan ruangan pojok merupakan ruangan kritikan terhadap isu semasa, maka pengulangan kata yang sama dalam artikel sangat penting untuk dilakukan agar pembaca dapat menilai sesuatu isu dengan tepat.

Berdasarkan data T6P6A3 dan data T6P6A4, kata nama khas yang sama yang diulang semula dalam perenggan tersebut ialah **Arab Springs**. Perkataan **Arab Springs** diulang dua kali dalam perenggan oleh pengarang bagi menunjukkan maklumat ini sangat penting untuk disampaikan kepada pembaca serta perlu dijelaskan semula agar pembaca

dapat memahami isu sebenar yang sedang berlaku. Umum mengetahui bahawa isu **Arab Springs** yang mewarnai penerbitan akhbar pada tempoh penerbitan tersebut begitu hangat diperkatakan di seluruh dunia ekoran kejatuhan beberapa orang pemimpin Arab yang dianggap diktator. Penegasan perkataan **Arab Springs** dalam bentuk pengulangan semula bukanlah sesuatu yang lewah, sebaliknya perlu diulang agar pembaca memperoleh jalinan cerita atau idea yang benar-benar berkesan, apatah lagi teks ini ditulis dalam ruangan pojok. Oleh sebab ciri ruangan pojok itu sendiri yang merupakan karangan-karangan pendek, maka idea yang dikemukakan oleh pengarang perlulah jelas, ringkas dan padat agar sesuai dengan peranan ruangan pojok itu sendiri sebagai ruangan kritikan yang berkesan.

Seterusnya pengulangan kata nama khas yang sama dalam teks dapat dilihat berdasarkan data T6P8A1 dan T6P8A2 bagi tema Bersih. Cara pengarang ruangan pojok Awang Selamat membentuk jalinan idea dalam teks dengan mengulang perkataan yang sama seperti mengulang kata nama khas **Pas** dan **DAP** membuktikan teks ruangan pojok Awang Selamat dijalin dengan begitu baik sekali. Walaupun kata nama khas **Pas** dan **DAP** diulang semula, namun pengulangan tersebut tidak mencacatkan teks, malah pengulangan kata tersebut sangat penting untuk dilakukan memandangkan kata nama khas **Pas** dan **DAP** merupakan kata kunci atau kata isi yang perlu diberi perhatian. Hal ini sangat penting untuk dilakukan oleh pengarang sesebuah ruangan pojok demi menarik perhatian pembaca terhadap isu yang sedang diperkatakan. Oleh itu, pengulangan kata nama khas **Pas** dan **DAP** dalam perenggan tersebut perlu dilakukan kerana kedua-duanya merupakan kata kunci, apatah lagi percakaran yang wujud antara kedua-dua parti tersebut boleh menjadi bahan berita sensasi khususnya untuk dijadikan komentar oleh pengarang pojok.

Seterusnya data T9P3A1 dan T9P3A2 menunjukkan pengulangan kata yang sama bagi kata nama khas **Soros**. Kedua-dua data ini menunjukkan bahawa kata nama khas **Soros** perlu diulang semula dalam ayat berikutnya sebagai satu cara untuk mengingatkan

pembaca bahawa isu **Soros** sangat penting untuk difahami oleh pembaca kerana pengarang berpendapat **Soros** boleh memudaratkan negara. Dalam hal ini, pengarang mengaitkan aspek kohesi dalam tulisannya dengan mengulang kembali **Soros** dalam ayat berikutnya kerana **Soros** merupakan kata inti utama yang perlu diberi penekanan agar pembaca dapat memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang. Pemanfaatan unsur bahasa seperti pengulangan kata yang sama dalam ayat tertentu bersesuaian dengan penulisan pojok yang ringkas dan mementingkan kefahaman pembaca serta kejelasan mesej yang ingin disampaikan. Dengan kata lain, bahasa yang digunakan oleh pengarang perlulah ringkas, jelas dan padat dan tidak perlu berbunga-bunga terutama bagi menepati fungsi ruangan pojok itu sendiri sebagai medium sindiran yang pedas dan juga sebagai peringatan kepada pembaca. Dengan memanfaatkan aspek kohesi leksikal, maka pengarang berjaya mempertaut teks menjadi wacana yang bermakna.

Selain pengulangan kata nama khas yang sama, pengulangan kata ganti nama yang sama juga merupakan aspek yang terdapat dalam kohesi leksikal. Dalam konteks ini, kata ganti nama juga berkaitan dengan sistem panggilan yang dianggap penting dalam semua budaya. Menurut Maya dan Rohani (2000), bentuk kata panggilan dapat menentukan sikap, kelas sosial dan hubungan antara penutur dengan pendengar. Seseorang yang mengabaikan kata panggilan yang sesuai untuk seseorang yang lain dianggap tidak menghormati kedudukan seseorang. Hal ini memperlihatkan bahawa bentuk panggilan yang menunjukkan rasa hormat digunakan oleh setiap golongan masyarakat apabila merujuk kepada seseorang yang berlainan status (Maya dan Rohani, 2000). Bagi kajian ini, fokus akan diberikan kepada dua kata panggilan atau kata ganti nama yang terdapat dalam artikel Awang Selamat, iaitu **anda**, **kita** dan **beliau**. Jadual 4.2 menyenaraikan data yang menggunakan kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga

sebagai kata ganti nama yang sama diulang dalam teks atau ayat berdasarkan tema Tun Dr. Mahathir dan Bersih.

Jadual 4.2 : Pengulangan kata ganti nama

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T5P2A1	Anda bercakap tentang integriti tetapi bersih sangatkah anda ?
	T5P2A2	Anwar Ibrahim sudah lama membangkitkan kekayaan luar biasa keluarga anda , anak-anak dan kroni, yang setakat ini anda gagal jelaskan.
	T5P2A3	Berbilion wang hilang dalam banyak skandal dan kepincangan sepanjang 22 tahun pentadbiran anda .
	T5P2A4	Tanpa rasa malu, anda hasut rakyat ke perhimpunan jalanan yang suatu ketika dahulu anda jijikkan.
	T5P2A5	Pemerintahan anda yang pernah dilabelkan oleh DAP dan PKR sebagai diktator dan mahafiraun, terselamat daripada ledakan demi ledakan perhimpunan seumpama itu kerana majoriti rakyat bersama anda .
	T5P6A1	Sebagai pemimpin, kita bukan dinilai dengan apa yang kita mulakan tetapi bagaimana pengakhiran kita , jangan sampai menghina diri.
Bersih	T10P5A1	Meskipun beliau kini agresif mempromosikan Bersih 5, janganlah muahali memberi kewajaran kepada campur tangan Soros dalam perhimpunan haram itu.
	T10P6A2	Lagipun siapa Marina, bersih dan hebat sangatkah beliau ?

Pengulangan kata ganti nama diri kedua **anda** dalam data T5P2A1 hingga T5P2A5 memperlihatkan cara pengarang mempertaut teks dengan memanfaatkan aspek kohesi leksikal. Menurut Asmah (2015), kata ganti nama **anda** ialah kata ganti nama yang boleh menjadi mufrad dan juga jamak, lazimnya digunakan dalam iklan dan surat-menyurat dan dalam surat pekeliling, manakala menurut Awang (2007) kata ganti nama **anda** merupakan kata ganti nama jamak yang hanya sesuai digunakan dalam komunikasi tidak rasmi atau yang hanya sesuai digunakan dalam hubungan yang akrab. Dalam data T5P2A1 dan T5P2A5, pengarang menggunakan **anda** sebagai kata ganti nama yang

merujuk Tun Dr. Mahathir. Cara pengarang menggunakan kata ganti nama diri kedua **anda** untuk merujuk Tun Dr. Mahathir dilihat tidak sesuai dan tidak menghormati tokoh ini. Dalam data ini, pengarang telah mengulang kata ganti nama diri **anda** sebanyak sembilan kali dalam perenggan yang sama. Sebagai negarawan, sepatutnya pengarang menggunakan kata ganti nama ketiga **beliau** sekiranya ingin merujuk kepada Tun Dr. Mahathir, namun dalam data ini pengarang menggunakan **anda** berulang kali untuk merujuk negarawan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang telah hilang rasa hormat terhadap Tun Dr. Mahathir sehingga beliau dirujuk sebagai **anda** kerana tindak-tanduk negarawan ini yang banyak menyerang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Oleh sebab ruangan pojok merupakan ruangan kritikan tentang isu semasa, maka pengarang perlu memanfaatkan pengulangan kata yang sama dalam perenggan bagi mengkritik seseorang secara langsung bukan secara tersirat. Dalam konteks ini, pengulangan kata **anda** berulang kali yang ditujukan kepada Tun Dr. Mahathir jelas menunjukkan bahawa pengarang ingin mengkritik Tun Dr. Mahathir secara langsung dan kritikan itu disampaikan dengan penggunaan bahasa yang sangat mudah difahami oleh pembaca, iaitu dengan mengulang kata ganti **anda** dalam perenggan beberapa kali.

Perkara yang sama juga dapat diperhatikan dalam data T5P6A1. Pengulangan kata ganti nama diri pertama **kita** dalam data T5P6A1 sebanyak tiga kali membuktikan gagasan idea dalam teks sangat penting untuk dizahirkan khususnya bagi memberi pemahaman kepada pembaca. Menurut Awang (2007), **kita** merupakan kata ganti diri pertama yang digunakan oleh seseorang apabila merujuk kepada dirinya dan juga pihak yang menjadi teman bicara atau khalayaknya. Biasanya **kita** digunakan untuk menyatakan adanya persamaan keanggotaan, kepentingan dan sebagainya (Awang, 2007). Berdasarkan data T5P6A1, pengarang memberi penegasan terhadap kata ganti nama diri **kita** sebanyak tiga kali secara berturutan dalam satu ayat. Sekali pandang, pengulangan sebegini seperti bentuk lewah, namun dalam kohesi terdapat bentuk lewah

yang dibenarkan (Noor Suraya et.al, 2016). Pengulangan kata ganti nama diri **kita** dalam T5P6A1 digunakan untuk merujuk kedua-dua pihak, iaitu yang berbicara dan yang menjadi teman bicara dan khalayak. Pihak yang berbicara, iaitu pengarang pojok Awang Selamat menegaskan unsur persamaan antara dirinya dengan sasaran komunikasi, iaitu Tun Dr. Mahathir atau dalam erti kata yang sebenar pengulangan kata yang sama **kita** dalam ayat tersebut adalah sebagai peringatan sama ada kepada penulis mahupun Tun Dr. Mahathir.

Selanjutnya, seperti yang telah dinyatakan oleh Noor Suraya et.al (2016) lewah yang dibenarkan juga melibatkan pengulangan perkataan yang sama dalam ayat atau perenggan. Pengulangan kata ganti nama yang sama juga dapat dilihat dalam perenggan bagi data T10P5A1 dan T10P6A2. Pengulangan kata ganti nama dalam data tersebut ialah **beliau**, iaitu kata ganti nama diri ketiga. Kata ganti nama diri **beliau** digunakan untuk merujuk kepada orang yang dihormati seperti pemimpin, guru, ketua, pegawai dan ibu bapa dan tidak sesuai digunakan untuk merujuk kepada orang bersalah, penjenayah serta remaja dan kanak-kanak (Awang, 2007). Dalam data T10P5A1 dan T10P6A2, pengulangan **beliau** dalam data tersebut adalah untuk merujuk kepada **Marina**. Pengarang menggunakan **beliau** untuk merujuk kepada **Marina** sesuai dengan kedudukan **Marina** sebagai anak kepada bekas Perdana Menteri serta menjadi pemimpin sebuah badan bukan kerajaan. Pengulangan kata ganti nama diri ketiga **beliau** dalam data T10P6A2 secara pengulangan penuh tanpa pengurangan dan perubahan bentuk pada kata tersebut berfungsi untuk memberi tekanan kepada bahagian yang diulang. Secara umumnya, bahagian yang diulang merupakan kata kunci yang perlu diberi perhatian dalam perenggan. Dalam konteks ini, **beliau** yang merujuk kepada **Marina** merupakan bahagian yang diberi perhatian oleh pengarang kerana **Marina** merupakan kata kunci dalam isu memperomosikan Bersih 5.

4.2.1.2 Pengulangan Kata atau Frasa yang Hampir Sama

Selain pengulangan kata yang sama, pengarang ruangan pojok Awang Selamat didapati juga ada memanfaatkan aspek kohesi dengan mengulang kata atau frasa yang hampir sama dalam perenggan atau ayat. Walaupun pengulangan terjadi dalam bentuk kata atau frasa yang hampir sama, namun konstruksi kata lain yang diulang itu masih mempunyai bentuk dasar yang sama dengan bentuk asal (Abdul Rani et.al, 2004). Jadual 4.3 menunjukkan data yang melibatkan pengulangan kata yang hampir sama.

Jadual 4.3 : Pengulangan kata/frasa hampir sama

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	T1P2A2	Ini kerana kegagalan deklarasi tersebut sebelum ini dalam menarik sokongan rakyat selain isu ketulenan 1.4 juta tandatangan .
	T1P2A3	Mahathir sendiri masih gagal menjawab persoalan ketulenan kutipan tandatangan tersebut, yang dicabar dengan bukti oleh beberapa pihak.
Bersih	T5P2A4	Tanpa rasa malu, anda hasut rakyat ke perhimpunan jalanan yang suatu ketika dahulu anda jijikkan.
	T5P2A5	Pemerintahan anda yang pernah dilabelkan oleh DAP dan PKR sebagai diktator dan mahafiraun, terselamat daripada ledakan demi ledakan perhimpunan seumpama itu kerana majoriti rakyat bersama anda.
	T8P3A2	Selama ini, sudah masuk lima kali perhimpunan Bersih , kerajaan hanya memberi peringatan tanpa tindakan sedangkan ancaman yang dibawa oleh perhimpunan itu besar mudaratnya kepada negara.
	T10P1A1	Sejarah tidak berbohong betapa hartawan George Soros adalah penyangak matawang yang menyerang Malaysia mengakibatkan krisis kewangan pada 1998.
	T10P1A2	Terlalu banyak fakta juga tidak dapat dinafikan bagaimana Soros campur tangan di banyak negara termasuk menerusi dana yang berselindung atas nama demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia.
	T10P3A1	Sebab itu apabila aktivis sosial, Marina Mahathir memuji Soros sebagai dermawan yang pemurah dan juara hak asasi manusia, Awang hanya geleng kepala.
	T10P3A4	Ketika rakyat dan pelbagai pihak lantang membantah agenda campur tangan Soros, Marina bertindak songsang.

Bagi data T1P2A2 dan T1P2A3, pengulangan frasa yang hampir sama dapat dilihat melalui frasa **ketulenan 1.4 juta tandatangan** yang diulang semula dalam perenggan tersebut sebagai frasa **ketulenan kutipan tandatangan**. Walaupun pengulangan yang kedua itu sedikit berbeza dengan yang asal, namun frasa baharu tersebut masih mempunyai bentuk dasar yang sama dengan frasa yang asal. Tujuan pengarang melakukan pengulangan frasa yang hampir sama dalam perenggan adalah untuk mengelakkan pengulangan frasa yang sama serta dalam masa yang sama menimbulkan kelainan pada penulisannya.

Begitu juga dengan data T5P2A4 dan T5P2A5 apabila pengarang mengulang semula frasa **perhimpunan jalanan** sebagai **perhimpunan seumpama itu** dalam perenggan yang sama. Dalam perenggan tersebut, frasa **perhimpunan seumpama itu** masih memperlihatkan tautan pengulangan dengan frasa **perhimpunan jalanan** walaupun terdapat kata yang berbeza. Walau bagaimanapun, frasa pengulangan yang kedua itu masih membawa maksud yang sama dengan frasa pertama. Hal yang sama juga dapat dilihat dalam data T8P3A2 apabila pengarang mengulang semula frasa **perhimpunan Bersih** sebagai **perhimpunan itu**. Pengulangan kata yang hampir sama dalam perenggan tersebut membuktikan bahawa aspek makna tidak boleh diketepikan dalam mempertatakan tautan pengulangan kerana sesuatu perkara yang hendak disampaikan perlu difahami oleh pembaca. Oleh sebab itu, bahasa yang digunakan dalam ruangan pojok perlu mengaplikasikan aspek pengulangan kata yang hampir sama selaras dengan fungsi ruangan pojok itu sendiri sebagai penyalur maklumat kepada pembaca.

Sementara itu, data T10P1A1 dan T10P1A2 turut memaparkan pengulangan kata yang hampir sama dalam perenggan. Bagi data ini, kata nama khas **George Soros** telah diulang semula oleh pengarang sebagai **Soros**. Hal yang sama juga dapat dilihat dalam data T10P3A1 dan T10P3A4 apabila kata nama khas **Marina Mahathir** diulang semula sebagai **Marina**. Kedua-dua data ini menjelaskan bahawa kata yang diulang itu

merupakan kata inti yang tidak boleh dikesampingkan dalam perenggan. Sekiranya pengarang tidak mengulang semula kata nama khas tersebut dalam bentuk kata yang hampir sama, maka maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang tidak akan sampai kepada pembaca memandangkan kata inti tersebut merupakan perkara dasar yang perlu dinyatakan semula dalam ayat atau perenggan. Oleh itu, bahasa yang digunakan dalam ruangan pojok mestilah ringkas, jelas dan yang paling penting mudah untuk difahami oleh pembaca walaupun perkataan atau frasa tersebut sentiasa diulang oleh pengarang.

4.2.2 Pernyataan Semula Secara Sinonim atau yang Hampir Sinonim

Sinonim ialah suatu kata yang mempunyai makna yang sama dengan kata ‘seerti’. Kata sinonim yang berasal dari Yunani, umumnya ditakrifkan sebagai perkataan atau frasa yang mempunyai erti atau makna yang sama (S. Nathesan, 2004), manakala hampir sinonim atau kesinoniman mirip menurut Dedi (2006) ialah kesinoniman tidak sama betul. Menurut Dedi (2006), terdapat perbezaan antara sinonim dengan hampir sinonim, namun perbezaan tersebut tidak terlalu mencolok kerana hampir sinonim digantikan dengan perkataan yang masih memiliki nuansa makna yang hampir sama dengan sinonim.

Kehadiran bentuk pernyataan semula secara sinonim atau hampir sinonim dalam teks mempunyai fungsi tersendiri terutama untuk mempertaut idea dengan idea lain yang akhirnya akan mewujudkan kohesi dalam teks. Walau bagaimanapun, pernyataan semula secara sinonim mahupun hampir sinonim dalam teks tidak boleh dianggap sebagai bentuk lewah. Hal ini demikian kerana, kewujudan perkataan yang mempunyai makna yang sama dalam teks amat penting khususnya bagi mewujudkan tautan antara idea yang ingin dikemukakan oleh pengarang. Contoh pernyataan semula secara sinonim dan hampir sinonim dapat dilihat dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4 : Pernyataan semula secara sinonim dan hampir sinonim

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat
Tun Dr. Mahathir	<p>T1P4A2 T1P6A1 T1P7A2 T5P2A1 T5P2A2 T5P2A5 T5P4A2 T5P4A3</p>	<p>Apakah beliau akan memohon ampun kepada Seri Paduka selain memohon maaf kepada rakyat kerana membakar sentimen masyarakat?</p> <p>Perkembangan tersebut menyerahkan Dr. Mahathir makin tertekan dan terdesak, yang sifat itu tidak seharusnya ada pada pemimpin besar.</p> <p>Buktinya, satu demi satu percaturan Dr.Mahathir setakat ini tidak menjadi, malah menyebabkan beliau makin merudum pengaruh, sokongan dan simpati.</p> <p>Anda bercakap tentang integriti tetapi bersih sangatkah anda?</p> <p>Anwar Ibrahim sudah lama membangkitkan kekayaan luar biasa keluarga anda, anak-anak dan kroni, yang setakat ini anda gagal jelaskan.</p> <p>Pemerintahan anda yang pernah dilabelkan oleh DAP dan PKR sebagai diktator dan mahafiraun, terselamat daripada ledakan demi ledakan perhimpunan seumpama itu kerana majoriti rakyat bersama anda.</p> <p>Amarah dan dendam menguasai diri.</p> <p>Tidak hairan mengapa pemimpin Pas termasuk Nik Abduh Nik Aziz seru anda bertaubat, belajar agama dan mencermin diri.</p>
Bersih	<p>T6P4A1 T7P1A2 T7P2A1 T9P6A1 T9P8A2 T10P3A1</p>	<p>Awang melihat ini adalah petunjuk kepada keresahan DAP bahawa Perhimpunan Bersih 5.0 yang parti itu kuasai, tidak akan memberikan impak tanpa sokongan Pas yang mempunyai ramai ahli dan penyokong di akar umbi.</p> <p>Cuma yang menganggu fikiran adalah kempen agresif sehingga tahap menghasut rakyat bagi menyertai perhimpunan tersebut yang berselindung atas nama hak asasi dan kebebasan.</p> <p>Pendekatan membakar sentimen rakyat melalui fitnah dan tohmahan adalah berbahaya.</p> <p>Selama ini, perhimpunan tersebut berselindung atas pelbagai slogan termasuk demokrasi dan kebebasan tetapi sebenarnya membuka lebih luas campur tangan asing.</p> <p>Siapa pemimpin dan figura politik kita yang terlibat?</p> <p>Sebab itu apabila aktivis sosial, Marina Mahathir memuji Soros sebagai dermawan yang pemurah dan juara hak asasi manusia, Awang hanya geleng kepala.</p>

Jadual 4.4 menunjukkan beberapa contoh pernyataan semula secara sinonim dan hampir sinonim yang wujud dalam data kajian. Perkataan yang mempunyai maksud yang sama atau sinonim telah dihitamkan. Sebagai contoh, dalam data T1P4A2 perkataan **ampun** telah dinyatakan semula dalam ayat sebagai **maaf**. Kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang sinonim. Menurut Asmah (2016), **ampun** merupakan ungkapan bahasa diraja yang digunakan oleh gologan raja yang bermaksud **maaf**, manakala **maaf** pula menurut Kamus Dewan (2005) bermaksud **ampun**. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengarang menggunakan kedua-dua perkataan sinonim ini dalam teks bagi menyatakan perbezaan penggunaannya, iaitu **ampun** merujuk Seri Paduka, manakala **maaf** merujuk rakyat.

Bagi data T1P6A1, perkataan **tertekan** telah dinyatakan semula dalam ayat tersebut sebagai **terdesak**. Menurut Kamus Dewan (2005), **tertekan** bermaksud ditekan, tertindas, tertindih, manakala **terdesak** bermaksud tertindas, tertekan; dalam kesusahan. Disebabkan kedua-dua perkataan ini merupakan kata yang hampir sinonim, maka penggunaannya dalam teks seakan-akan kelihatan lewah. Dalam situasi sebegini, pernyataan semula leksikal sangat perlu dan bukannya lewah memandangkan pengarang ingin mewujudkan kesan dramatik dalam tulisannya serta bertepatan dengan ruangan pojok sebagai ruangan komentar yang bernas. Kesan dramatik yang dimaksudkan ialah ialah berkaitan tindak-tanduk Tun Dr. Mahathir yang dianggap oleh pengarang bukan sahaja **tertekan**, malah turut **terdesak** sehingga pembaca dapat menghayati satu tautan makna yang sangat berkesan dalam teks.

Seterusnya data T1P7A2 turut memaparkan pengarang pojok Awang Selamat menggunakan dua perkataan yang hampir sinonim dalam membentuk kohesi leksikal dalam teks. Perkataan **sokongan** dan **simpati** dalam data T1P7A2 mempunyai maksud yang hampir sama. Menurut Kamus Dewan (2005, p. 1513), **sokongan** ialah,

1. sesuatu yg dijadikan sokong (tiang dll), tunjangan; 2. perbuatan menyatakan persetujuan dan memberi perangsang dgn atau tanpa bantuan kebendaan, bantuan (wang dll), pertolongan: tidak ada sebuah parti politik yg boleh kekal berkuasa tanpa ~ orang Melayu; ~ moral sokongan yg tidak berupa bantuan kebendaan tetapi yg memberikan perangsang (mengukuhkan semangat dsb);

Perkataan **simpati** yang merupakan bentuk pernyataan yang hampir sinonim kepada **sokongan** menurut Kamus Dewan (2005) bermaksud perasaan bersetuju untuk menyokong sesuatu idea, pendapat dan sebagainya. Pengulangan perkataan **simpati** oleh pengarang menjadikan kata **sokongan** sangat mantap dari segi makna terutama bagi menjelaskan idea pengarang tentang tindak-tanduk Tun Dr. Mahathir dalam arena politik negara yang dikatakan cuba untuk meraih sokongan dan simpati daripada rakyat. Kedua-dua perkataan ini apabila bergabung dalam teks secara tidak langsung dapat menarik perhatian pembaca terhadap isu-isu politik yang sedang berlaku, khususnya tentang Tun Dr. Mahathir.

Sementara itu, **integriti** dan **bersih** dalam data T5P2A1 juga mempunyai maksud yang sinonim. Walaupun kedua-duanya nampak lewah dalam ayat, namun dari aspek kohesi pernyataan semula perkataan **bersih** memberi makna pautan yang lebih jelas terhadap **integriti** kerana **integriti** itu sendiri berkaitan seseorang yang bersih daripada sebarang salah laku. Menurut Kamus Dewan (2005), **integriti** ialah kejujuran, keadaan sempurna dan utuh, manakala **bersih** bermaksud jujur, bebas daripada amalan tidak baik seperti penyelewengan dan rasuah. Tujuan pengarang menyatakan semula **integriti** sebagai **bersih** dalam teks adalah sebagai pedoman kepada pembaca agar menjadi pemimpin berintegriti dan bersih daripada salah laku dan perkara ini perlu dikongsi dengan pembaca melalui ruangan pojok yang berfungsi sebagai pandangan dan kritikan sepintas lalu yang ringan, namun jauh lebih penting adalah untuk memberi pengajaran kepada pembaca.

Seterusnya, **Keluarga**, **anak-anak** dan **kroni** seperti yang dinyatakan dalam data T5P2A2 juga merupakan bentuk pernyataan semula secara hampir sinonim. Pembaca yang membaca teks ini tetap memahami perkataan **anak-anak** dan **kroni** yang sememangnya merujuk kepada **keluarga** atau yang sangat dekat dengan seseorang. Menurut Kamus Dewan (2005), **kroni** ialah rakan atau teman yang rapat dan biasanya digunakan dalam situasi negatif atau yang melibatkan kepentingan peribadi. Sebagai ruangan komentar yang penuh dengan sindiran tajam, ruangan pojok dilihat berfungsi untuk memberi sindiran terhadap seseorang khususnya pemimpin politik. Dalam konteks ini, pengarang menyindir Tun Dr. Mahathir yang dikatakan memberi kontrak kepada rakan-rakan, kaum keluarga, teman rapat atau kroni sewaktu era pemerintahan beliau dahulu. Pernyataan semula kata yang sinonim ini secara tidak langsung mengingatkan pembaca tentang zaman pemerintahan Tun Dr. Mahathir dahulu selama 22 tahun.

Sementara itu, data T5P2A5 mengemukakan dua perkataan yang turut mempunyai pengertian yang sama. Pengarang ruangan pojok Awang Selamat menggambarkan Tun Dr. Mahathir sebagai **diktator** dan diikuti dengan perkataan **mahafiraun** dalam predikat ayat tersebut. Umum mengetahui **diktator** merupakan pemerintahan kuku besi yang disamakan dengan Firaun, iaitu seorang pemerintah yang zalim pada zaman Mesir Kuno. Apabila pengarang menyatakan semula **diktator** sebagai **mahafiraun** untuk merujuk Tun Dr. Mahathir, perkara ini dianggap sinonim untuk dikaitkan dengan kohesi kerana idea pertama tentang **diktator** dikaitkan semula dengan **mahafiraun** untuk menggambarkan kekejaman pemerintahan seseorang pemimpin. Menurut laporan Umnoonline, semasa Pengurus Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, antara gelaran yang paling hangat diberikan oleh musuh politiknya ialah **mahafiraun** (Blusamurai, 2017). Hal ini berikutan caranya melayan musuh politiknya yang pada ketika itu, sekiranya didapati melawannya, musuh politiknya itu pasti akan disumbat ke dalam I.S.A. Beberapa belas tahun sudah

berlalu, gelaran **mahafiraun** masih kekal dalam ingatan buat penyokong pembangkang, namun kali ini senarionya berbeza. Gelaran **mahafiraun** yang dikatakan hampir sama dengan ejaan pada pangkal nama **Mahathir** menyebabkan gelaran ini sinonim dengan beliau apatah lagi beliau juga dianggap oleh pembangkang sebagai **diktator** semasa memerintah selama 22 tahun apabila, namun bagi Tun Dr. Mahathir beliau tidak peduli dengan gelaran tersebut (Looi Sue-Chen, 2017). Menurut Mohd Zuhdi (2017), sifat diktator politik Dr. Mahathir dapat dilihat apabila beliau mencantas semua pimpinan UMNO dan timbalan Perdana Menteri yang menggugat kedudukannya, daripada Tengku Razaleigh sehingga Anwar Ibrahim, malah beliau juga pemimpin politik yang berani menyanggah raja-raja Melayu. Menurut Idris (2010), pada 18 Januari 1993 Umno di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir telah membuat pindaan Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan raja dihadapkan ke Mahkamah Khas. Apabila raja-raja Melayu meminta menangguhkan pindaan tersebut, UMNO melancarkan kritikan terbuka terhadap salah laku raja-raja. Oleh itu, wujud persamaan maksud antara dua kata sinonim antara **diktator** dengan **mahafiraun**.

Seterusnya, pernyataan semula secara sinonim dalam data T5P4A2 ialah perkataan **dendam**. Perkataan **dendam** merupakan pernyataan semula bagi perkataan **amarah** yang telah diterangkan terlebih dahulu. Pengarang menggunakan kedua-dua perkataan ini secara bersama dalam bentuk lewah yang perlu bagi memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Oleh sebab ruangan pojok merupakan komentar yang padat dengan sindiran serta mengandungi kritikan pedas, maka bahasa yang digunakan perlulah mudah untuk difahami oleh pembaca. Dalam konteks ini, apabila **amarah** dinyatakan semula sebagai **dendam**, maka pembaca akan mudah untuk faham bahawa **dendam** akan menyalakan api **amarah** terhadap seseorang.

Bagi data T5P4A3, pengarang telah menggunakan tiga perkataan sinonim dalam perenggan tersebut, iaitu **bertaubat**, **belajar agama** dan **mencermin diri**. Ketiga-tiga

perkataan ini berkaitan kesedaran diri yang perlu ada dalam diri seseorang cuma perbezaanya ialah **taubat** berasal daripada bahasa Arab, manakala **mencermin diri** ialah ungkapan yang berkaitan konsep mengenali diri, iaitu antara fizikal dan roh (Muhaya, 2016). Ketiga-tiga perkataan ini mempunyai maksud yang sinonim antara satu sama lain dan digunakan oleh pengarang dalam T3P4A3 bertujuan untuk memberi penekanan terhadap aspek kesedaran diri yang ditujukan kepada Tun Dr. Mahathir. Sindiran keinsafan itu dinyatakan dalam pernyataan semula secara sinonim khusus untuk mengingatkan Tun Dr. Mahathir agar beliau sentiasa bermuhasabah dan memberi tumpuan kepada agama dan bukan lagi terlibat dalam politik.

Pernyataan semula kata sinonim juga dapat dilihat menerusi perkataan **penyokong** dan **ahli** dalam data T6P4A1. Menurut Kamus Dewan (2005), **penyokong** bermaksud orang yang menyokong (membantu, menolong) dan pengikut, manakala **ahli** bermaksud anggota kepada pertubuhan, persatuan, golongan dan lain-lain. Kedua-dua takrifan ini menunjukkan bahawa **penyokong** dan **ahli** merupakan dua perkataan yang sinonim. Walaupun ahli merupakan pengulangan perkataan lain, namun perkataan **ahli** tetap berkait dengan penyokong. Dengan mengulang perkataan sinonim dalam teks, secara tidak langsung dapat mempertahankan idea atau topik yang sedang dibincangkan.

Berikutnya dalam data T7P1A2, **hak asasi** dan **kebebasan** juga merupakan dua entiti yang sinonim. Umum mengetahui bahawa satu daripada perkara yang tercakup dalam **hak asasi** ialah **kebebasan**. Oleh yang demikian, perkataan **kebebasan** yang dinyatakan semula oleh pengarang dalam teks sebenarnya merupakan sinonim bagi **hak asasi**. Dalam aspek kohesi, pernyataan semula dalam bentuk sinonim dapat memberi penjelasan kepada pembaca tentang takrifan sesuatu perkataan atau frasa yang sukar untuk difahami, namun pembaca dapat memperoleh semula maksud yang ingin disampaikan melalui pernyataan semula secara sinonim atau dengan kata lain **hak asasi** itu sendiri merupakan **kebebasan**.

Di samping itu, perkataan **fitnah** dan **tohmahan** juga merupakan unsur sinonim yang terdapat dalam data T7P2A1 dan membantu menjadikan sesuatu teks itu berpautan. Kedua-dua perkataan ini menurut Kamus Dewan (2005) bermaksud tuduhan yang berdasarkan syak wasangka. Dalam aspek kohesi, walaupun kedua-duanya kelihatan lewah, namun bentuk kelewanhan ini merupakan lewah yang perlu bagi menimbulkan kesan mewah dan kaya dalam sesebuah teks (Noor Suraya et.al, 2016). Begitu juga halnya dengan perkataan **demokrasi** dan **kebebasan** seperti yang terdapat dalam data T9P6A1. Kedua-dua perkataan ini mempunyai makna yang sinonim dan apabila pengarang menggunakan secara serentak dalam ayat, maka kesan mewah terhadap sesuatu karya akan terjelma apabila perkataan kedua dapat melengkapkan maksud perkataan pertama.

Selain itu, **pemimpin** dan **figura politik** yang terdapat dalam data T9P8A2 turut menunjukkan pernyataan semula secara sinonim dalam teks. Frasa **figura politik** dianggap sinonim dengan **pemimpin** kerana kedua-dua perkataan ini mewakili rakyat. Penggunaan kedua-dua perkataan ini yang mempunyai maksud yang sinonim menunjukkan bahawa pernyataan semula secara sinonim dalam teks sangat penting dalam membentuk kohesi. Bagi data T10P3A1, dua perkataan yang mempunyai makna sinonim dalam membentuk kohesi dalam teks ialah **dermawan** dan **pemurah**. **Pemurah** menurut Kamus Dewan (2005) ialah orang yang suka memberi dan tidak kedekut. Hal ini menunjukkan bahawa perkataan **pemurah** bersinonim dengan **dermawan** kerana **dermawan** bermaksud orang yang suka menderma. Pengulangan perkataan-perkataan tersebut sebagai pengulangan sinonim dalam teks berfungsi untuk mengingatkan pembaca tentang sesuatu isu memandangkan ruangan pojok itu sendiri merupakan komentar yang padat dan bernas, maka aspek bahasa juga perlu diberi perhatian agar pembaca benar-benar faham sesuatu isu yang dipaparkan. Berikut ialah ringkasan pernyataan semula secara sinonim dan hampir sinonim dalam ruangan pojok Awang Selamat berdasarkan data T1P4A2 hingga data T10P3A1:

T1P4A2	ampun	=	maaf
T1P6A1	tertekan	=	terdesak
T1P7A2	sokongan	=	simpati
T5P2A1	integriti	=	bersih
T5P2A2	keluarga	=	anak-anak, kroni
T5P2A5	diktator	=	mahafiraun
T5P4A2	amarah	=	dendam
T5P4A3	bertaubat	=	belajar agama, mencerminkan diri
T6P4A1	ahli	=	penyokong
T7P1A2	hak asasi	=	kebebasan
T7P2A1	fitnah	=	tohmahan
T9P6A1	demokrasi	=	kebebasan
T9P8A2	pemimpin	=	figura politik
T10P3A1	dermawan	=	pemurah

4.2.3 Pernyataan Semula Melalui Kata Superordinat (Hiponim)

Pernyataan semula melalui kata superordinat merupakan satu daripada cara untuk membentuk kohesi dalam teks. Superordinat atau hiponim merupakan kata yang maknanya terangkum dalam makna kata lain. Sebagai contoh, bunga merupakan bentuk hiperonim, iaitu kata yang lebih umum, manakala melur, tanjung dan anggerik ialah hiponim kepada bunga. Dalam masa yang sama melur, tanjung dan anggerik ialah kohiponim antara sata sama lain.

Oleh yang demikian, penggunaan kata superordinat atau hiponim dalam teks secara tidak langsung akan membentuk kohesi terutama pautan antara satu idea dengan idea yang lain. Rajah 4.1 hingga Rajah 4.8 menunjukkan 8 contoh pernyataan semula melalui kata superordinat yang dipetik daripada 10 artikel Awang Selamat. Hiperonim merupakan bentuk kata umum, manakala hiponim merujuk kata yang khusus.

T1P3A1 Awang **menjunjung kasih** ke atas Tuanku Abdul Halim kerana **memperkenankan** Dr. Mahathir **mengadap**. **T1P3A2** Ternyata dakwaan beliau keronnya Yang di-Pertuan Agong dikenakan tahanan di **istana** adalah tidak benar.

hiperonim (T1P3A2):



hiponim (T1P3A1):

memperkenankan mengadap menjunjung kasih

Rajah 4.1 : Hiperonim istana

Berdasarkan data T1P3A2 tema Tun Dr. Mahathir, perkataan **istana** merupakan hiperonim atau kata umum yang bermaksud rumah kediaman raja. Umum mengetahui apabila masyarakat menyebut perkataan **istana**, maka laras bahasa yang akan digunakan mestilah merujuk golongan diraja. Dalam hal ini, **istana** merupakan bentuk hiperonim, manakala hiponimnya ialah **menjunjung kasih**, **memperkenan** dan **mengadap**. **Menjunjung kasih** bermaksud berterima kasih, **memperkenan** bermaksud bersetuju, manakala **mengadap** ertiya berjumpa. Ketiga-tiga kohiponim tersebut sangat tepat untuk dikaitkan dengan **istana** kerana laras bahasa tersebut sememangnya digunakan untuk merujuk golongan istana atau raja yang secara tidak langsung membentuk kohesi dalam teks.

T3P1A1 Apabila Dr.Mahathir Mohamad menamakan Muhyiddin Yassin sebagai bakal **Perdana Menteri** atas tiket Parti Pribumi jika pakatan pembangkang menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), ia mengundang tindak balas negatif.

T3P5A3 Daripada seorang **negarawan** yang dijunjung kini Dr. Mahathir menjadi **pemimpin** yang disangskian kewibawaan dan keikhlasannya.

hiperonim (T3P5A3):

hiponim (T3P1A1, T3P5A3):

Perdana Menteri

pemimpin

negarawan

Rajah 4.2 : Hiperonim pemimpin

Kohesi leksikal melalui kata superordinat yang seterusnya dapat dilihat dalam data T3P5A3. Dalam data ini, bentuk hiperonim ialah kata nama am **pemimpin**. Sebagai bentuk kata umum, **pemimpin** dapat dikaitkan sebagai **Perdana Menteri** dan **negarawan**. **Perdana Menteri** dan **negarawan** ialah hiponim kepada **pemimpin** kerana kedua-dua kohiponim tersebut ialah orang yang sedang atau pernah memimpin. Pernyataan semula kata superordinat dalam ruangan pojok menunjukkan pengetahuan pengarang tentang isu yang sedang dibicarakan. Pengarang bijak untuk mengaitkan pemimpin sebagai hiperonim kepada **Perdana Menteri** dan **negarawan** memandangkan ruangan pojok merupakan ruangan komentar yang memerlukan penggunaan bahasa yang jelas dan tepat.

T4P1A1 Impian Mahathir Mohamad untuk menarik Pas menyertai **Pakatan Harapan** yang diketuai oleh DAP, tidak kesampaian sebagaimana terzahir dalam konvensyen pakatan itu samalam.

T4P2A1 Sudah hampir pasti Pas tidak akan bersama-sama **DAP**, **PKR**, **PAN**, dan **Parti Pribumi Bersatu Malaysia** yang telah mencapai persetujuan meniru konsep BN menggunakan logo yang sama.

hiperonim (T4P1A1):

hiponim (T4P2A1):

Pakatan Harapan

DAP

PKR

PAN

Parti Pribumi Bersatu

Rajah 4.3 : Hiperonim Pakatan Harapan

Pernyataan semula melalui kata superordinat juga dapat dilihat dalam data Rajah 4.3. Bagi data T4P1A1, bentuk umum atau hiperonim ialah **Pakatan Harapan**. Pengarang ruangan pojok Awang Selamat menjelaskan dengan terperinci tentang **Pakatan Harapan** apabila menyenaraikan **DAP, PKR, PAN, Parti Pribumi Bersatu Malaysia** sebagai hiponim dalam data T4P2A1. Keempat-empat kohiponim tersebut sebenarnya telah membentuk kohesi dalam teks kerana mempunyai kaitan dengan hiperonim **Pakatan Harapan**. Jika pengarang tidak menjelaskan semula hiperonim **Pakatan Harapan**, pembaca mungkin mengalami kesukaran untuk memahami hiperonim tersebut kerana tiada penjelasan dibuat. Hal ini menunjukkan bahawa hiperonim dan hiponim dapat memudahkan pembaca memahami sesuatu perkara dengan lebih jelas. Dalam masa yang sama, penyenaraian hiperonim **Pakatan Harapan** dalam ruangan pojok bukan sekadar untuk membentuk tautan dalam teks, malah dapat menambahkan pengetahuan sedia ada pembaca tentang parti-parti politik yang terdapat di bawah **Pakatan Harapan**.


T5P4A4 Anda pernah berulang kali menegaskan bahawa perhimpunan haram termasuk Bersih adalah ancaman kepada rakyat dan **sistem demokrasi**.

T5P6A3 Mengapa anda tidak menunggu sahaja **pilihan raya** umum, dengan meyakini kuasa penentuan rakyat di **peti undi**.

T5P7A1 Bukan sebaliknya membuka lebih luas campur tangan asing melalui **perhimpunan** ala *Arab Springs*, yang telah meranapkan beberapa negara Islam.

hiperonim (T5P4A4):

hiponim (T5P6A3, T5P7A1):



Rajah 4.4 : Hiperonim sistem demokrasi

Frasa **sistem demokrasi** juga merupakan bentuk kata umum atau hiperonim yang terdapat dalam Rajah 4.4 data T5P4A4. Frasa **sistem demokrasi** telah dinyatakan semula dalam bentuk superordinat seperti **pilihan raya, peti undi** dan **perhimpunan**. Ketiga-

tiga kohiponim tersebut yang terdapat dalam data T5P6A3 dan T5P7A1 sesuai untuk dikaitkan dengan **sistem demokrasi**. Lazimnya apabila diperkatakan tentang **demokrasi**, maka kita akan berkata tentang **pilihan raya, peti undi dan perhimpunan**. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga kohiponim tersebut sebahagian daripada elemen yang terdapat dalam demokrasi. Dengan ini jelaslah bahawa hubungan antara hiperonom dan hiponim dapat membentuk kohesi dalam teks.

Seterusnya data T6P2A1, T6P5A3 dan T6P8A3 dalam Rajah 4.5 telah menyenaraikan **November, perhimpunan haram, baju kuning** sebagai hiponim. Ketiga-tiga kohiponim tersebut merupakan pernyataan semula melalui superordinat bagi hiperonom **Bersih 5.0** dalam data T6P2A1. Perhimpunan **Bersih 5.0** dinyatakan semula sebagai hiponim **November** kerana perhimpunan ini telah diadakan pada bulan November 2016, manakala **perhimpunan haram** juga merupakan hiponim kepada **Bersih 5.0** kerana perhimpunan tersebut tidak mendapat permit daripada pihak polis. Hiponim **baju kuning** yang merupakan bentuk khusus pula dikaitkan dengan **Bersih 5.0** kerana peserta perhimpunan Bersih 5.0 telah ditetapkan untuk memakai **baju kuning**. Tuntasnya, Ketiga-tiga kohiponim ini mendokong makna khusus yang dapat membentuk kohesi dalam teks.

T6P2A1 Awang hanya tersenyum apabila Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng (yang kini berdepan dengan pendakwaan kes rasuah di mahkamah) mempelawa Pas untuk menyertai dan menjaya perhimpunan **Bersih 5.0** pada **November** ini.

T6P5A3 Antara faktornya, majoriti rakyat mahu mempertahankan demokrasi dengan penentuan melalui proses pilihan raya, bukannya **perhimpunan haram**.

T6P8A3 Tidak sabar rasanya melihat Guan Eng beraksi memakai **baju kuning** seolah-olah beliau manusia paling bersih dan kelihatan bersih di dunia.

hiperonim (T6P2A1):

hiponim (T6P2A1, T6P5A3, T6P8A3):



Rajah 4.5 : Hiperonom Bersih 5.0


Seterusnya perkataan **pembangkang** dalam Rajah 4.6 menerusi data T6P3A1 ialah hiperonim. Perkataan **pembangkang** sebagai hiperonim telah dinyatakan semula sebagai hiponim seperti **DAP**, **PKR**, **PAN** dan **Parti Peribumi** dalam data T6P5A1 secara tidak langsung turut membentuk kohesi dalam teks. Di negara kita, apabila disebut sahaja parti **pembangkang**, maka akan terlintas dalam fikiran rakyat parti-parti **pembangkang** seperti **DAP**, **PKR**, **PAN** dan **Parti Pribumi**. Pernyataan semula melalui kata superordinat atau hiponim ini perlu dilakukan oleh pengarang bagi memberi kesan yang mendalam kepada pembaca dalam menghayati sebuah teks atau karya yang saling berpaut antara satu sama lain dan berkesan dari segi maknanya.

T6P3A1 Sebelum ini mereka mendabik dada melaungkan DAP dan **pembangkang** tidak memerlukan Pas untuk mempengaruhi rakyat semua kaum.

T6P5A1 Ia juga mesej jelas bahawa **DAP** masih tidak yakin kepada parti pembangkang lain iaitu **PKR**, **PAN** mahupun **Parti Pribumi** untuk menarik sokongan majoriti orang Islam sebagaimana kegagalan Perhimpunan Bersih 4.0 di sebalik perancangan besar-besaran yang lama diatur.

hiperonim (T6P3A1):

hiponim (T6P5A1):



Rajah 4.6 : Hiperonim pembangkang

T8P2A1 Menteri di **Jabatan Perdana Menteri**, Abdul Rahman Dahlan tampil dengan kenyataan tegas.

T8P2A3 Menurut beliau, **Unit Perancang Ekonomi (EP)** dan **Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)** akan mengenal pasti syarikat atau individu terbabit untuk disenaraihitamkan.

hiperonim (T8P2A1):

hiponim (T8P2A3): **Unit Perancang Ekonomi (EP)**

Jabatan Perdana Menteri

Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)


Rajah 4.7 : Hiperonim Jabatan Perdana Menteri

Di samping itu, pengarang ruangan pojok Awang Selamat juga ingin menjelaskan tentang **Jabatan Perdana Menteri** seperti yang terdapat dalam data T8P2A1. Seseorang pembaca mungkin tidak mengetahui agensi atau bahagian lain yang terdapat di bawah **Jabatan Perdana Menteri**, namun apabila pengarang menyatakan semula **Jabatan Perdana Menteri** melalui kata superordinat pengetahuan pembaca akan bertambah. Pernyataan semula **Jabatan Perdana Menteri** melalui kata khusus atau hiponim seperti **Unit Perancang Ekonomi (EP)** dan **Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)** akan menambahkan pengetahuan pembaca tentang agensi-agensi yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri serta bidang kuasa yang terletak di bawah bidang kuasa **Jabatan Perdana Menteri**. Hal ini menunjukkan bahawa hiperonim dan hiponim berfungsi untuk menjelaskan dengan lebih terperinci tentang sesuatu perkara kepada pembaca.

T10P1A1 Sejarah tidak berbohong betapa hartawan **George Soros** adalah **penyangak matawang** yang menyerang Malaysia mengakibatkan krisis kewangan pada 1998.

T10P3A1 Sebab itu apabila aktivis sosial, Marina Mahathir memuji Soros sebagai **dermawan** yang pemurah dan **juara hak asasi manusia**, Awang hanya geleng kepala.

T10P3A2 Hartawan yang ternyata membawa ancaman dan mudarat besar kepada negara mahu dijulang sebagai **hero**.



Rajah 4.8: Hiperonim George Soros

Seterusnya Rajah 4.8 mengetengahkan **George Soros** sebagai bentuk leksikal umum. Sebagai kata nama khas berbentuk hiperonim, **George Soros** telah dijelaskan dengan lebih terperinci oleh pengarang ruangan pojok **Awang Selamat** dengan menyenaraikan lima lagi hiponim tentang diri tokoh kontroversi ini, iaitu **penyangak matawang**, **dermawan**, **juara hak asasi manusia**, **hartawan** dan **hero**. Kelima-lima

kohiponim tersebut dapat membentuk kohesi dalam teks kerana menjelaskan secara khusus terhadap hiperonim yang berbentuk umum.

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa pernyataan semula melalui kata superordinat memainkan peranan sangat penting khususnya dalam membentuk kohesi dalam teks. Kepelbagaiannya bentuk hiponim yang terdapat dalam teks akan mempertaut idea menjadi lebih tersusun dan difahami oleh pembaca.

4.2.4 Pernyataan Semula Melalui Meronim

Bagi artikel Awang Selamat, pernyataan semula melalui meronim juga menjadi satu daripada ciri kohesi leksikal yang penting untuk diberi perhatian. Dua jenis meronim yang akan diketengahkan dalam kajian ini ini ialah meronim wajib (*necessary*) dan meronim pilihan (*optional*). Jadual 4.5 ialah contoh pernyataan semula meronim wajib (*necessary*) berdasarkan tema Tun Dr. Mahathir dan Bersih.

Jadual 4.5 : Meronim wajib dalam ruangan pojok Awang Selamat

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat / Meronim
Tun Dr. Mahathir	T1P1A1	Seperti yang dijangka, penyerahan Deklarasi Rakyat oleh Dr. Mahathir Mohamad kepada Yang di-Pertuan Agong di Istana Anak Bukit, Alor Setar kelmarin tidak memberi impak. Dr. Mahathir Mohamad < Deklarasi Rakyat
	T2P2A2	Tuanku Abdul Halim memberikan penjelasan terhadap kunjungan daripada Dr.Mahathir .
	T2P2A3	Seri Paduka melalui kenyataan kepada Perdana Menteri menegaskan tidak mahu mencampuri usaha Parti Pribumi dan menyifatkan Deklarasi Rakyat tidak mengikut perlumbagaan. Dr. Mahathir < Parti Pribumi
Bersih	T3P3A1	DAP dan PKR, tetap mahukan Anwar Ibrahim sementara PAS (yang kini menolak DAP) mengambil pendirian presidennya, Hadi Awang lebih layak. Hadi Awang < PAS
	T6P2A1	Awang hanya tersenyum apabila Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng (yang kini berdepan dengan pendakwaan kes rasuah di mahkamah) mempelawa Pas untuk menyertai dan menjaya perhimpunan Bersih 5.0 pada November ini. Setiausaha Agung DAP > Lim Guan Eng
	T7P2A3	Diburukkan dengan nada pimpinan gereja tertentu mahu menangguk di air keruh dengan menyeru orang ramai menyertai Bersih 5.0 seperti yang dibidas oleh Naib Presiden Parti Cinta Malaysia, Huan Cheng Guan . Naib Presiden Parti Cinta Malaysia > Huan Cheng Guan

Jadual 4.5 menyenaraikan 5 meronim wajib (*necessary*) yang melibatkan bahagian yang mempunyai hubungan yang saling memerlukan dan melengkapinya antara satu sama lain. Berdasarkan data T1P1A1, lambang < menunjukkan **Dr. Mahathir** mempunyai hubungan rapat dengan **Deklarasi Rakyat** kerana beliau merupakan pemimpin yang telah mencetuskan pembentukan **Deklarasi Rakyat**, manakala dalam data T2P2A2 dan T2P2A3 lambang < menjelaskan **Dr. Mahathir** juga mempunyai pertalian dengan **Parti Pribumi** kerana beliau ialah pengurus parti tersebut. Bagi data T3P3A1, lambang < menunjukkan bahawa **Hadi Awang** mempunyai hubungan yang

tidak boleh dipisahkan dengan **PAS** kerana beliau merupakan meronim kepada presiden parti tersebut. Bagi data T6P2A1, lambang > menunjukkan **Setiausaha Agung DAP** merupakan holonim yang mempunyai hubungan dengan meronim **Lim Guan Eng**, sementara lambang > menunjukkan **Naib Presiden Parti Cinta Malaysia** mempunyai hubungan rapat dengan **Huan Cheng Guan**. Kelima-lima contoh dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa meronim wajib (*necessary*) mempunyai hubungan yang sangat rapat antara holonim dengan meronim kerana masing-masing perlu hadir serentak. Sekiranya holonim tersebut tidak dikaitkan dengan meronim, maka tautan leksikal tidak akan berlaku.

Selain meronim wajib (*necessary*), tautan idea dalam teks juga dapat dijalin melalui meronim pilihan atau *optional*. Menurut Murphy (2006), meronim pilihan boleh berdiri dengan sendiri dan tidak bergantung pada unsur lain untuk melengkapkan makna seperti hubungan antara *handle* dengan *door* yang beri simbol *handle* < *door*. Dalam konteks ini, *handle* merupakan sebahagian daripada *door* dan *door* tanpa *handle* tetap dipanggil *door* kerana *door* tidak semestinya bergantung pada *handle* untuk membentuk makna *door*. Jadual 4.6 menunjukkan beberapa contoh meronim pilihan yang dipetik daripada artikel pojok Awang Selamat.

Jadual 4.6 : Meronim pilihan dalam ruangan pojok Awang Selamat


Tema	No Teks/ Perenggan/Ayat	Contoh Ayat / Meronim
Tun Dr. Mahathir	T5P1A3	Apabila anda menyertai perhimpunan Bersih tahun lepas, anda sudah lari daripada landasan prinsip sendiri.
	T5P3A1	Semalam, anda sekali lagisertai perhimpunan itu, yang dikuasai penyokong DAP dengan memakai baju kuning .
Bersih	T6P3A1	T6P3A1 Sebelum ini mereka mendabik dada melaungkan DAP dan pembangkang tidak memerlukan Pas untuk mempengaruhi rakyat semua kaum.
	T10P5A1	Meskipun beliau kini agresif mempromosikan Bersih 5 , janganlah mahu memberi kewajaran kepada campur tangan Soros dalam perhimpunan haram itu.

Bagi tema Tun Dr. Mahathir, data T5P3A1 menunjukkan **baju kuning** merupakan meronim bagi **Bersih**. Walaupun peserta-peserta perhimpunan **Bersih** dikatakan memakai baju kuning untuk menghadiri perhimpunan ini, namun **Bersih** dilihat boleh berdiri dengan sendiri dan tidak mengharapkan **baju kuning** semata-mata sebagai meronimnya. Dalam konteks ini, **Bersih** merupakan meronim pilihan kerana tanpa **baju kuning** sekalipun, perhimpunan ini tetap juga diadakan oleh pihak pembangkang. Bagi data T6P3A1, **PAS** merupakan meronim kepada **pembangkang** kerana **PAS** ialah sebuah parti **pembangkang**. Dalam memperkatakan meronim pilihan, **pembangkang** yang menjadi holonim tidak semata-mata bergantung pada **PAS** untuk menjadi **pembangkang** sebaliknya **pembangkang** juga melibatkan parti-parti lain seperti PKR, DAP, Parti Pribumi dan PAN. Begitu juga dengan data T10P5A1 yang meletakkan **Bersih 5** sebagai holonim yang boleh berdiri dengan sendiri. Walaupun **Soros** merupakan meronimnya, namun **Bersih 5** tidak bergantung semata-mata pada **Soros**. Jika tiada **Soros** sekalipun,

Bersih 5 tetap dianggap sebagai **Bersih 5** kerana holonim ini boleh berdiri dengan sendiri tanpa bergantung pada Soros sebagai meronimnya.

Selain menjelaskan meronim sebagai *necessary* dan *optional*, bahagian-bahagian yang terkandung dalam meronim juga boleh dijelaskan sebagai hubungan holonim dengan meronim. Hubungan holonim dengan meronim menjelaskan bahagian-bahagian yang mempunyai kaitan dengan holonim (Dedi, 2006). Rajah 4.9 menunjukkan hubungan holonim-meronim bagi tema Tun Dr. Mahathir yang dipetik dari T1 (rujuk lampiran T1).

Holonim:



Rajah 4.9 : Meronim Tun Dr. Mahathir

Rajah 4.9 merupakan data meronim **Tun Dr. Mahathir** yang dipetik daripada teks 1 (T1). Dalam T1, **Tun Dr. Mahathir** merupakan holonim yang mempunyai bahagian-bahagian yang berkaitan dengan diri beliau. Terdapat 9 meronim yang boleh dikaitkan dengan **Tun Dr. Mahathir** berdasarkan T1. **Deklarasi Rakyat** merupakan meronim yang dapat dikaitkan dengan **Tun Dr. Mahathir** kerana beliaulah yang menggerakkan **Deklarasi Rakyat**, manakala **negarawan** juga meronim bagi **Tun Dr. Mahathir** kerana gelaran ini biasanya diberikan kepada pemimpin negara yang banyak berjasa. **Pertemuan dengan Anwar di mahkamah** juga sebahagian meronim **Tun Dr. Mahathir** kerana beliau telah berjumpa dengan bekas timbalannya itu semasa

perbicaraan di mahkamah. Seterusnya meronim yang dapat dikaitkan dengan **Tun Dr. Mahathir** ialah **menggugat kerajaan dan menjatuhkan Najib** serta **sanggup berbaik dengan musuh politik seperti Anwar dan Lim Kit Siang**. Kedua-dua meronim ini mempunyai kaitan dengan **Tun Dr. Mahathir** berikutan kelantangannya mengkritik kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak serta penglibatan beliau dalam gerakan pembangkang yang menuntut beliau berbaik dengan Anwar dan Lim Kit Siang. Seterusnya, **Tun Dr. Mahathir** juga dianggap sebagai **pemimpin besar dan pernah berseteru dengan Anwar selama 18 tahun**. Di samping itu, beliau juga merupakan **mantan pengurus Barisan Nasional** dan telah **menubuhkan parti baharu** yang dinamakan Parti Pribumi Bersatu Malaysia. Pernyataan semula meronim ini menunjukkan bahawa pengarang sangat teliti dalam mempertaut ideanya dengan menyatakan semula meronim bagi memberi kepuasan kepada pembaca yang membaca artikel ruangan pojok ini. Memandangkan ruangan pojok merupakan karangan pendek yang bersifat ulasan berita dan komentar, maka pengarang perlu memanfaatkan aspek kohesi melalui pernyataan semula meronim sesuai dengan ciri pojok itu sendiri yang pendek dan ringkas, namun padat dengan pelbagai maklumat.

4.3 Leksikal Berkolokasi

Kohesi melalui leksikal berkolokasi dilihat agak mirip dengan hubungan meronim, namun menurut Dedi (2006), leksikal berkolokasi memiliki maujud (holonim) yang berbeza kerana maujud tersebut tidak saling melekat antara satu sama lain, sedangkan maujud (holonim) meronim saling berkait antara satu sama lain. Dalam konteks ini, item-item leksikal yang hadir dalam kolokasi kerap hadir secara bersama atau mempunyai makna rujukan umum (hiperonim) yang sama atau berkaitan (Idris, 2010). Menurut Abdul Rani et.al (2004), kolokasi ialah perkara berkaitan hal yang wujud secara berdampingan dengan sesuatu yang lain yang akhirnya akan mewujudkan kesatuan. Sebagai contoh,

ikan dan *air* sering digabungkan sebagai satu kesatuan. Kalau ada *ikan*, kebiasaannya mesti ada *air*. Dalam erti kata yang sebenar, hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dengan perkataan lain dalam satu susunan misalnya dalam ayat ditakrifkan sebagai kolokasi. Menurut Idris (2016), kata yang berkolokasi bagaikan mewujudkan suatu medan makna yang jelas. Tetapan melalui kolokasi dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kolokasi kata berkaitan dan kolokasi kata berlawanan.

4.3.1 Kolokasi Kata Berkaitan

Kolokasi kata berkaitan merupakan aspek kohesi yang dapat menjadikan sesuatu teks itu berpaut dengan baik kesan kepelbagaian penggunaan kata oleh pengarang yang dapat mengaitkan sesuatu perkataan dengan makna rujukan umum. Berdasarkan teks ruangan pojok Awang Selamat, disenaraikan contoh kolokasi kata berkaitan berdasarkan tema Tun Dr. Mahathir dan tema Bersih seperti yang terdapat dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7 : Pernyataan semula melalui kolokasi kata berkaitan

Tema	Nombor Teks/ Perenggan/Ayat	Kolokasi Kata Berkaitan
Tun. Dr. Mahathir	T1P1A1	Deklarasi Rakyat – Dr. Mahathir Mohamad
	T4P5A4	DAP – 37 kerusi parlimen
	T5P1A1 / T5P3A1	Bersih – baju kuning
	T5P3A2 / T5P3A3	DAP – Malaysian Malaysia
	T5P4A4	Bersih – perhimpunan haram
Bersih	T6P4A1 / T6P5A1	Bersih 5.0 – Bersih 4.0
	T8P6A1	Firma guaman – bisnes
	T9P6A4	Arab Springs – rusuhan jalanan
	T10P1A1	1988 – krisis kewangan
	T10P1A1	George Soros – penyangak matawang

Berdasarkan tema Tun Dr. Mahathir, terdapat lima kolokasi kata berkaitan yang terdapat dalam ruangan pojok Awang Selamat. Bagi data T1P1A1, kolokasi kata berkaitan yang dapat dikaitkan dengan **Deklarasi Rakyat** ialah **Dr. Mahathir Mohamad**. Hal ini demikian kerana **Deklarasi Rakyat** yang telah digagaskan oleh **Dr. Mahathir Mohamad** merupakan satu bentuk pungutan suara daripada orang ramai dalam menyatakan sokongan terhadap kepemimpinan sedia ada, iaitu Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak. Dr. Mahathir telah menggerakkan **Deklarasi Rakyat** bagi meminta tandatangan orang ramai untuk melihat sokongan terhadap Perdana Menteri. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan penghuraian makna melalui kolokasi antara kedua-dua frasa tersebut sangat jelas dan terperinci. Oleh yang demikian, kolokasi kata berkaitan **Deklarasi Rakyat** amat sesuai untuk dikaitkan dengan **Dr. Mahathir Mohamad**.

Sementara itu, kolokasi sangat mudah dikenal pasti dengan menggunakan kaedah kohesi yang menghubungkan perkaitan semantik item leksikal yang mempunyai hubungan rujukan umum yang sama (Noor Suraya et.al, 2016). Bagi data T4P5A4, kedua-dua kata **DAP** dan **37 kerusi parlimen** ialah rujukan umum yang sama serta mempunyai tautan kolokasi yang sangat rapat. **DAP** merupakan sebuah parti pembangkang, manakala **37 kerusi parlimen** pula merupakan kolokasi kata berkaitan dengan **DAP** kerana parti tersebut mempunyai **37 kerusi parlimen** hasil kemenangan dalam pilihan raya umum ke-13 yang lalu. Kedua-dua kata yang berkolokasi itu sering hadir berdampingan, misalnya dalam laporan berita di televisyen, surat khabar mahupun laman-laman sesawang berkaitan politik khususnya laman sesawang pembangkang. Lazimnya berita berkaitan **DAP** akan dikaitkan dengan **37 kerusi parlimen** seperti yang biasa disiarkan dalam akhbar Roket mahupun laman sesawang seperti Malaysiakini bagi menunjukkan bahawa parti tersebut sangat berpengaruh di negara kita sehingga boleh memenangi 37 kerusi parlimen. Dalam masa yang sama, kata berkolokasi antara DAP dan 37 kerusi parlimen juga menunjukkan bahawa parti tersebut sangat kuat dalam arena politik negara.

Kesimpulannya, pengarang ruangan pojok Awang Selamat mengaitkan **DAP** dengan kolokasi **37 kerusi parlimen** bagi menunjukkan hubungan antara satu perkataan dengan perkataan lain yang mempunyai kaitan dan secara tidak langsung mewujudkan medan makna yang jelas dalam ruangan pojok Awang Selamat.

Kohesi juga terbentuk antara dua kolokasi kata berkaitan seperti yang terdapat dalam data T5P1A1 dan data T5P3A1. Dalam data ini, **Bersih** dan **baju kuning** merupakan dua kata berkolokasi yang sering hadir berdampingan. Jika muruku dikaitkan dengan masyarakat India, maka **Bersih** pula sering dikaitkan dengan **baju kuning**. Kohesi yang terbentuk daripada kata berkolokasi ini sangat unik terutama dari aspek makna kerana lazimnya masyarakat akan menggambarkan **Bersih** sebagai **baju kuning**. Hal ini demikian kerana sejak **Bersih** mengadakan perhimpunannya sehingga perhimpunan Bersih yang kelima, peserta-peserta perhimpunan ini menunjukkan sokongan melalui pemakaian baju berwarna kuning. **Bersih** dan **baju kuning** masing-masing berpaut untuk membentuk kohesi dalam teks kerana **baju kuning** telah dipakai oleh para peserta **Bersih** ketika mereka mengadakan demonstrasi di Kuala Lumpur. Jika baju merah dikaitkan dengan penyokong Datuk Seri Jamal Yunos, maka peserta **Bersih** pula dikaitkan dengan **baju kuning**. Hal ini bertepatan dengan takrifan yang dibuat oleh Halliday dan Hasan (1976) bahawa kolokasi melibatkan hubungan makna yang berdekatan antara satu sama lain.

Kolokasi kata berkaitan juga dapat dilihat dalam data T5P3A2 dan T5P3A3. Kedua-dua data ini menunjukkan kohesi antara **DAP** dengan **Malaysian Malaysia**. Kolokasi yang terbentuk antara **DAP** dan **Malaysian Malaysia** membolehkan sesuatu perkataan itu dikenali terutama daripada aspek makna dengan sangat jelas dan terperinci. Hal ini menunjukkan bahawa aspek kolokasi memberi penguraian makna yang tepat dan tidak terdapat dalam aspek perkamusahan. Kedua-dua kata **DAP** dan **Malaysian Malaysia** mewujudkan aspek makna yang sangat jelas kepada kita kerana apabila masyarakat

memperkatakan **DAP**, maka secara tidak langsung akan tergambar dalam fikiran masyarakat tentang **Malaysian Malaysia**. Sememangnya perjuangan **DAP** untuk melaksanakan **Malaysian Malaysia** bermula sejak perjuangan PAP ketika Singapura belum berpisah dengan Malaysia. **Malaysian Malaysia** membawa makna bahawa tiada kaum mempunyai kelebihan berbanding kaum lain dan inilah yang diperjuangkan oleh **DAP** sejak dahulu lagi. Oleh yang demikian, kolokasi antara **DAP** dan **Malaysian Malaysia** dikatakan kerap hadir secara bersama-sama kerana perkara ini telah diperjuangkan oleh **DAP** sejak sekian lama. Pemanfaatan aspek kolokasi kata berkaitan oleh pengarang dalam artikel pojok Awang Selamat merupakan pengaplikasian yang berkesan memandangkan pojok merupakan ruangan yang kritikan yang bersifat telus dan ikhlas serta fakta yang tepat.

Aspek kohesi leksikal yang seterusnya dapat dilihat dalam data T5P4A4. Kohesi leksikal dalam data ini adalah antara **Bersih** dengan **perhimpunan haram**. Kolokasi antara **Bersih** dengan **perhimpunan haram** kerap hadir secara bersama-sama berikutan perhimpunan sebegini tidak mendapat permit polis lalu diisyihar sebagai **perhimpunan haram**. Menurut laporan Bernama (2016), polis mengklasifikasikan perhimpunan **Bersih** 5.0 dan Gerakan Baju Merah yang dirancang di ibu kota sebagai demonstrasi haram. Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata hal ini demikian kerana kedua-dua perhimpunan itu gagal mematuhi peruntukan undang-undang khususnya Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012. Hal ini jelas menunjukkan bahawa wujud kolokasi kata berkaitan antara **Bersih** dengan **perhimpunan haram**. Dengan adanya kolokasi berkaitan, maka ruangan pojok dilihat berupaya untuk menjadi ruangan yang amat berkesan lebih-lebih lagi bahasa yang digunakan perlu mudah dan difahami oleh pembaca.

Menerusi data T6P4A1 dan T7P1A1, pengarang ruangan pojok Awang Selamat telah mengemukakan perkataan **Bersih 5.0** dalam tulisannya bersama dengan perkataan

Bersih 4.0. Kata nama khas **Bersih 5.0** dilihat mempunyai kolokasi berkaitan dengan **Bersih 4.0** kerana perhimpunan ini diadakan sebagai kesinambungan daripada siri-siri perhimpunan sebelumnya seperti Bersih 1, Bersih 2, Bersih 3, Bersih 4.0 dan Bersih 5.0. Menjelang perhimpunan **Bersih 5.0**, media massa di negara kita sentiasa melaporkan berita tentang perhimpunan tersebut termasuklah mengaitkannya dengan perhimpunan yang diadakan sebelumnya yang dikatakan sebagai perhimpunan yang tidak membawa sebarang faedah. Pertautan antara **Bersih 5.0** dengan **Bersih 4.0** membuktikan aspek kohesi sangat penting bagi menjalin idea dalam sesebuah teks apakah lagi apabila disiarkan dalam akhbar. Dengan kata lain, pemanfaatan aspek kolokasi akan menjadikan sesuatu teks itu berkesatuan (Halliday dan Hasan, 1976).

Sementara itu, data T8P6A1 menunjukkan **firma guaman** sebagai bentuk kata yang mempunyai kolokasi dengan **bisnes**. Umum mengetahui bahawa **firma guaman** yang terdapat di negara kita merupakan firma yang menjalankan **bisnes**. Lazimnya **firma guaman** menawarkan khidman guaman kepada masyarakat untuk mendapat perkhidmatan mereka seperti perkhidmatan peguam bela dan dalam masa yang **firma guaman** turut menjalankan **bisnes** apabila mengenakan caj terhadap perkhidmatan mereka. Hal ini membuktikan bahawa wujud kolokasi antara **firma guaman** dengan **bisnes**. Bagi tema Bersih, data seterusnya yang menunjukkan kolokasi kata berkaitan ialah data T9P6A4. Data T9P6A4 mengemukakan **Arab Springs** sebagai unsur utama, manakala kata yang berkolokasi dengannya ialah **rusuhan jalanan**. Hal ini demikian kerana **Arab Springs** yang berlaku di Mesir bermula dengan rusuhan jalanan yang akhirnya membawa kepada kejatuhan pemerintahan Hosni Mubarak. Sementara itu, tahun **1988** yang terdapat dalam T10P1A1 juga dilihat mempunyai kolokasi dengan **krisis kewangan**. Hal ini demikian kerana pada tahun tersebut, seluruh dunia telah landa krisis kewangan sehingga menyebabkan pasaran saham di seluruh dunia menjunam. Jadi, apabila masyarakat memperkatakan tahun **1988**, maka secara tidak langsung mereka

mengaitkannya dengan **krisis kewangan**. Begitu juga dengan data T10P1A1 apabila wujud kolokasi kata berkaitan antara **George Soros** dengan **penyangak matawang**. Seluruh dunia mengetahui bahawa **George Soros** merupakan **penyangak matawang** yang telah memberi kesan terhadap krisis kewangan pada tahun 1988. Kegiatan spekulasi terhadap matawang oleh **George Soros** pada tahun tersebut telah menyebabkan pasaran saham dunia mengalami kejatuhan dan amat tepat sekali apabila beliau dikaitkan dengan **penyangak matawang**. Perkara ini menunjukkan bahawa wujudnya kesatuan idea dalam kata berkolokasi yang akan menjadikan ruangan pojok menarik untuk dibaca.

Secara kesimpulannya aspek kohesi melalui kata berkolokasi memainkan peranan yang sangat penting khususnya dalam memerikan makna dengan lebih cekap. Penggunaan kata berkolokasi dapat membezakan makna perkataan tertentu yang seperingkat dengannya dan berperanan penting dalam memerikan makna dengan tepat. Hal ini menunjukkan bahawa aspek kohesi melalui kolokasi mempunyai kaitan antara idea dalam teks selain menunjukkan pengetahuan pengarang dalam memaparkan pelbagai kata yang saling berkaitan bagi menjadikan sesuatu teks itu menarik untuk dibaca.

4.3.2 Kolokasi Kata Berlawanan

Kohesi leksikal turut melibatkan pernyataan semula kolokasi kata berlawanan atau antonim. Selain memasukkan kolokasi kata berkaitan, pengarang ruangan pojok Awang Selamat turut memasukkan kolokasi dalam bentuk kata berlawanan bagi mewujudkan kohesi dalam teks. Menurut S. Nathesan (2002), kata berlawanan membawa maksud makna yang berlawanan, namun antonim bukan semuanya boleh dikatakan makna berlawanan. Misalnya gemuk antonimnya ialah kurus, namun juga boleh dipadankan dengan kecil atau sedang. Begitu juga dengan data yang diperoleh dalam kajian ini turut menunjukkan semua kata berlawanan tidak mendukung makna yang benar-benar berlawanan. Kolokasi kata berlawanan terbentuk apabila dua perkataan yang mempunyai

makna bertentangan (antonim) serta dinyatakan secara berdampingan. Hal ini secara tidak langsung juga boleh membantu membentuk kohesi dalam sesebuah teks. Misalnya jika ada waktu sekarang mesti ada waktu dahulu, begitu juga dengan kejayaan mesti juga berkaitan dengan kegagalan.

Berdasarkan analisis terhadap 10 teks ruangan pojok Awang Selamat, terdapat sepuluh data yang dapat dikaitkan dengan kolokasi kata berlawanan. Jadual 4.8 menyenaraikan kolokasi kata berlawanan yang wujud dalam data.

Jadual 4.8 : Pernyataan semula melalui kolokasi kata berlawanan

Tema	No Teks/ Perenggan/Ayat	Kolokasi Kata Berlawanan
Tun Dr. Mahathir	T2P1A1 / T2P2A1	minggu lalu – minggu ini
	T3P6A4	sekarang – dulu
	T3P7A2	elegan – amarah
	T4P5A4 / T4P5A5	menolak – akur
	T5P6A1	mulakan – pengakhiran
Bersih	T6P1A1	menghina – mengikhtiraf
	T7P5A2	pembangkang – kerajaan
	T8P3A2	mudarat – keuntungan
	T9P6A3 / T9P6A4	rakyat – kerajaan
	T10P5A2	racun – madu

Dalam data T2P1A1 dan T2P2A1, kohesi terbentuk apabila frasa **minggu lalu** berantonim dengan **minggu ini**. Kedua-dua frasa berlawanan ini mendukung makna yang benar-benar berlawanan kerana **minggu lalu** sudah pasti berlawan dengan **minggu ini**. Dengan adanya kolokasi kata berlawanan, maka akan wujud keserasian hubungan antara satu unsur linguistik dengan satu unsur linguistik yang lain dalam sesebuah wacana

apatah lagi jika unsur sebegini wujud dalam ruangan pojok sudah tentu pembaca akan tertarik dengan wacana yang dihidangkan.

Kohesi leksikal juga dapat dilihat melalui data T3P6A4. Bagi data ini, kolokasi kata berlawanan yang berkaitan masa adalah antara **sekarang** dan **dulu**. Kedua-dua kata ini membentuk kohesi apabila kata **sekarang** dinyatakan semula dalam bentuk berlawanan sebagai **dulu**. Hal ini membuktikan aspek kohesi leksikal sangat penting dalam membentuk teks yang berkesatuan terutama cara pengarang mengaitkan masa dahulu dengan masa sekarang. Penggunaan kolokasi kata berlawanan dari aspek masa diberi perhatian oleh penulis artikel ini sebagai cara perbandingan masa lampau dengan masa kini yang akan menjustifikasikan pembaca terhadap sesuatu isu yang telah dan akan berlaku.

Di samping itu, kata **elegan** dan **amarah** juga membentuk kohesi melalui kolokasi kata berlawanan. **Elegan** bermaksud tampan, rapi dan anggun, manakala **amarah** sama maksud dengan marah. Walaupun tidak membentuk kata yang benar-benar berlawanan, **elegan** masih boleh dilawan dengan **amarah** jika dilihat dari sudut makna kebalikan. Umum mengetahui bahawa orang berada dalam keadaan **amarah** semestinya tidak akan kelihatan **elegan** atau berkeadaan anggun kerana rupa paras pasti berubah oleh sebab dikuasai oleh **amarah**. Dengan memanfaatkan kolokasi kata berlawanan, penulis ruangan pojok Awang Selamat dilihat berupaya untuk mewujudkan kesinambungan idea dalam teks sehingga pembaca memperoleh jalinan makna yang tersusun dalam teks.

Kolokasi kata berlawanan juga dapat dilihat dalam data T4P5A4 dan T4P5A5. Kata kerja **menolak** dilihat mempunyai kolokasi berlawanan dengan **akur**. **Menolak** bermaksud tidak mahu menerima sedangkan **akur** bermaksud setuju menerima. Berikut merupakan ayat yang dipetik berdasarkan kedua-dua kata berkolokasi berlawanan tersebut.

T4P5A4 Apa pun, Awang tabik kepada Pas yang terus **menolak** DAP (37 kerusi Parlimen) iaitu kuasa utama Pakatan Harapan.

T4P5A5 Biarlah Mahathir sahaja **akur**.

Dalam data T4P5A4, kolokasi kata berlawanan **menolak** dalam data tersebut berkaitan penolakan Pas terhadap DAP, manakala **akur** dalam data T4P5A4 menerangkan penerimaan DAP oleh Mahathir. Penggunaan kolokasi kata berlawanan dalam artikel Awang Selamat ini menunjukkan penggunaan bahasa yang sangat mudah untuk difahami oleh pembaca apabila pengarang menggunakan kata berlawanan untuk meyakinkan pembaca terhadap isu yang sedang berlaku. Hal ini sesuai dengan ciri pojok itu sendiri yang perlu meyakinkan pembaca terhadap isu-isu nasional dan matlamat tersebut hanya dapat dicapai melalui penggunaan bahasa yang mudah difahami.

Begitu juga dengan kolokasi kata berlawanan antara kata **mulakan** dengan **pengakhiran** yang terdapat dalam data T5P6A1. Kata **mulakan** dilihat membawa maksud berlawanan dengan **pengakhiran** seperti contoh ayat yang diberikan.

T5P6A1 Sebagai pemimpin, kita bukan dinilai dengan apa yang kita **mulakan** tetapi bagaimana **pengakhiran** kita, jangan sampai menghina diri.

Data T5P6A1 menunjukkan cara pengarang menggunakan kolokasi kata berlawanan bagi menjelaskan isu Tun Dr. Mahathir. Kolokasi kata berlawanan yang terdapat dalam ayat tersebut menjadikan idea yang ingin disampaikan oleh pengarang mempunyai kaitan dengan idea yang berikutnya, iaitu tentang **permulaan** dan **pengakhiran** yang akan ditempuh oleh Tun Dr. Mahathir. Perkara ini dizahirkan melalui ruangan pojok bagi memberi pertimbangan kepada pembaca tentang **permulaan** dan **pengakhiran** seseorang tokoh politik. Walaupun bersifat kritikan yang tajam dan pedas, namun penilaian harus dibuat oleh pembaca sama ada bersetuju atau tidak dengan pandangan penulis. Yang

penting, ruangan pojok adalah untuk menyatakan kebenaran terhadap sesuatu perkara atau isu yang sedang berlaku.

Dalam pada itu, kolokasi kata berlawanan antara kata kerja transitif **menghina** dengan kata kerja transitif **mengiktiraf** turut membentuk kohesi dalam ruangan pojok Awang Selamat. Menurut Kamus Dewan (2005), **menghina** bermaksud menyinggung perasaan orang lain. Dalam konteks ini, kata **menghina** sangat sesuai untuk diberi kata berlawan dengan **mengikhtiraf** kerana kata kerja transitif ini bermaksud untuk menunjukkan penghargaan kepada orang lain. Berikut ialah ayat yang dipetik daripada data T6P1A1.

T6P1A1 Dalam pada para pemimpin DAP asyik **menghina** Pas selepas menamatkan kerjasama Mac 2014, rupa-rupanya parti tersebut masih **mengiktiraf** kekuatan dan pengaruh bekas sekutunya itu.

Penggunaan kolokasi kata berlawanan bagi data T6P1A1 jelas dapat mewujudkan kesinambungan idea dalam teks. Penulis menggunakan perkataan **menghina** bagi merujuk penghinaan DAP terhadap Pas dan dalam masa yang sama penulis turut menggunakan perkataan **mengiktiraf** yang menjelaskan pengiktirafan DAP terhadap Pas. Bagi pembaca, satu jalinan idea wujud dalam teks tersebut, iaitu tentang penghinaan dan pengiktirafan terhadap Pas yang secara tidak langsung menjadikan kritikan itu sangat menarik untuk dibaca selaras dengan fungsi ruangan pojok yang dapat mempengaruhi pendapat pembaca tentang politik kepartian di negara kita.

Selanjutnya, data T7P5A2 turut mengandungi kolokasi kata berlawanan yang bersifat umum seperti **kerajaan** berantonim dengan **pembangkang**. Begitu juga antara **mudarat** yang berlawanan dengan **keuntungan**. Bagi data T8P3A2 ini, **mudarat** bermaksud sesuatu yang merugikan atau berbahaya, manakala **keuntungan** didefinisikan sebagai sesuatu yang mendatangkan manfaat. Dalam konteks ini, kolokasi kata berlawanan yang terbentuk antara **mudarat** dengan **keuntungan** memberi pemahaman

kepada pembaca bahawa teks tersebut bertaut dengan begitu baik sekali. Selain itu, kolokasi kata berlawanan antara **rakyat** dengan **kerajaan** yang terdapat dalam data T9P6A3 dan T9P6A4 juga dapat membentuk kohesi dalam teks. Kata nama am **rakyat** sememangnya tepat untuk dipadukan dengan **kerajaan** sebagai kata berlawanan kerana golongan rakyat diperintah oleh kerajaan. Sesuatu yang menarik tentang kolokasi kata berlawanan juga dapat dilihat dalam data T10P5A2 apabila **racun** berpadu dengan kata lawannya, iaitu **madu**. Menurut Kamus Dewan (2005), **racun** bermaksud bahan berbisa yang boleh menyebabkan sakit, manakala **madu** pula ialah cecair manis yang terdapat dalam sarang lebah. Walau bagaimanapun, dalam konteks kolokasi berlawanan berdasarkan ruangan pojok Awang Selamat **racun** merupakan kiasan terhadap sesuatu yang dianggap berbahaya manakala **madu** pula sesuatu yang memberi kebahagiaan atau manfaat.

Kesimpulannya kohesi melalui kolokasi kata berlawanan dapat membentuk tautan dalam teks. Pengarang menggunakan kolokasi berlawanan bagi menunjukkan kata yang digunakan dalam teks dapat dipelbagaikan di samping dapat memberi pelbagai variasi bahasa kepada pembaca memandangkan ruangan pojok memberi sumbangan besar ke arah mempengaruhi pendapat umum serta membentuk pemikiran rakyat menerusi perbincangan yang logik yang mudah dan penonjolan realiti yang sebenar (Zam, 1994).

4.4 Rumusan

Dengan ini dapat dirumuskan bahawa kohesi leksikal yang melibatkan pernyataan semula kata yang sinonim dan hampir sinonim, penggunaan kata superordinat, pernyataan melalui meronim serta leksikal berklokasi mempunyai fungsi yang amat besar dalam teks. Sebagai teks yang menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami serta ringkas, pengarang ruangan pojok Awang Selamat dilihat berupaya untuk memanfaatkan aspek kohesi dengan baik sekali dalam menyampaikan maklumat kepada pembaca.

Dalam aspek pernyataan semula secara sinonim dan hampir sinonim, pengarang berjaya memanfaatkan aspek kohesi leksikal disebabkan kedua-dua perkataan ini merupakan kata yang hampir sinonim, maka penggunaannya dalam teks bukan dianggap lewah. Dalam situasi sebegini, pernyataan semula leksikal sangat perlu dan bukannya lewah memandangkan pengarang ingin mewujudkan kesan dramatik dalam tulisannya serta bertepatan dengan ruangan pojok sebagai ruangan komentar yang bernas. Selain itu, pernyataan semula melalui kata yang sinonim dan hampir sinonim juga bertujuan untuk menyatakan semula sesuatu perkataan sebagai idea dalam teks supaya pembaca memperoleh maklumat yang lebih jelas tentang sesuatu perkara memandangkan ruangan pojok merupakan pandangan dan kritikan sepintas lalu yang ringan, namun jauh lebih penting adalah untuk menarik perhatian pembaca.

Dalam aspek pernyataan semula melalui kata superordinat, keupayaan pengarang mengaitkan teks dengan unsur hiperonim dan hiponim turut menjadikan artikel tersebut bertaut dengan baik sekali. Pernyataan semula kata superordinat dalam ruangan pojok menunjukkan pengetahuan pengarang dalam menguasai isu yang sedang dibincangkan. Pengarang bijak untuk mengaitkan kata hiperonim yang bersifat umum dengan kata khusus, iaitu hiponim memandangkan ruangan pojok merupakan ruangan komentar yang memerlukan penggunaan bahasa yang jelas dan tepat.

Sementara itu, pernyataan semula melalui meronim dianggap pelengkap kepada pernyataan melalui kata yang sinonim dan hampir sinonim memandangkan sifat meronim yang lebih terperinci dalam menjelaskan hubungan antara holonim dengan meronim sehingga pembaca memperoleh pelbagai maklumat dalam ruangan pojok. Pernyataan semula melalui kata meronim melibatkan makna dalam sebahagian objek atau komponen lain yang lebih terperinci kerana meronim itu sendiri ialah bahagian-bahagian kecil dalam holonim. Bahagian-bahagian yang terkandung dalam meronim sangat penting untuk dinyatakan dalam ruangan pojok disebabkan ruangan pojok menjadi tumpuan pembaca

pada setiap minggu. Oleh itu, pengarang harus memanfaatkan pernyataan semula melalui kata atau frasa meronim agar pembaca memperoleh maklumat yang jelas tentang sesuatu isu yang hendak dipaparkan dalam akhbar.

Seterusnya, leksikal berkolokasi juga merupakan aspek yang terdapat dalam kohesi leksikal yang dapat membentuk kesatuan idea dalam teks. Leksikal berkolokasi lebih menjurus kepada perkataan-perkataan atau frasa yang hadir secara bersama dalam teks. Pemanfaatan aspek kolokasi kata berkaitan oleh pengarang dalam artikel pojok Awang Selamat merupakan pengaplikasian yang berkesan memandangkan pojok merupakan ruangan yang kritikan yang bersifat telus dan ikhlas serta fakta yang tepat. Sementara kolokasi berlawanan juga merupakan cara pengarang mempertaut idea dalam teks. Misalnya perbandingan masa lampau dengan masa kini yang akan menjustifikasi pembaca terhadap sesuatu isu yang telah dan akan berlaku. Kolokasi kata berlawanan dilihat berupaya untuk mewujudkan kesinambungan idea dalam teks hasil perbandingan sesuatu perkara atau isu sehingga pembaca memperoleh jalinan makna yang jelas dalam teks.

Secara kesimpulannya, aspek kohesi leksikal berfungsi untuk membentuk wacana yang bermakna. Sekiranya sesuatu teks dibina dengan kohesi leksikal yang menarik, maka teks yang dibaca sudah tentu bermakna dan difahami oleh pembaca. Dalam konteks ruangan pojok, pengarang membina teks yang difahami oleh pembaca memandangkan ruangan pojok merupakan ulasan berita yang sangat penting untuk disampaikan bahasa yang mudah serta difahami oleh pembaca. Sekiranya sesuatu teks yang disiarkan dalam akhbar dijalin dengan aspek kohesi, sudah tentu berita yang akan disiarkan dapat dihayati oleh pembaca dan secara tidak langsung fungsi akhbar sebagai media untuk membujuk akan tercapai.

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bahagian ini akan memfokuskan rumusan kajian tentang dua aspek kohesi, iaitu kohesi nahanan (bab 3) dan kohesi leksikal (bab 4). Dengan berpandukan teori kohesi (Halliday dan Hasan, 1976), pengkaji telah memperoleh beberapa dapatan penting berkaitan kohesi dalam ruangan pojok. Rumusan kajian ini akan didahului dengan kohesi nahanan dan berikutnya kohesi leksikal.

5.2 Rumusan Kohesi Nahanan

Analisis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap data kajian didapati telah memenuhi teori kohesi yang menjadi pegangan dalam kajian ini. Empat aspek kohesi nahanan yang wujud dalam teori kohesi (Halliday dan Hasan, 1976), iaitu rujukan, penggantian, penghilangan dan penghubung telah diaplikasikan oleh pengarang ruangan pojok Awang Selamat dalam ruangannya.

Bagi aspek rujukan, aspek ini telah dimanfaatkan oleh pengarang dengan baik sekali dalam artikelnya yang melibatkan tema Tun Dr. Mahathir dan tema Bersih. Rujukan endofora dan eksofora merupakan dua jenis rujukan yang telah dimanfaatkan oleh pengarang untuk mewujudkan tautan dalam teks. Rujukan endofora yang melibatkan penggunaan kata ganti nama dalam teks dapat dilihat dari segi kekerapan penggunaan kata ganti nama diri. Misalnya, bagi teks 1 (T1), kata ganti nama diri ketiga paling kerap digunakan oleh pengarang, iaitu sebanyak 8 kali, diikuti T2 sebanyak 6 kali bagi kata ganti diri ketiga. Bagi T3, kata ganti nama diri ketiga juga dominan dalam teks ini, iaitu kekerapan sebanyak 6 kali, manakala bagi T4 tiada penggunaan kata ganti nama diri dicatatkan. Bagi T5 kekerapan penggunaan kata ganti nama diri sebanyak 27 kali,

manakala T6 sebanyak 4 kali, sementara T8 dan T10 masing-masing mencatat kekerapan penggunaan kata ganti nama diri sebanyak 3 kali dan 2 kali.

Berdasarkan rumusan di atas, dapat disimpulkan penggunaan kata ganti nama diri yang paling kerap digunakan oleh pengarang ruangan pojok Awang Selamat ialah **anda** dan **beliau**. Kata ganti nama diri kedua **anda** digunakan secara kerap dalam khususnya dalam T5 dan T6 membuktikan bahawa pengarang telah hilang rasa hormat terhadap **Tun Dr. Mahathir** sehingga **anda** digunakan bagi merujuk negarawan ini. Menurut Awang (2007), **anda** merupakan kata ganti nama diri kedua yang bersifat tidak rasmi selain digunakan dalam hubungan yang akrab. Dalam konteks ini, penggunaan **anda** bagi merujuk **Tun Dr. Mahathir** dilihat tidak tepat kerana **Tun Dr. Mahathir** tidak mempunyai hubungan yang akrab dengan penulis, lagipun ruangan pojok Awang Selamat merupakan penulisan rasmi yang disiarkan dalam akhbar dan seharusnya menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai. Penggunaan **anda** bagi merujuk **Tun Dr. Mahathir** ekoran tindak-tanduk **Tun Dr. Mahathir** yang banyak menyerang kepemimpinan negara sehingga pengarang hilang rasa hormat terhadap beliau lalu merujuk beliau sebagai **anda** dalam teksnya.

Walaupun dalam sesetengah keadaan pengarang menggunakan kata ganti nama diri **anda** bagi merujuk **Tun Dr. Mahathir**, penggunaan kata ganti nama diri ketiga **beliau** sebanyak 26 kali juga menunjukkan bahawa pengarang ruangan pojok Awang Selamat menghormati negarawan ini dalam tulisannya. Menurut Asmah (2015), **beliau** ialah kata ganti nama diri hormat yang perlu digunakan terhadap tokoh-tokoh atau seseorang yang dihormati. Dalam konteks ini, penggunaan **beliau** dalam ruangan pojok Awang Selamat bagi merujuk beberapa orang tokoh seperti Tun Dr. Mahathir, Lim Guan Eng dan Haji Abdul Hadi Awang dilihat sangat tepat dan sesuai dengan kedudukan mereka sebagai pemimpin dalam politik negara.

Penggunaan kata ganti nama diri dalam artikel Awang Selamat ini membuktikan bahawa pengarang berjaya memanfaatkan aspek kohesi dalam teks bagi merujuk seseorang dalam teks. Langkah pengarang menggunakan kata ganti nama diri dalam artikelnya bagi merujuk seseorang perlu dilakukan bagi mengelakkan pengarang mengulang nama seseorang dalam artikelnya. Walaupun pengarang menggunakan kata ganti nama diri sebagai unsur penggantian, namun idea yang ingin disampaikan tetap difahami oleh pembaca.

Seterusnya penggunaan kata ganti nama diri sebagai aspek rujukan dalam artikel Awang Selamat dapat dilihat melalui rujukan secara anafora dan katafora. Rujukan secara anafora menerangkan unsur sebelum, iaitu merujuk ke belakang, manakala rujukan secara katafora menerangkan unsur selepas. Penggunaan kata ganti nama diri secara anafora dan katafora yang terdapat dalam artikel Awang Selamat berfungsi sebagai kata sapaan yang digunakan untuk menggantikan panggilan terhadap nama seseorang. Penggunaan kata ganti nama diri sama ada secara anafora atau katafora dilihat menjadi unsur wacana yang penting dalam pelbagai komunikasi manusia dan perlu digunakan dengan tepat menurut sistem yang diterima oleh masyarakat atau pihak yang diberi wibawa menentukannya (Awang, 2007). Dalam kajian ini, pengkaji mendapati pengarang artikel Awang Selamat telah menggunakan kata ganti nama seperti **kita**, **baginda**, **mereka**, **beliau** dan **-nya** untuk merujuk seseorang yang terdapat dalam teks. Penggunaan kata ganti nama diri sebagai unsur sapaan dalam artikel Awang Selamat secara tidak langsung menunjukkan pengarang mengetahui kata sapaan yang sesuai untuk seseorang yang ingin dirujuk, malah pengarang turut menggunakan kata sapaan yang tidak sesuai untuk merujuk Tun Dr. Mahathir apabila beliau dirujuk sebagai **anda** dalam artikelnya dan dilihat sesuai dengan fungsi ruangan pojok yang merupakan kritikan-kritikan tajam terhadap seseorang. Penggunaan kata ganti nama diri **anda** bagi merujuk Tun Dr. Mahathir membuktikan kata sapaan ini mempunyai fungsi kohesi dalam teks pojok.

Seterusnya, pemanfaatan aspek rujukan seperti **ini** dan **itu** sebagai rujukan eksofora turut membantu menjadikan idea dalam teks bertaut dengan baik. Sebagai media penyebar maklumat, artikel Awang Selamat didapati telah memasukkan unsur kata tunjuk **ini** dan **itu** sebagai rujukan untuk membentuk kesatuan idea dalam teks terutama bagi mengelakkan unsur yang ingin dirujuk dalam teks diulang semula. Walau bagaimanapun, pembaca tetap memahami maksud yang hendak disampaikan. Penggunaan **ini** dan **itu** sebagai rujukan eksofora sangat sesuai untuk dimanfaatkan dalam artikel Awang Selamat memandangkan ruangan pojok dibaca oleh semua golongan masyarakat. Bertitik-tolak daripada senario ini, maka pengarang perlu menggunakan bahasa yang mudah untuk merujuk sesuatu perkara dengan cara memanfaatkan penggunaan rujukan **ini** dan **itu** dalam teks. Hal ini penting untuk dilakukan memandangkan akhbar merupakan media yang menjadi penghubung antara penulis dengan pembaca. Apabila berinteraksi, pastilah objektif utamanya adalah untuk memahamkan khalayak yang menjadi sasarannya. Oleh sebab itu, pengarang perlu menggunakan bahasa yang mudah agar penyampaian maklumat dapat difahami oleh pembaca.

Kohesi nahuan seterusnya yang terdapat dalam artikel Awang Selamat ialah aspek penggantian. Aspek penggantian melibatkan pengambilan tempat sesuatu segmen kata, frasa atau klausa oleh kata atau frasa bayangan (*dummy*) lain. Penerima atau sasaran wacana boleh memahaminya melalui ayat yang mendahuluinya. Berdasarkan teks pojok Awang Selamat, pengkaji telah memberi tumpuan kepada empat jenis penggantian, iaitu penggantian namaan, penggantian kerjaan, penggantian bahasa kiasan dan penggantian bahasa figuratif. Keempat-empat aspek penggantian ini merupakan aspek penting bagi membentuk pertautan idea dalam ruangan pojok Awang Selamat. Penggunaan penggantian dalam teks Awang Selamat tidak mencacatkan makna teks kerana pembaca tetap memahami maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang kerana pengarang telah menggantikan kata atau frasa asal dengan kaedah kohesi penggantian yang menjadikan

struktur wacana tersebut difahami oleh pembaca. Pemanfaatan aspek penggantian dalam teks dapat mengelakkan pengulangan kata atau frasa yang sama dalam teks. Walau bagaimanapun, pembaca tetap memahami teks yang dibaca kerana maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang telah dicapai melalui ayat yang mendahuluinya. Penggunaan bahasa sebegini sangat penting untuk dizahirkan dalam artikel ruangan pojok memandangkan ruangan pojok merupakan tulisan-tulisan pendek yang memerlukan kebijaksanaan pengarang memanfaatkan aspek penggantian bagi mempersembahkan wacana yang menarik kepada pembaca.

Di samping itu, penggantian dalam bentuk peribahasa dan bahasa figuratif yang terdapat dalam artikel Awang Selamat juga merupakan antara dapatan yang menarik dalam kajian ini. Hal ini bertepatan dengan ciri ruangan pojok Awang Selamat yang merupakan catatan, pandangan dan kritikan yang tajam serta pedas. Sebagai tulisan pendek yang berbentuk sindiran tajam, pengarang artikel Awang Selamat didapati menggunakan peribahasa dan sarkasme sebagai bentuk penggantian tentang sindiran yang ingin ditujukan kepada seseorang dalam ruangannya. Penggantian berlaku apabila pengarang tidak mengulang kembali frasa atau klausa yang bersifat tajam atau sindiran, sebaliknya digantikan dalam bentuk peribahasa dan bahasa figuratif. Dalam konteks ini, penggunaan peribahasa dan bahasa figuratif sebagai satu daripada unsur kohesi dalam teks secara tidak langsung menjadikan idea yang terdapat dalam artikel Awang Selamat sangat mudah untuk difahami oleh pembaca memandangkan peribahasa dan bahasa figuratif mempunyai maksud tersirat yang sarat dengan makna tersendiri.

Aspek kohesi leksikal yang seterusnya ialah penghilangan. Aspek penghilangan merupakan antara dapatan penting yang terdapat dalam kajian ini. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, aspek penghilangan melibatkan proses peniadaan kata atau sebahagian kesatuan lain dalam ayat, namun unsur yang dihilangkan itu dapat diperoleh semula dalam konteks kebahasaan. Hal ini menunjukkan bahawa penghilangan dalam

ayat bahasa Melayu sangat menarik untuk dikaji kerana kebanyakan para pengkaji bahasa terikat dengan anggapan bahawa ayat yang sempurna perlu mempunyai subjek-predikat. Dapatkan daripada analisis menunjukkan bahawa terdapat dua jenis penghilangan dalam artikel Awang Selamat, iaitu penghilangan namaan dan kerjaan. Kedua-dua aspek ini membuktikan bahawa pengarang memanfaatkan aspek penghilangan dengan tidak mengulangi kembali unsur namaan dan kerjaan yang terdapat dalam teks terutama bagi mengelakkan ungkapan berlebihan. Walau bagaimanapun, pembaca tetap memahami maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang kerana kewujudan asalnya dapat dikesan melalui konteks. Oleh itu, mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang kepada pembaca masih boleh difahami. Hal ini demikian kerana kaedah penghilangan berfungsi untuk mengelakkan ungkapan yang berlebihan dan perkara ini sangat sesuai untuk dimanfaatkan dalam ruangan pojok memandangkan ruangan ini merupakan tulisan-tulisan pendek yang perlu memaparkan idea yang jelas, ringkas dan padat.

Aspek terakhir dalam kohesi nahanan ialah penghubung. Aspek penghubung juga merupakan dapatan penting dalam kajian ini. Penghubung ialah proses mempertalikan ayat, klausa, frasa atau kata dengan unsur sebelumnya. Penggunaan penghubung dalam teks akan dapat mempertalikan teks dengan jalinan yang secara tidak langsung dapat menjadikan idea dalam teks berkesinambungan apabila dibaca. Berdasarkan analisis terhadap data kajian, terdapat lima jenis penghubung yang terdapat dalam artikel Awang Selamat, iaitu penghubung gabungan, waktu, pancangan keterangan, sebab dan akibat serta syarat atau pengandaian. Bagi penghubung gabungan, ayat yang bergabung merupakan ayat yang setara sifatnya, manakala penghubung waktu berkaitan masa atau ketika. Penghubung pancangan keterangan pula berfungsi untuk menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada klausa utama. Penghubung sebab dan akibat pula berfungsi bagi menyatakan alasan dan biasanya kata hubung ini hadir di hadapan frasa yang berfungsi sebagai keterangan, manakala kata penghubung syarat atau pengandaian

digunakan oleh penulis pojok Awang Selamat sebagai andaian penulis semata-mata terhadap sesuatu isu yang hendak diperkatakan.

Kelima-lima penghubung ini didapati telah membantu membina wacana yang berpautan dan berkesatuan dengan cara menghubungkan dua klausa yang secara tidak langsung mewujudkan pautan antara kedua-dua klausa tersebut. Dalam masa yang sama, penggunaan penghubung dalam ruangan pojok Awang Selamat dapat mengembangkan ayat secara berkesan dan seterusnya melahirkan idea yang bermakna dalam ayat atau perenggan. Hal ini dilihat bertepatan dengan ciri ruangan pojok itu sendiri yang mengandungi pelbagai maklumat yang berguna kepada pembaca. Pembaca bukan sekadar dapat mengetahui isu yang berlaku di sekeliling mereka, malah dalam masa yang sama mereka juga ingin mengetahui punca-punca berlaku sesuatu perkara. Perkara ini dilihat berjaya dimanfaatkan oleh pengarang apabila pengarang menggunakan tautan penghubung sebagai cara untuk menjelaskan idea dengan lebih terperinci.

Secara kesimpulannya, empat aspek kohesi nahuan yang telah dibincangkan ternyata mempunyai fungsi tersendiri dalam membentuk kesinambungan idea dalam teks. Aspek kohesi nahuan berfungsi untuk menjelaskan cara pengarang menyusun fikirannya secara berstruktur agar wujud interaksi dua hala antara penulis dengan pembaca. Pemanfaatan aspek kohesi nahuan dalam teks akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca khususnya dan ruangan pojok umumnya sebagai ruangan yang membentuk pemikiran rakyat yang berkesan.

5.2 Rumusan Kohesi Leksikal

Analisis terhadap artikel Awang Selamat menunjukkan bahawa aspek kohesi leksikal juga dimanfaatkan oleh penulis bagi mewujudkan kesatuan idea dalam teks. Hal ini demikian kerana kohesi leksikal ialah alatan pembina pautan yang penting dalam

membawa maklumat atau idea dalam wacana. Sebagai alatan pembina pautan yang penting, kohesi leksikal dilihat perlu dimanfaatkan oleh seseorang penulis bagi membentuk satu tahap jalinan makna yang bersepada dan berstruktur. Jika wacana diolah secara bersepada dan mempunyai kesatuan makna yang jelas, hubungan makna antara ayat yang ditulis dalam ruangan pojok sudah tentu menampakkan hubungan kontekstual yang dinamik dan utuh.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memberi fokus terhadap dua aspek penting yang terdapat dalam kohesi leksikal, iaitu pernyataan semula leksikal dan pemanfaatan leksikal berkolokasi. Pernyataan semula leksikal berlaku dalam empat cara, iaitu pengulangan kata sama atau hampir sama, pernyataan semula secara sinonim atau hampir sinonim, pernyataan semula melalui kata superordinat (yang melibatkan hiperonim) dan pernyataan semula melalui meronim. Bagi leksikal berkolokasi, pengkaji mendapati dua aspek leksikal berkolokasi seperti kolokasi kata berkaitan dan kolokasi kata berlawanan telah dimanfaatkan oleh pengarang ruangan pojok Awang Selamat bagi mewujudkan pertalian makna antara ayat dalam teks.

Hasil analisis terhadap data kajian, pengkaji mendapati dua aspek dalam pengulangan kata telah dimanfaatkan oleh pengarang dalam artikel Awang Selamat, iaitu pengulangan kata yang sama dan pengulangan kata atau frasa yang hampir sama. Kedua-dua pengulangan ini dapat membentuk kohesi dalam teks apabila perkataan atau frasa yang diulang dalam ayat atau perenggan merupakan kata isi yang mempunyai fungsi utama dalam pengutaraan idea atau maklumat dalam teks atau wacana. Hal ini demikian kerana perkataan atau frasa perlu diulang oleh pengarang kerana perkataan atau frasa tersebut merupakan unsur yang tidak boleh ditinggalkan apabila pengarang memperkatakan inti pati atau idea teks. Sekiranya perkataan atau frasa berkenaan tidak diulang, sifat teks mungkin terganggu terutama dari segi kesatuan idea. Berdasarkan analisis terhadap data kajian, pengkaji mendapati pengulangan kata yang sama dalam

artikel Awang Selamat telah dimanfaatkan oleh pengarang yang melibatkan pengulangan kata nama khas dan pengulangan kata ganti nama diri. Pengulangan kata nama khas dalam teks menunjukkan bahawa jika kata nama khas digugurkan dalam pengulangan yang kedua, maka pengutaraan idea atau maklumat dalam data tersebut akan terganggu kerana kata nama khas yang diulang merupakan kata inti yang mempunyai fungsi penting dalam membentuk kohesi.

Jika dilihat dari sudut penegasan pula, pengulangan perkataan yang sama dalam subjek ayat membuktikan pengarang ruangan pojok ini amat mementingkan penegasan ideanya di samping memberi kesan kepada pembaca untuk membuat pertimbangan bahawa kata yang diulang itu merupakan inti pati utama dalam teks. Memandangkan ruangan pojok merupakan ruangan kritikan terhadap isu semasa, maka pengulangan kata yang sama dalam artikel sangat penting untuk dilakukan agar pembaca dapat menilai sesuatu isu dengan tepat dan berkesan. Dalam masa yang sama, pengulangan perkataan yang sama bukanlah sesuatu yang lewah, sebaliknya perlu diulang oleh pengarang artikel Awang Selamat agar pembaca memperoleh jalinan cerita atau idea yang benar-benar berkesan, apatah lagi teks ini ditulis dalam ruangan pojok. Oleh sebab ciri ruangan pojok itu sendiri yang merupakan karangan-karangan pendek, maka idea yang dikemukakan oleh pengarang perlulah jelas, ringkas dan padat agar sesuai dengan peranan ruangan pojok itu sendiri sebagai ruangan kritikan yang berkesan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah ruangan ini menjadi tumpuan para pembaca pada setiap hari minggu.

Seterusnya, pengkaji juga mendapati pengulangan kata yang sama dalam teks juga melibatkan pengulangan kata ganti nama diri. Penggunaan kata ganti nama diri atau kata panggilan dilakukan oleh pengarang sebagai satu cara untuk merujuk seseorang dalam teks dengan tidak perlu menyebut nama seseorang, sebaliknya menggantikannya dengan kata panggilan atau kata ganti nama diri yang sesuai. Perkara ini bukan sahaja dapat menunjukkan kepekaan pengarang untuk menggunakan kata ganti nama yang sesuai bagi

merujuk seseorang, malah dapat menunjukkan rasa hormat pengarang terhadap seseorang. Pengulangan kata ganti nama dalam teks juga sangat penting untuk dilakukan bagi mewujudkan kesatuan idea dalam wacana. Pengulangan kata ganti nama diri secara pengulangan penuh tanpa pengurangan dan perubahan bentuk pada kata tersebut berfungsi untuk memberi tekanan kepada bahagian yang diulang. Secara umumnya, bahagian yang diulang merupakan kata kunci yang perlu diberi perhatian dalam perenggan kerana pengarang ingin mengingatkan pembaca bahawa perkara yang diulang perlu diberi perhatian serius terutama dalam konteks dunia yang nyata. Hal ini dilihat sesuai dengan ciri ruangan pojok itu sendiri yang merupakan ruangan komentar yang bernas serta boleh mempengaruhi pendapat umum atau membentuk pemikiran rakyat (Zam, 1994).

Kesinambungan idea dalam teks juga dimanfaatkan oleh pengarang dengan melakukan pengulangan kata atau frasa yang hampir sama dalam teks. Seperti pengulangan kata yang sama, pengulangan kata atau frasa yang hampir sama dalam teks juga penting dalam membentuk kesepaduan idea dalam wacana. Walaupun pengulangan terjadi dalam bentuk kata atau frasa yang hampir sama, namun konstruksi kata atau frasa yang hampir sama itu masih mempunyai bentuk dasar yang sama dengan bentuk asal. Tujuan pengarang melakukan pengulangan kata atau frasa yang hampir sama dalam perenggan adalah untuk mengelakkan pengulangan kata atau frasa yang sama serta menimbulkan kelainan pada penulisannya. Pengulangan perkataan atau frasa hampir sama dalam teks menjelaskan bahawa kata yang diulang itu merupakan kata inti yang tidak boleh ditinggalkan dalam teks. Sekiranya pengarang tidak mengulang semula perkataan atau frasa dalam bentuk kata yang hampir sama, maka maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang tidak akan sampai kepada pembaca memandangkan kata inti tersebut merupakan perkara dasar yang perlu dinyatakan semula dalam ayat atau perenggan. Oleh itu, bahasa yang digunakan dalam ruangan pojok mestilah ringkas, jelas

dan yang paling penting mudah untuk difahami oleh pembaca walaupun perkataan atau frasa tersebut sentiasa diulang oleh pengarang.

Selain itu, pernyataan semula secara sinonim atau hampir sinonim juga merupakan dapatan penting dalam kajian ini. Kehadiran bentuk pernyataan semula secara sinonim atau hampir sinonim dalam teks mempunyai fungsi tersendiri terutama untuk mempertaut satu idea dengan idea lain yang akhirnya akan mewujudkan kohesi dalam teks. Walau bagaimanapun, pernyataan semula secara sinonim mahupun hampir sinonim dalam teks tidak boleh dianggap sebagai bentuk lewah. Hal ini demikian kerana, kewujudan perkataan yang mempunyai makna yang sama dalam teks amat penting khususnya bagi mewujudkan tautan antara idea yang ingin dikemukakan oleh pengarang. Pernyataan semula secara sinonim dan hampir sinonim yang terdapat dalam ayat atau perenggan menunjukkan bahawa pengarang ingin mengingatkan pembaca bahawa sesuatu isu atau perkara yang sedang dibaca itu merupakan isu penting yang perlu diberi perhatian oleh pembaca. Bagi merealisasikan peringatan tersebut, maka pengarang perlu menyatakan semula dalam bentuk sinonim atau hampir sinonim dan perkara ini bukan dianggap lewah. Hal ini secara tidak langsung dapat mempertahankan idea atau topik yang sedang dibincangkan oleh pengarang dalam ruangan pojoknya.

Di samping itu, pernyataan semula melalui kata superordinat atau hiponim merupakan satu daripada cara yang telah dianalisis oleh pengkaji berkaitan aspek kohesi leksikal dalam teks. Pernyataan semula melalui kata superordinat melibatkan pernyataan semula sama ada melalui penggunaan kata yang lebih umum atau hiperonim atau perkataan yang lebih khusus atau juga dikenali sebagai hiponim. Pernyataan semula kata superordinat dalam ruangan pojok menunjukkan bahawa pengetahuan pengarang tentang sesuatu isu yang sedang dibicarakan adalah luas. Pengarang bijak untuk mengaitkan hiperonim dengan hiponim memandangkan ruangan pojok merupakan ruangan komentar yang sarat dengan pelbagai maklumat yang boleh menambahkan pengetahuan pembaca.

Kedua-dua aspek hiperonim dan hiponim yang terdapat dalam teks dapat memudahkan pembaca memahami sesuatu perkara dengan lebih jelas. Dalam masa yang sama, penyenaraian hiperonim dalam ruangan pojok bukan sekadar untuk membentuk tautan dalam teks, malah dapat menambah pengetahuan sedia ada pembaca tentang sesuatu perkara. Secara kesimpulannya, pernyataan semula melalui kata superordinat atau hiponim telah memberi kesan yang mendalam kepada pembaca dalam menghayati sebuah teks atau karya yang saling berpaut antara satu sama lain dan berkesan dari segi maknanya.

Aspek kohesi leksikal juga dapat dilihat dari sudut pernyataan semula melalui meronim. Meronim melibatkan makna dalam sebahagian objek atau komponen lain atau konsep yang melibatkan bahagian dengan seluruh. Pernyataan semula melalui meronim juga menjadi satu daripada ciri kohesi leksikal yang penting dan telah diberi perhatian dalam kajian ini. Dua jenis meronim yang wujud dalam data melibatkan meronim wajib (*necessary*) dan meronim pilihan (*optional*). Meronim wajib (*necessary*) melibatkan bahagian yang mempunyai hubungan yang saling memerlukan dan melengkapi antara satu sama lain atau transitif, manakala meronim pilihan boleh berdiri dengan sendiri dan tidak bergantung pada unsur lain untuk melengkapkan makna atau tidak transitif. Hasil analisis terhadap data mendapati meronim wajib (*necessary*) mempunyai hubungan yang sangat rapat antara holonim dengan meronim kerana masing-masing perlu hadir serentak. Sekiranya holonim tersebut tidak dikaitkan dengan meronim, maka tautan leksikal tidak akan berlaku. Bagi meronim pilihan pula, pernyataan semula melalui meronim pilihan tidak bergantung pada hubungan holonim dengan meronim kerana meronim pilihan boleh berdiri sendiri dalam membentuk tautan makna dalam teks. Tuntasnya, pernyataan semula meronim menunjukkan bahawa pengarang sangat teliti dalam mempertaut ideanya dengan menyatakan semula meronim bagi memberi kepuasan kepada pembaca yang membaca artikel ruangan pojok ini. Memandangkan ruangan pojok

merupakan karangan pendek yang bersifat ulasan berita dan komentar, maka pengarang perlu memanfaatkan aspek kohesi melalui pernyataan semula meronim sesuai dengan ciri pojok itu sendiri yang pendek dan ringkas, namun padat dengan pelbagai maklumat.

Selain aspek pernyataan semula leksikal, dapatan tentang leksikal berkolokasi juga telah dianalisis oleh pengkaji. Kolokasi merupakan aspek penting dalam memerikan makna, iaitu merujuk kepada penggunaan perkataan dalam konteks ayat dan seterusnya memperlihatkan taburan makna perkataan. Dalam analisis yang telah dilakukan terhadap data, pengkaji dapat menentukan makna sesuatu perkataan dengan lebih jelas dan terperinci melalui kolokasi kata berkaitan dan kolokasi kata berlawanan. Kolokasi kata berkaitan merupakan aspek kohesi yang dapat menjadikan sesuatu teks itu berpaut dengan baik kesan kepelbagaian penggunaan kata oleh pengarang yang dapat mengaitkan sesuatu perkataan dengan makna rujukan umum.

Kolokasi kata berlawanan atau antonim juga wujud dalam artikel Awang Selamat dan telah dimanfaatkan dengan baik oleh pengarang dalam tulisannya bagi membentuk kesatuan idea dalam teks. Kolokasi kata berlawanan terbentuk apabila dua perkataan yang mempunyai makna bertentangan (antonim) serta dinyatakan secara berdampingan. Dapatkan ini dapat menjelaskan bahawa dengan adanya kolokasi kata berlawanan dalam teks, maka wujud keserasian hubungan antara satu unsur linguistik dengan satu unsur linguistik yang lain dalam sesebuah wacana apatah lagi jika unsur sebegini wujud dalam ruangan pojok sudah tentu pembaca akan tertarik dengan wacana yang dihidangkan. Pengarang menggunakan kolokasi berlawanan bagi menunjukkan kata yang digunakan dalam teks dapat dipelbagaikan di samping dapat memberi pelbagai variasi bahasa kepada pembaca.

Secara kesimpulannya, penggunaan kolokasi dalam artikel Awang Selamat dapat memberikan maklumat yang secukupnya kepada pembaca untuk menginterpretasikan makna perkataan. Menurut Abdullah (2002), kolokasi dapat membezakan makna

perkataan tertentu yang seperingkat dengannya dan berperanan penting dalam memerikan makna dengan tepat. Berdasarkan analisis data, penggunaan kolokasi dalam ruangan pojok Awang Selamat dapat menjelaskan dengan lebih terperinci sesuatu perkataan atau frasa berbanding dengan penguraian makna melalui kamus. Selain dapat membentuk tautan idea dengan tersusun, pemanfaatan kolokasi dalam teks secara tidak langsung akan memperkasakan bahasa Melayu itu sendiri khususnya dari aspek pemaknaan.

5.4 Cadangan Kajian

Dengan adanya kajian ini, pengkaji mengharapkan supaya kajian ini menjadi panduan dan landasan kepada pengkaji bidang wacana untuk mengkaji aspek-aspek lain dalam analisis wacana dalam kajian mereka. Bidang wacana merupakan bidang yang amat menarik untuk dikaji memandangkan bidang ini melibatkan kajian melebihi batas ayat serta konteks ayat. Aspek kohesi merupakan satu daripada aspek wacana yang telah diberi perhatian dalam kajian ini, walau bagaimanapun banyak lagi aspek lain dalam wacana yang boleh diberi perhatian oleh para pengkaji bahasa. Oleh itu, pengkaji-pengkaji yang seterusnya boleh mengkaji pelbagai aspek analisis wacana dalam kajian berikutnya berdasarkan kerangka konsep dan teori yang lain pula. Bidang analisis wacana bukan bergantung pada teori kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan sahaja, malah banyak lagi teori dan pendekatan lain yang boleh diaplikasikan oleh pengkaji bidang wacana. Selain memilih teori kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976) sebagai cara untuk mengkaji tautan yang terdapat dalam teks, para pengkaji yang berikutnya boleh menggunakan pelbagai pendekatan analisis wacana yang lain seperti Fairclough, Van Dijk dan sebagainya.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memberi tumpuan terhadap analisis wacana ruangan pojok, iaitu satu daripada ruangan yang terdapat dalam akhbar harian. Pemilihan artikel ruangan pojok dilakukan oleh sebab ruangan ini merupakan lidah pengarang yang

merumuskan pelbagai isu yang berlaku di dalam mahupun luar negeri yang melibatkan isu-isu politik, sosial, ekonomi, sukan dan sebagainya. Untuk kajian yang selanjutnya, para pengkaji boleh memberi tumpuan terhadap ruangan-ruangan lain pula yang terdapat dalam akhbar. Setiap ruangan yang terdapat dalam akhbar pasti akan memanfaatkan aspek kohesi yang tersendiri dalam mengemukakan wacananya. Misanya aspek kohesi yang terdapat dalam artikel Awang Selamat sangat penting untuk dimanfaatkan kerana ruangan ini sendiri merupakan ruangan kritikan, komen dan ulasan berita yang bersifat tajam dan pedas. Oleh itu pengarang perlu bijak memanfaatkan aspek kohesi dalam tulisannya. Begitu juga dengan ruangan-ruangan lain yang terdapat dalam akhbar seperti ruangan sukan, hiburan, kesihatan, agama dan sebagainya yang semestinya merupakan wacana yang menarik untuk dikaji terutama dari aspek kohesi.

Seterusnya, pengkaji juga mengharapkan supaya kajian tentang analisis wacana ini memberi manfaat kepada guru bahasa Melayu, mahasiswa yang sedang mempelajari bahasa Melayu mahupun pelajar sekolah tentang kepentingan mendalamai bidang analisis wacana amnya, dan kohesi khususnya. Sebagai guru, mahasiswa dan pelajar, mereka perlu memahami kepentingan bidang analisis wacana kerana bidang ini sendiri sangat menarik untuk dipelajari dengan mendalam. Pengajaran bahasa Melayu di sekolah misalnya tidak sepatutnya ditumpukan terhadap aspek morfologi dan sintaksis semata-mata, malahan bidang wacana perlu juga diberi perhatian kerana wacana itu sendiri melibatkan aspek makna serta tautan idea secara keseluruhannya. Di sekolah misalnya, guru-guru bahasa Melayu akan mengajar pelajar cara-cara menulis karangan. Guru-guru bahasa Melayu tidak sepatutnya menekankan aspek kata (morfologi) dan ayat (sintaksis) semata-mata apabila mengajar karangan, sebaliknya perlu menekankan juga aspek tautan idea kerana karangan itu sendiri merupakan sebuah wacana. Menurut Khatijah (1998), penulisan yang menjadi komponen utama dalam PMR, SPM dan STPM perlu ditumpukan juga kepada aspek-aspek yang melebihi batas ayat, sedangkan pengajaran dan

pemelajaran mengarang pada masa kini hanya menumpukan pengajaran tatabahasa dari segi sintaksis yang hanya menekankan domain ayat sahaja. Menurut Khatijah (1998), perkara remeh seperti kesilapan tatabahasa lebih dipersoalkan, manakala masalah tidak boleh menulis dengan lancar dan kaku dalam proses mengarang seperti perkaitan semantik antara ayat dengan ayat atau perenggan dengan perenggan sehingga menjadi satu kesinambungan dan kesatuan teks karangan tidak diajarkan secara menyeluruh dalam pengajaran kemahiran menulis. Dalam erti kata yang sebenar, ayat bukan dikaji pada strukturnya sahaja, malah perlu menitikberatkan aspek konteks juga. Maka jelaslah bahawa bidang analisis wacana perlu diberi perhatian oleh para guru bahasa Melayu, mahasiswa, pelajar dan pengkaji bahasa yang lain.

Selain itu, pengkaji juga mengharapkan agar kajian yang dijalankan ini memberi rangsangan kepada pencinta bahasa di negara kita untuk merancakkan lagi kajian terhadap bidang analisis wacana. Sesungguhnya, bidang kajian analisis wacana di negara kita masih kurang jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Indonesia. Kebanjiran tokoh wacana di negara jiran membuktikan yang bidang ini mendapat tempat di negara mereka serta ditambah dengan pelbagai buku berkaitan wacana yang terdapat di pasaran. Di negara kita pula, Muhammad Yunus Maris merupakan pengkaji bahasa yang telah merintis kajian berdasarkan analisis wacana. Beberapa dekad kemudian, muncullah nama-nama besar seperti Sanat, Sato, Wong Khek Seng dan Idris yang merupakan antara pengkaji bidang wacana yang terkenal. Oleh yang demikian, pengkaji berasaskan adalah wajar bidang ini diteruskan oleh pengkaji-pengkaji yang akan datang agar bidang kajian berdasarkan analisis wacana terus berkembang di negara kita.

Bibliografi

- A Dictionary of Linguistics and Phonetics. (Fourth Edition). (1997). Massachusetts: Blackwell Pub.
- Abdul Chaer. (1988). *Tata Bahasa praktis bahasa Indonesia*. Jakarta: Penerbit Bhratara Karya Aksara.
- Abdul Chaer. (2007). *Leksikologi dan leksikografi Indonesia*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Abdul Jalil Othman. (2000, Jun). Kajian pertautan ayat dalam penulisan karangan. *Dewan Bahasa*, Ms. 677.
- Abdul Rani, Bustanul Arifin & Martutik. (2004). *Analisis wacana sebuah kajian bahasa dalam pemakaian*. Malang: Bayumedia Publishing.
- Abdullah Hassan. (2003). *Tatabahasa bahasa Melayu morfologi dan sintaksis untuk guru dan pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1993). *Kamus peribahasa lengkap Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn.Bhd.
- Abdullah Yusof. (2002, September). Peranan kolokasi dalam pemerkasaan makna kata ganda bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, Ms.46-48.
- Aida Ahmad. (2004, April). Tautan wacana dalam lidah pengarang. *Pelita Bahasa*, Ms.58.
- Almeida, Jose Carlos Paes de. (1984). *The interplay of cohesion and coherence in native and non-native written academic discourse*. Dissertation of Doctor of Philosophy. Washington: Georgetown University.
- Ana Nadhya Abrar. (2010). *Hubungan Dewan Perwakilan Rakyat dengan pemerintah pada masa pentadbiran Megawati Soekarnoputri: Analisis wacana surat khabar Indonesia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Arbak Othman. (1985). *Mengajar tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asiah Abdul Rahman. (2015). *Peribahasa sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asma Yusoff. (2003). *Berita politik dalam akhbar bahasa Melayu: Analisis struktur dan kohesi*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir (Edisi Kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Omar. (2015). *Teori asas nahu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2016). *Bahasa diraja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Selamat. (2016, September 18). Liabiliti?. *Mingguan Malaysia*, Ms. 6.
- Awang Selamat. (2016, September 20). Dr. M dan mesej. *Mingguan Malaysia*. Ms. 6.
- Awang Selamat. (2016, November 13). Mahathir dan PAS. *Mingguan Malaysia*. Ms. 6.
- Awang Selamat. (2016, November 20). Siapa sebenarnya anda?. *Mingguan Malaysia*. Ms. 6.
- Awang Selamat. (2016, November 27). DAP khianati Dr.M?. *Mingguan Malaysia*. Ms.6.
- Awang Selamat. (2016, Oktober 16). Dap, Bersih 5.0. *Mingguan Malaysia*. Ms. 6.
- Awang Selamat. (2016, Oktober 23). Bersih diperkasa?. *Mingguan Malaysia*. Ms. 6.
- Awang Selamat. (2016, Oktober 30). Rahman ‘ajar’ Bersih *Mingguan Malaysia*. Ms. 6.
- Awang Selamat. (2016, November 6). Soros-Bersih. *Mingguan Malaysia*. Ms. 6.
- Awang Selamat. (2016, November 13). Marina-Soros. *Mingguan Malaysia*. Ms. 6.
- Azhar M. Simin. (1993). *Sintaksis wacana “yang” dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bernama. (2016). Perhimpunan Bersih 5.0 dan baju merah adalah haram – Khalid. *ASTRO AWANI*. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/perhimpunan-bersih-5-0-dan-baju-merah-adalah-haram-khalid-122937>.
- Blusamurai. (2017). Inilah hakikatnya...dari MahaFiraun kepada MahaUTurn. *UMNO ONLINE*. Retrieved from <http://www.umno-online.my/2017/07/12/inilah-hakikatnya-dari-mahafiraun-kepada-mahauturn/>.
- Brown, G.& Yule,G. (1996). *Analisis wacana*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Chamil Wariya. (2008). *Penulisan berkesan media cetak, elektronik dan web*. Kuala Lumpur: MPI Malaysian Press Institute.
- Chang Yee Piyan. (2014). *Struktur dan makna pariwaran: Analisis wacana dalam akhbar bahasa Cina di Malaysia*. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Dedi Puryadi. (2006). Kohesi leksikal dalam wacana olahraga. *Rampak Serantau* (Ms. 173-191). Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dictionary of Language and Linguistics. (1973). London: Applied Science Publishers Ltd.

Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistic. (2002). United Kingdom: Longman.

Eriyanto. (2001). *Analisis wacana pengantar analisis teks media*. Yogyakarta: LKiS Yogyakarta.

Halliday, M.A.K. (2014). *Introduction to functional grammar* (Christian, M.I.M. Matthiessen.). London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.

Halliday, M.A.K. & Ruqaiya Hasan. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.

Henry Guntur Tarigan. (1995). *Pengajaran wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Idris Ahmad. (2010). Umno biadab dengan raja-raja Melayu. *Harakahdaily*. Retrieved from <http://arkib.harakahdaily.net/arkibharakah/index.php/arkib/berita/lama/2010/12/29913/umno-biadab-dengan-raja-raja-melayu.html>.

Idris Aman. (2010). *Analisis wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Idris Aman & Kamila Ghazali. (2016). *Praktis analisis wacana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ismail Dahaman. (2016). *Canggihnya bahasa Melayu kepelbagaiannya unsur hubungan kalimat bersendi ayat berpaksi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. (2002). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kamus Dewan. (Edisi keempat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Linguistik. (1983). Jakarta: Penerbit PT Gramedia.

Kamus Linguistik. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khatijah Abdul Hamid. (1998). Kohesi dan koheren dalam pendidikan bahasa Melayu. Sanat Md. Nasir & Rogayah A. Razak, *Pengajian bahasa Melayu memasuki alaf baru* (Ms. 306-307). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Lee Lai Foon & Raja Masitah Raja Arifin. (2005). *Petunjuk bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Looi Sue-Chern. (2017). Mereka boleh panggil saya apa saja, tak apalah, kata Dr. Mahathir. *The Malaysian insight*. Retrieved from <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/8162/>.

Maya Khemlani David & Rohani Mohd. Yusof (2000, Jun). Sistem panggilan dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Dewan Bahasa*, Ms. 252 -257.

Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd Saleeh Rahamad. (1998). *Strategi bahasa panduan nahu dan retorik untuk penulisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mees, C.A. (1969). *Tatabahasa dan tatakalimat*. Kuala Lumpur, Singapura: University of Malaya Press.
- Mills, S.(2004). *Michel Foucault*. London and New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2013). *Teori sistemik-fungsional dalam stilistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Asron Mustapha. (2016, Februari 23). Misikekalkan kewibawaan akhbar paling berpengaruh. *Utusanonline*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my>.
- Mohd Farhan Darwis. (2007, September 13). Utusan Malaysia lidah keramat Melayu, kata Najib. *Malaysiandigest*. Retrieved from www.malaysiandigest.com.
- Mohd Rashid Md Idris, Norliza Jamaluddin, Abu Hassan Abdul & Adenan Ayob. (2012). *Tatabahasa wacana*. Batu Caves: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman. (1964). *Bahasa renchana pengarang akhbar2 Melayu hingga katahun 1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaini Othman. (2004, Mac). Wacana, penanda wacana, kohesi, koheran. *Pelita Bahasa*. Ms. 26.
- Mohd Zuhdi Marzuki. (2017). Dr. Mahathir diktator politik. *Malaysiakini*. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/370126>.
- Muhaya Muhamad. (2016). Cermin diri dan betulkan hati. *Utusan Malaysia*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/rencana/cermin-diri-dan-betulkan-diri-1.389503>.
- Murphy, M.L. (2006). Meronymy. In *The Encyclopedia of language & linguistics* (Second edition, Ms.13-15). United Kingdom: Encyclopedia of language & linguistics.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Suraya Adnan Sallehudin, Sakina Suffian & Kamila Ghazali. (2016). Kata lewah dalam hikayat Hang Tuah. Idris Aman & Kamila Ghazali, *Praktis analisis wacana* (Ms. 71-91). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Okurowski, Mary Ellen. (1986). *Textual cohesion in modern Chinese*. Dissertation of Doctor of Philosophy. Faculty of the Graduate Study: Georgetown University.
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Oxford Concise Dictionary of Linguistics.(2014). United Kingdom: Oxford University Press.
- Philips, N. & Hardy, C. (2002). *Discourse analysis investigating processes of social construction*. London: International Educational and Professional Publisher.
- Rohaidah Haron. (2016). *Bahasa dan identiti wacana Mohd Najib Razak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan. (2002). *Makna dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan. (2004). *Kata sinonim dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan sains sosial pendekatan pragmatik*. Kuala Lumpur: Percetakan Naz Sdn. Bhd.
- Sato Hirobumi@Rahmat. (1997). *Analisis nahu wacana bahasa klasik berdasarkan teks Hikayat Hang Tuah: Suatu perbandingan dari sudut linguistik-struktural-fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Santhy Muttapan. (2011). *Kohesi dalam rencana pengarang akhbar Tamil*. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Setianna Simorangkir. (1994). *Cohesion in Toba-Batak*. Dissertation of Master. Singapore: National University of Singapore.
- Siti Rodziyah Nyan. (2009). *Akhbar Saudara pencetus kesedaran masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, Judith Ann. (1985). *Semantics aspects of cohesion in text and their relationship to recall*. Dissertation of Doctor of Philosophy. Department of Education. St Lucia: University of Queensland.
- Sobur, Alex. (2001). *Analisis teks media suatu pengantar untuk analisis wacana, analisis semiotik dan analisis Framing*. Bandung: Penerbit Pt Remaja Rosdakarya.
- Sanat Md. Nasir. (2002). *Tautan dalam wacana bahasa Melayu akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Joo Seng. (1994). *Wacana berita sukan dalam akhbar bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Bahasa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wong Khek Seng (1995). *Kesinambungan topik dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Zam. (1994). *Yang terbaik daripada Awang Selamat koleksi pilihan 1987-1992*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Zainal Abidin Ahmad. (1962). *Pelita Bahasa Melayu penggal 1 (permulaan nahu Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.